

**CABARAN MODENISASI DALAM BIDANG PENDIDIKAN SASTERA DAN  
KERJAYA: PERSEPSI MAJIKAN TERPILIH DI SABAH**



HAZIQA NUR SYAHIRAH BINTI JOSHEP

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2024



Universiti Malaysia  
KELANTAN

**CABARAN MODENISASI DALAM BIDANG PENDIDIKAN SASTERA DAN  
KERJAYA: PERSEPSI MAJIKAN TERPILIH DI SABAH**

Oleh

**HAZIQA NUR SYAHIRAH BINTI JOSHEP**

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh.....sehingga.....

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

No.Kad Pengenalan:

000514-12-1572

Haziqah Nur Syahirah binti Joshep

Tarikh: 25 Februari 2024

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia:

Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman

Tarikh: 25 Februari 2024

## PENGHARGAAN

“Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera”

*Bismillahirrahmannirahim.* Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, segala puji dan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT atas segala limpah kurnia-Nya, Yang Maha Bijaksana dan berkuasa ke atas sekalian alam. Segala pujian selawat dan salam kepada Junjungan Besar bagi Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat-sahabatnya. Syukur Alhamdulillah dengan limpah kurniaan-Nya, rahmat dan hidayah-Nya, penulisan tesis ini berjaya disempurnakan dan disiapkan oleh saya dengan jayanya mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Dalam pada itu, jutaan terima kasih yang dirakamkan kepada penyelia projek penyelidikan, iaitu Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman di atas kesabaran, bimbingan, tenaga, teguran dan masa yang sudi beliau luangkan dalam memberi tunjuk ajar serta bimbingan yang sangat teliti sehingga kajian ini berjaya disiapkan dengan jayanya. Beliau amat bertanggungjawab dan komited serta prihatin terhadap anak-anak didik yang melaksanakan penyelidikan di bawah penyeliaan beliau sekali gus menjadi suatu asbab untuk saya bersemangat menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada panel, Dr. Firdaus Bin Che Yaacob dan Dr. Nordiana binti Ab Jabar di atas teguran yang membina sehingga ianya dapat membantu dalam menambah baik penyelidikan ini ke arah yang terbaik dan bermanfaat.

Tidak dilupakan juga, setinggi-tinggi terima kasih diucapkan buat ibu yang saya kasihi dan hormati, Puan Satimi binti Sidan di atas kasih sayang, doa yang tidak pernah putus, dorongan, dan juga semangat yang sentiasa disalurkan sepanjang saya melaksanakan penyelidikan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Elektif Kesusasteraan Warisan. Turut diberikan ucapan terima kasih dan penghargaan terhadap sahabat dan rakan seperjuangan yang saya kasihi kerana sentiasa menghulurkan tangan, meminjamkan bahu dan memberikan sokongan serta berkongsi pendapat yang berkualiti agar sentiasa terus kuat dalam menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih juga atas pengalaman pahit dan manis yang dilalui bersama yang berjaya ditempuhi ketika menjayakan penyelidikan masing-masing. Semoga Allah SWT membalas semua budi dan jasa yang diberikan kepada semua terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang tempoh pelaksanaan penyelidikan ini, sekian terima kasih.

Haziqah Nur Syahirah binti Joshep

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

2024

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGESAHAN TESIS</b>	<b>I</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>II</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>III</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>VII</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>VII</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>VII</b>
<b><i>ABSTRACT</i></b>	<b>VIII</b>
<b>BAB 1</b>	
<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>1.1 Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>1.2 Latar Belakang Kajian</b>	<b>3</b>
<b>1.3 Permasalahan Kajian</b>	<b>5</b>
<b>1.4 Persoalan Kajian</b>	<b>7</b>
<b>1.5 Objektif Kajian</b>	<b>7</b>
<b>1.6 Skop Kajian</b>	<b>7</b>
<b>1.7 Kepentingan Kajian</b>	<b>8</b>
<b>1.8 Definisi Istilah dan Konsep</b>	<b>10</b>
<b>1.8.1 Pendidikan</b>	<b>10</b>
<b>1.8.2 Sastera</b>	<b>11</b>
<b>1.8.3 Kerjaya</b>	<b>11</b>
<b>1.8.4 Modenisasi</b>	<b>12</b>
<b>1.9 Organisasi Kajian</b>	<b>12</b>
<b>1.9.1 Bab Satu</b>	<b>13</b>
<b>1.9.2 Bab Dua</b>	<b>13</b>
<b>1.9.3 Bab Tiga</b>	<b>13</b>
<b>1.9.4 Bab Empat</b>	<b>14</b>
<b>1.9.5 Bab Lima</b>	<b>14</b>
<b>1.10 Kesimpulan</b>	<b>15</b>
<b>BAB 2</b>	
<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>16</b>
<b>2.1 Pengenalan</b>	<b>16</b>

<b>2.2 Pengkajian Berkaitan Tokoh Pendidikan</b>	<b>17</b>
<b>2.3 Pengkajian Berkaitan Persepsi Majikan</b>	<b>25</b>
<b>2.4 Pengkajian Berkaitan Teori Kerjaya</b>	<b>35</b>
<b>2.5 Pengkajian Berkaitan Bidang Lain dalam Pendidikan Sastera dan Bidang Kerjaya</b>	<b>44</b>
<b>2.5.1 Aspek Teknologi</b>	<b>45</b>
<b>2.5.2 Aspek Psikologi</b>	<b>48</b>
<b>2.5.3 Aspek Sosial</b>	<b>49</b>
<b>2.5.4 Aspek Bahasa</b>	<b>51</b>
<b>2.6 Kesimpulan</b>	<b>54</b>
<b>BAB 3</b>	
<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>55</b>
<b>3.1 Pengenalan</b>	<b>55</b>
<b>3.2 Reka Bentuk Kajian</b>	<b>56</b>
<b>3.3 Kaedah Kajian</b>	<b>57</b>
<b>3.3.1 Temu Bual Berstruktur</b>	<b>58</b>
<b>3.3.2 Kaedah Kepustakaan</b>	<b>59</b>
<b>3.3.3 Kaedah Analisis Kandungan</b>	<b>59</b>
<b>3.3.4 Sumber Laman Sesawang</b>	<b>61</b>
<b>3.4 Teori Pemilihan Kerjaya Holland</b>	<b>62</b>
<b>3.4.1 Konsep Teori Pemilihan Kerjaya Holland</b>	<b>63</b>
<b>3.5 Kerangka Teoritik</b>	<b>67</b>
<b>3.6 Kesimpulan</b>	<b>68</b>
<b>BAB 4</b>	
<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>69</b>
<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>69</b>
<b>4.2 Kerangka Analisis</b>	<b>69</b>
<b>4.4 Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973)</b>	<b>73</b>
<b>4.5 Analisis Dapatan Temu Bual</b>	<b>74</b>
<b>4.5.1 Memanfaatkan Perkembangan Teknologi dalam Bidang Pendidikan dan Kerjaya</b>	<b>75</b>
<b>4.5.2 Sastera Pelengkap Kepada Era Modenisasi</b>	<b>85</b>
<b>4.5.3 Tawaran Kerjaya dalam Bidang Pendidikan Sastera</b>	<b>90</b>

<b>4.5.4 Peranan Pihak Berkepentingan Terhadap Bidang Pendidikan Sastera dan Kerjaya</b>	<b>98</b>
<b>4.5.5 Perubahan dalam Bidang Pendidikan Sastera Menerusi Cabaran Modenisasi</b>	<b>104</b>
<b>4.5.6 Stigma Masyarakat Terhadap Bidang Pendidikan Sastera dan Kerjaya</b>	<b>109</b>
<b>4.5.7 Pandangan Pihak Majikan Terpilih</b>	<b>113</b>
<b>4.5.8 Sastera dan Teknologi Saling Berhubung</b>	<b>117</b>
<b>4.6 Faktor Pemilihan Kerjaya Menerusi Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973)</b>	<b>120</b>
<b>4.6.1 Personaliti Artistik</b>	<b>121</b>
<b>4.6.2 Personaliti Sosial</b>	<b>125</b>
<b>4.6.3 Personaliti Daya Usaha</b>	<b>128</b>
<b>4.6.4 Personaliti Konvensional</b>	<b>130</b>
<b>4.7 Kesimpulan</b>	<b>133</b>
<b>BAB 5</b>	
<b>KESIMPULAN</b>	<b>135</b>
<b>5.1 Pengenalan</b>	<b>135</b>
<b>5.2 Rumusan Kajian</b>	<b>135</b>
<b>5.3 Implikasi Kajian</b>	<b>142</b>
<b>5.4 Cadangan Daripada Hasil Kajian</b>	<b>145</b>
<b>5.4.1 Bidang Pendidikan Sastera Sebagai Pembentukan Nilai-nilai Moral dalam Kalangan Masyarakat</b>	<b>145</b>
<b>5.4.2 Program yang Berfungsi untuk Memartabatkan Bidang Pendidikan Sastera dan Kerjaya</b>	<b>146</b>
<b>5.4.3 Dasar untuk Memastikan Peluang Kerjaya Selaras dengan Bidang yang Diceburi oleh Pelajar</b>	<b>148</b>
<b>5.4.4 Meluaskan Penyelidikan Akan Datang</b>	<b>150</b>
<b>5.5 Kesimpulan</b>	<b>151</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>153</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>161</b>

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah 3.1:</b>	
<b>Teknik Analisis Soalan Temu Bual Kajian Kualitatif Persepsi Majikan</b>	<b>61</b>
<b>Rajah 3.2: Kerangka Teoritikal Kajian</b>	<b>67</b>
<b>Rajah 4.1: Kerangka Analisis</b>	<b>70</b>
<b>Rajah 4.2: Analisis Tematik</b>	<b>72</b>
<b>Rajah 4.3: Pengaplikasian Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973)</b>	<b>73</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual 4.1: Senarai Informan Kajian</b>	<b>75</b>
--	-----------

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## **Cabaran Modenisasi dalam Bidang Pendidikan Sastera dan Kerjaya: Persepsi Majikan Terpilih di Sabah**

### **ABSTRAK**

Keperluan terhadap bidang sains dan teknologi dilihat sangat diberi keutamaan khususnya di Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun. Dengan demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkembangan pendidikan sastera dan peluang kerjaya di Sabah sekitar tahun 2010 sehingga 2020 dan menganalisis pandangan majikan terpilih terhadap graduan sastera. Justeru, kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif menerusi kaedah temu bual dan kaedah analisis data. Kajian ini turut mengaplikasikan kaedah analisis tematik untuk mencipta tema yang lebih spesifik yang kemudiannya dihuraikan dengan sokongan kajian-kajian lepas seterusnya mencapai kedua-dua objektif kajian. Dengan demikian, dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan modenisasi kini bukanlah menjadi halangan atau cabaran terhadap bidang pendidikan sastera khususnya kepada graduan yang memilih bidang ini pada peringkat universiti. Perkembangan sains dan teknologi moden telah menjadi batu loncatan dan dorongan untuk memartabatkan lagi bidang sastera serta membuka ruang kerjaya yang luas dan pelbagai kepada graduan.

**Kata Kunci:** Cabaran Modenisasi, Pendidikan Sastera, Kerjaya, Persepsi Majikan, Graduan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

***Challenges of Modernization in the Field of Literary Education and Careers:  
Perceptions of Selected Employers in Sabah***

***ABSTRACT***

*Science and technology has become the number one needs platform for human beings especially in Malaysia as a developing country. Thus, this study aims to identify the growth of literary education and career opportunities in Sabah from 2010 to 2020 and analyze the perspective of selected employers towards literary graduates. Therefore, this study applies few methods such as qualitative research through interview and data analysis. This study also applied the Thematic Analysis method to create more specific themes which then elaborated with previous studies as its argument support in order to achieve both research objectives. In consequence, this study shows the development of modernization is not the actual obstacle to literary education especially for the graduates who study this field in university. Moreover, science and technology has always become an encouragement to this field and it opens up a wide and diverse career opportunities for graduates.*

***Keywords:*** *Challenges of Modernization, Literature, Career, Employer's Perspective, Graduate.*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Graduan universiti mahupun pelajar merupakan tunjang utama dalam merealisasikan sebuah negara yang maju sekali gus dapat mengatasi jurang ekonomi serta pengangguran khususnya di Malaysia. Oleh itu, sistem pendidikan merupakan akar umbi untuk menggerakkan dalam pencapaian matlamat negara. Melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (2017) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah menegaskan akan kepentingan peranan pendidikan dalam usaha membangunkan modal insan yang berketerampilan, berwawasan, berjati diri yang kukuh, berpengetahuan dan berkeperibadian yang mulia bagi mencapai status negara yang maju dengan kadar peratusan pengangguran yang rendah selepas tamat pengajian (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2017). Dengan demikian, dalam usaha untuk memperkasakan bidang pendidikan khususnya Pendidikan Sastera sudah pasti akan berhadapan dengan pelbagai cabaran terutamanya dalam perkembangan teknologi Revolusi Industri 4.0. Menerusi konteks cabaran pendidikan sastera dalam arus modenisasi ini membincangkan tentang penerimaan masyarakat serta bidang kerjaya yang ditawarkan kepada graduan sastera kelak yang sering mendapat tempat dalam perdebatan umum. Masyarakat sering mempersoalkan tentang kerelevanan bidang sastera dalam pembentukan seorang graduan yang bekerjaya.

Tidak dinafikan bahawa dunia modenisasi kini mementingkan peluang pekerjaan sebagai kayu ukur kepada suatu bidang yang diceburi oleh kalangan graduan

universiti. Persoalan tentang bidang pekerjaan merupakan satu kewajipan untuk setiap graduan selepas memperoleh ijazah. Kebolehpasaran bidang tertentu yang ditawarkan pada peringkat institusi pengajian tinggi kini lebih berorientasikan kepada kehendak dan keperluan industri yang secara tidak langsung telah memberi impak negatif kepada kebolehpasaran bidang tertentu yang dianggap kabur dalam penawaran bidang kerjaya pada masa hadapan. Secara spesifiknya, pendidikan sastera dianggap agak sukar untuk ditawarkan dalam industri tertentu akibat tanggapan sesetengah masyarakat yang mula mempersoalkan kerelevanan bidang sastera dalam bidang kerjaya khususnya dalam cabaran modenisasi yang lebih cenderung untuk melihat ke arah sains dan teknologi. Menurut Phang et. al (2010) melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, perkara 4.9 menyatakan bahawa polisi nisbah 60:40 dalam sistem pendidikan di Malaysia yang mengutamakan sains dan teknologi kepada pelajar berbanding bidang sastera. Hal ini untuk mencapai matlamat negara menjadi sebuah negara yang maju dalam penekanan sains pada masa hadapan. Dengan demikian, bidang sastera tidak diketengahkan seperti bidang sains akibat tanggapan sesetengah pihak yang menganggap bahawa bidang sastera tidak begitu penting pada dunia modenisasi.

Akibatnya, masyarakat khususnya para pelajar di peringkat menengah dan institusi pengajian tinggi telah dimomokkan dengan persoalan-persoalan tentang bidang sastera yang dianggap corot dan tidak mempunyai masa depan yang cerah jika dibandingkan dengan bidang lain yang ditawarkan di peringkat sekolah mahupun universiti. Jika persoalan tentang kerjaya dalam bidang sastera ditujukan kepada pelajar, sudah pasti kerjaya sebagai pensyarah, guru atau penulis menjadi jawapan malah persoalan tentang kepentingan kesusasteraan akan terus menjadi perdebatan.

Hal ini dibuktikan melalui peratusan kadar pengangguran dalam kalangan siswazah yang menyaksikan seramai 54, 103 siswazah universiti yang menganggur dan menyenaraikan bidang sastera dalam peratusan tersebut (Bernama, 2017)

Dengan demikian, imej negatif terhadap bidang sastera perlu dibersihkan dan diambil cakna akan kebolehpasaran graduan yang menceburkan diri dalam pendidikan sastera tanpa mencalarakan nilai estetika sastera itu sendiri sebagai alat komersial bidang kerjaya semata. Sebagai contoh, menurut statistik pengangguran dari Jabatan Statistik Negara mendapati peratusan pengangguran paling tinggi adalah dari bidang sastera iaitu sebanyak 31.1 peratus (Jabatan Statistik Negara). Oleh itu, kajian ini akan menyelidik tentang status graduan yang menceburkan diri dalam bidang sastera dalam prospek kerjaya pada masa akan datang. Dalam erti kata lain, bidang sastera perlu direformasikan dan sentiasa bersedia dengan perubahan semasa agar pengajian ini tidak tenggelam dalam cabaran modenisasi. Peranan daripada pelbagai pihak melalui kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi serta Dewan Bahasa dan Pustaka perlu mengambil langkah yang cakna untuk menyuburkan dan memugar pendidikan sastera sekali gus memastikan ianya setanding dengan bidang-bidang lain dan membentuk seorang graduan sastera yang bekerjaya.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis penawaran bidang kerjaya dalam bidang sastera di Malaysia pada cabaran modenisasi kini. Tajuk ini dipilih kerana penyelidik mendapati bahawa kurang kajian ke atas tajuk hasil rujukan sorotan kajian. Selain itu, kajian ini turut dijalankan untuk menganalisis tentang

pendapat pihak majikan yang terlibat akan nasib graduan bidang sastera dalam dunia kerjaya yang berkaitan dengan bidang.

Pendidikan sastera merupakan suatu nilai estetika yang mengandungi nilai-nilai moral dalam penulisan kreatif mahupun teks drama. Menurut Hashim Awang (1985), sastera merupakan satu ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa sama ada dalam bentuk tulisan, lisan mahupun bukan lisan iaitu bahasa tubuh yang kaya dengan keindahan dalam aspek-aspek isi atau penyampaiannya. Tambahan lagi, pendidikan sastera merupakan subjek yang telah diinovasikan selaras dengan perkembangan teknologi terkini namun masih mengekalkan keaslian dan keunikan nilai sastera itu sendiri.

Dalam masa yang sama, bidang sastera menitik beratkan aspek kerjaya yang akan ditawarkan kepada graduan dengan memanfaatkan pendidikan sastera sebagai pendorong dalam penciptaan kerjaya sesuai dengan kehendak ekonomi semasa negara. Tidak dinafikan bahawa ilmu yang ditimba bukanlah sebagai modal untuk dunia kerjaya pada masa hadapan semata-mata. Ilmu pengetahuan khususnya pendidikan sastera adalah untuk mendidik seorang insan agar menjadi seorang individu yang kaya dengan nilai-nilai moral serta kesantunan pekerti. Malah, bidang sastera sering dikaitkan dengan nilai-nilai murni serta keindahan yang terkandung dalam karya yang mampu membentuk insani yang terpuji. Namun, pendidikan sastera sering dipandang sebagai sebuah khayal-khayalan dan abstrak semata, tidak seperti bidang sains yang lebih konkrit (Utusan Malaysia, 2021). Pendidikan sastera diketahui umum merupakan suatu bidang yang unik, indah dan mementingkan keasliannya. Oleh itu, ledakan teknologi masa kini merupakan satu cabaran yang besar dalam kalangan graduan bagi mendapatkan pekerjaan pada masa hadapan

(Ishak et al. 2008) sekali gus memastikan bidang sastera untuk terus hidup dan berkembang selari dengan perkembangan teknologi.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Bidang sastera merupakan satu cabang ilmu yang mampu membentuk nilai-nilai pekerti di dalam diri manusia khususnya mahasiswa. Keindahan dan nilai ilmu yang terkandung dalam pendidikan sastera yang menjadikan sastera itu sendiri bernilai tinggi dan penting untuk dimartabatkan selaras dengan arus kemodenan dunia. Namun, hala tuju sistem pendidikan sastera di negara tidak meletakkan bidang sastera sebagai keutamaan. Melalui Dasar Pendidikan di Malaysia yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1957, dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996 yang menekankan tentang dasar pendidikan yang mengutamakan bidang sains dan teknologi dalam penghasilan tenaga kerja yang profesional (Hussin et al. 2009). Hal ini memberi impak kepada pendidikan sastera di Malaysia yang perlu diutamakan selaras dengan bidang lain.

Tidak dinafikan bahawa keperluan kepada sumber teknologi dan komunikasi adalah amat penting untuk pembangunan negara selaras dengan keperluan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Dengan demikian, bagi mencapai matlamat status negara maju, pengetahuan adalah salah satu aspek yang perlu diketengahkan untuk memenuhi keperluan negara dalam penawaran bidang kerjaya kepada graduan khususnya dalam bidang sastera yang tidak wajar untuk dipandang sebelah mata. Pada masa ini, pendidikan sastera menghadapi saingan yang sengit dengan pengajian lain khususnya sains dan teknologi. Hal ini demikian, pendidikan sastera dianggap tidak memberi kesan yang besar kepada perkembangan negara yang sedang menuju

ke arah sebuah negara maju. Oleh itu, pendidikan sastera perlu diasak untuk sentiasa bersedia dengan cabaran dari segi ekonomi, sosial, politik dan perkembangan teknologi agar bidang ini tidak terus tenggelam dalam dunia semasa yang mementingkan keperluan tinggi terhadap sains seterusnya menjadikan pendidikan sastera dikesampingkan.

Sehubungan dengan itu, pengajaran dan pembelajaran subjek Komponen Sastera (KOMSAS) telah diusulkan dan diperkenalkan dalam mata pelajaran sastera melalui Seminar Kebangsaan Pendidikan Kesusasteraan Melayu. Namun, masyarakat menganggap bahawa institusi pengajian tinggi adalah ruang untuk menjana tenaga kerja yang diperlukan oleh sektor perdagangan dan industri. Maka pengajian ilmu sains dan teknologi menjadi pilihan pengajian oleh mahasiswa namun pengajian seperti sastera dan bahasa dipandang sepi (Sohaimi, 2011). Lantaran itu, masyarakat berpandangan bahawa, seorang graduan yang berjaya adalah mereka yang memilih untuk menceburkan diri dalam bidang sains dan bukannya sastera. Sehubungan dengan itu, usaha untuk membersihkan pandangan negatif terhadap pendidikan sastera ini perlu diusahakan oleh pihak majikan untuk membuktikan bahawa pendidikan sastera mampu menjamin masa hadapan pelajar.



#### **1.4 Persoalan Kajian**

Merujuk kepada beberapa objektif kajian, terdapat beberapa persoalan kajian yang hendak dikaji:

- i. Bagaimanakah perkembangan pendidikan sastera dan perkaitan bidang kerjaya di Sabah sekitar tahun 2010 sehingga tahun 2020?
- ii. Apakah pandangan majikan terpilih terhadap graduan sastera?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif:

- i. Mengenal pasti perkembangan pendidikan sastera dan perkaitan bidang kerjaya di Sabah sekitar tahun 2010 sehingga 2020.
- ii. Menganalisis pandangan majikan terpilih terhadap graduan sastera.

#### **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini terhad kepada beberapa orang informan yang akan di temu bual untuk mengumpul dan menganalisis data berkenaan pendidikan sastera dan penawaran bidang kerjaya dalam cabaran modenisasi. informan tersebut adalah terdiri daripada lima orang majikan terpilih yang hendak di temu bual termasuklah Guru Besar, dua orang pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Kota Kinabalu, Sabah, dan seorang penulis buku. Pihak

majikan tersebut dipilih untuk memenuhi prospek temu bual yang akan membincangkan tentang pandangan majikan terhadap perkembangan pendidikan sastera dan penawaran kerjaya terhadap graduan sastera pada masa hadapan. Selain itu, kajian ini juga mengaplikasikan Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) dalam kajian yang memfokuskan kepada persepsi pihak majikan yang meliputi bidang kerjaya sastera. Kajian ini mengkaji aspek pengajian sastera dalam penawaran bidang kerjaya pada masa kini.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Pembentukan modal insan dalam kalangan pelajar dan graduan institusi pengajian tinggi adalah penting untuk melahirkan individu yang berfikiran kritis, inovatif dan berkemahiran tinggi dalam memenuhi keperluan industri khususnya pada era perkembangan sains dan teknologi moden. Dengan demikian, kajian ini adalah penting kepada golongan majikan untuk memberikan pandangan mereka terhadap bidang sastera dan penawaran aspek kerjaya kepada graduan sastera pada masa kini walaupun dunia moden kini lebih mengutamakan bidang sains dan teknologi. Pendidikan sastera secara umumnya mampu membentuk seorang individu yang kaya dengan nilai moral serta kesantunan adab dan pekerti sekali gus melahirkan seorang graduan yang berkemahiran dalam penyelesaian masalah dan mencipta peluang-peluang baharu. Selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2017) yang menegaskan tentang kepentingan pendidikan dalam membentuk seorang graduan sekali gus pekerja yang berintegriti, berakhlak mulia dan berpendidikan dalam mencapai hasrat negara menjadi sebuah negara maju dari semua aspek.

Di samping itu, hasil kajian ini diharap boleh menjadi satu panduan kepada pihak majikan dalam membangunkan dan menaiktaraf lagi dalam memberikan sokongan kepada pendidikan sastera selaras dengan perkembangan era modenisasi sekali gus membuka peluang kerjaya berkaitan bidang sastera kepada graduan yang menceburkan diri dalam bidang ini. Diharapkan juga, lepasan graduan sastera lebih bersedia untuk bersaing dalam dunia kerjaya modenisasi yang mementingkan sains dan teknologi. Sikap ketersediaan dalam perubahan dan transformasi adalah amat penting untuk membentuk seorang pekerja yang kreatif, inovatif, berpengetahuan tinggi dan mampu mengatasi masalah dalam bidang kerjaya mereka.

Selain itu, kajian ini juga akan memberi peluang dan membuka dimensi baru dalam bidang penyelidikan tentang kepentingan pendidikan sastera dan langkah-langkah untuk menaik tarafkan pendidikan ini agar selaras dengan perkembangan globalisasi. Diharapkan para penyelidik akan datang dapat mengemukakan idea-idea baru yang lebih kreatif dan inovatif dalam memastikan pendidikan sastera untuk terus hidup dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat khususnya graduan institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia sama ada dari aspek pendidikan mahupun kerjaya. Ini secara tidak langsung turut melahirkan graduan yang cemerlang serta pengurusan sumber manusia yang berkemahiran, berpengetahuan tinggi dan dapat digunapakai dengan lebih optimum dalam memenuhi keperluan industri di era globalisasi. Akhir sekali, kepentingan kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat serta pemahaman mengenai konsep, perkembangan dan kepentingan bidang ilmu khususnya pendidikan sastera kepada dunia kerjaya semasa yang dapat memenuhi kehendak industri dalam perkembangan sains dan teknologi moden.

## **1.8 Definisi Istilah dan Konsep**

Istilah dan konsep merupakan satu aspek yang dititikberatkan dalam kajian yang dijalankan oleh penyelidik untuk memastikan kajian lebih tersusun dan mencapai objektif. Penyelidikan boleh didefinisikan sebagai asas dalam membentuk individu menjadi seorang intelektual (Mana Sikana, 2015). maka, bagi mencapai objektif kajian, proses penyelidikan perlu dilakukan dengan tersusun dan sistematik. Dalam kajian ini, definisi istilah dan konsep yang diketengahkan dalam kajian adalah seperti berikut:

### **1.8.1 Pendidikan**

Pendidikan dan pengetahuan merupakan aspek yang penting bagi memenuhi keperluan dari semua aspek kehidupann terutamanya untuk menangani kemiskinan sama ada dari aspek ekonomi mahupun perkembangan ilmu seseorang individu (Za'ba, 1927). Menurut Jasmani Asf. Syaiful Mustofa (2013), pendidikan merupakan satu daya usaha yang dirancang oleh seorang individu untuk mencapai suatu tujuan yang telah ditetapkan sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan dalam semua aspek. Selain itu, Siti Qurratul A'yuni Uni (2020) dalam kajian terhadap pendidikan oleh Ibn Sina menyatakan bahawa, pendidikan mampu untuk memberikan perkembangan yang sempurna terhadap seorang individu sama ada dari aspek perkembangan akhlak, insaniah, budi pekerti mahupun ilmu pengetahuan yang sekali gus mampu membentuk seorang manusia yang bertanggungjawab untuk masyarakatnya.

### **1.8.2 Sastera**

Menurut pandangan Ali Ahmad (1994), sastera kaya dengan nilai-nilai estetika dan keindahan serta dipengaruhi oleh unsur kebudayaan, keagamaan dan kemasyarakatan. Sastera juga merupakan hasil ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa untuk hiburan mahupun nasihat kepada masyarakat (Hashim Awang, 1985). Hal ini demikian, sastera membicarakan tentang situasi masyarakat sebenar sekali gus mengemukakan nilai-nilai moral, pengajaran mahupun pandangan tertentu.

### **1.8.3 Kerjaya**

Menurut Kamus Dewan Bahasa (1996), kerjaya adalah satu perjalanan atau kemajuan seseorang dalam satu lapangan kehidupan yang dijadikan bidang profesional atau pekerjaan pilihan sebagai satu cara untuk mencari nafkah. Gybers (1984) pula mendefinisikan kerjaya sebagai suatu aktiviti dan kedudukan yang merangkumi tugas dalam kehidupan seorang individu untuk meneruskan kehidupan, menyalurkan kemahiran, mempunyai ramai kawan untuk memenuhi kepuasan kerjaya. Hal ini turut disokong oleh Omar Awang (2008) yang menyatakan bahawa kerjaya merupakan pekerjaan yang wujud dalam kehidupan seseorang. Selain itu, Tolbert (1994) mendefinisikan kerjaya sebagai satu landasan dalam keterlibatan diri seorang individu yang mungkin kekal atau sementara dalam satu pekerjaan sepanjang hidupnya. Dengan demikian, daripada definisi-definisi yang telah dinyatakan, kerjaya secara umumnya merupakan proses penglibatan seorang individu yang berterusan sepanjang hayatnya.

#### **1.8.4 Modenisasi**

Modenisasi ditakrifkan sebagai suatu perubahan dari aspek sosial yang meliputi sudut ekonomi, politik mahupun ideologi. Proses modenisasi mempunyai dua komponen utama iaitu modeniti sebagai asas material kepada modenisasi dan modenisme iaitu gagasan ideologi sebagai pembayang kepada fenomena modenisasi. Modenisme amat sinonim dengan fenomena sekularisme yang lebih menyetengahkan sains dan teknologi moden yang secara umumnya dianggap lebih baik dalam perkembangan dunia moden. Modenisasi dalam dunia sastera merupakan suatu perkembangan dalam kemajuan yang positif terhadap bidang ini sama ada dari aspek perkembangan penyampaian, perkembangan isi mahupun perkembangan terhadap kesan-kesan sastera kepada masyarakat (Ikhwanuddin Nasution, 2014). Hal ini diperjelaskan lagi dengan perkembangan minda manusia yang selaras dengan perkembangan era modenisasi merupakan satu pengaruh yang besar untuk meningkatkan lagi daya usaha bagi menyelaraskan bidang sastera dalam perkembangan modenisasi. Minda masyarakat moden memenuhi semua aspek perubahan sama ada dari aspek ekonomi, sosial, politik mahupun budaya (Callinicos, 2008). Dengan demikian, inovasi teknologi yang berkembang secara berterusan akan melahirkan satu proses perubahan yang pantas dan meliputi seluruh dunia iaitu modenisasi.

#### **1.9 Organisasi Kajian**

Organisasi kajian merupakan pembahagian kajian yang bertujuan untuk memastikan penyelidikan tersusun, sistematik dan berjalan lancar untuk melengkapkan penyelidikan.

### **1.9.1 Bab Satu**

Bab ini merupakan bahagian pendahuluan dalam penyelidikan yang merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi istilah dan konsep, organisasi kajian dan kesimpulan bagi melengkapkan bab satu.

### **1.9.2 Bab Dua**

Bab ini merangkumi tentang kajian literatur dari pelbagai sumber sebagai rujukan kepada penyelidik. Kajian literatur yang dirujuk adalah hampir sinonim dengan tajuk kajian penyelidik yang meliputi tentang cabaran-cabaran dunia kerjaya kepada graduan sastera, pendapat majikan terhadap bidang sastera dalam era modenisasi dan persoalan-persoalan tentang bidang sastera dalam penempatan dunia kerjaya masa kini serta kesimpulan yang merangkumi keseluruhan kajian dalam bab ini.

### **1.9.3 Bab Tiga**

Bab ini meliputi metodologi kajian yang diaplikasikan oleh penyelidik sepanjang proses menjayakan penyelidikan. Dengan demikian, metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif untuk mengenal pasti, menganalisis dan mengumpul data dalam proses penyelidikan. Selain itu, penyelidik akan menggunakan temu bual berstruktur kepada pihak majikan yang terpilih untuk tujuan mengumpul data dan kaedah pengkodan turut diaplikasikan dalam kajian serta maklumat yang dikumpul akan disahkan oleh pihak yang berkepentingan.

#### **1.9.4 Bab Empat**

Bab ini terdiri daripada analisis dapatan kajian yang merangkumi penghuraian terhadap hasil dapatan temu bual daripada lima orang informan mengenai pendidikan sastera dan kerjaya. Data temu bual ditranskrip ke dalam bentuk teks yang kemudiannya dipecahkan mengikut tema-tema menerusi analisis tematik. Seterusnya, Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) diaplikasikan bagi mencapai kedua-dua objektif kajian.

#### **1.9.5 Bab Lima**

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian oleh pengkaji yang merangkumi rumusan perbincangan serta dapatan kajian bagi menjawab kesemua persoalan kajian seterusnya mencapai kedua-dua objektif kajian. Pada bab ini juga mengetengahkan tentang implikasi serta cadangan dalam kajian oleh pengkaji terhadap beberapa pihak khususnya orang awam, kerajaan, industri dan penyelidikan pada masa akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## 1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan tentang bidang kerjaya sastera dalam arus kemodenan yang dilihat hampir kabur dalam dunia pemasaran kerjaya. Para graduan khususnya turut berpendapat bahawa bidang sastera sukar untuk mencapai masa depan yang cerah dari aspek kerjaya jika dibandingkan dengan bidang lain. Dengan demikian, penyelidik berusaha untuk mengkaji dengan mengumpul dan menganalisis kajian dari pelbagai sumber untuk memenuhi keperluan kepada semua pihak pada masa akan datang khususnya kepada penyelidik baru. Pelbagai persoalan dan objektif kajian akan dikaji dan dicapai secara intelektual oleh penyelidik dengan merujuk kepada beberapa kajian literatur, tesis, dan rujukan ilmiah. Dengan demikian, dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk, penyelidik berharap akan mampu untuk menjalankan penyelidikan dengan telus dan bijaksana bagi mencapai objektif kajian.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan satu kaedah untuk meneliti dan menganalisis data serta permasalahan kajian terhadap penyelidikan lepas dan kajian yang sedang dijalankan. Menurut Amran bin Mat Arriffen (2010), kajian literatur merupakan ulasan maklumat penyelidikan yang diperoleh daripada jurnal, buku, dokumen atau pun sumber atas talian. Tujuan penulisan kajian literatur ini adalah untuk memahami topik, membantu penyelidik mengenal pasti jurang penyelidikan dan mengetengahkan persoalan kajian sekali gus mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, kajian-kajian lepas yang akan dirujuk adalah mengenai pendidikan sastera yang merangkumi tokoh pendidik sastera, peranan majikan serta penekanan terhadap pendekatan bidang kerjaya di Malaysia. Kajian ini mengetengahkan tentang laluan kerjaya graduan dalam bidang sastera dan peranan pihak majikan untuk memastikan bahawa bidang sastera tidak tenggelam dalam arus modenisasi sekali gus membuka peluang kerjaya kepada graduan khususnya dalam bidang sastera. Setelah pengumpulan data dan kajian terhadap penyelidikan lepas dilakukan, penyelidik mendapati bahawa terdapat beberapa persamaan dalam kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas.

## 2.2 Pengkajian Berkaitan Tokoh Pendidikan

Mohd Shahrizal Nasir et.al pada tahun 2020 telah melaksanakan kajian tentang tokoh pendidikan sastera yang bertajuk Sumbangan al-Nadwi Terhadap Perkembangan Sastera Islam. Kajian ini merangkumi aspek tentang sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan Sastera Islam yang mengetengahkan kepada usaha yang telah dilakukan oleh beliau menerusi Liga Sastera Islam Sedunia (Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah). Kaedah analisis teks yang merangkumi sumber primer dan sumber sekunder telah diaplikasikan sepanjang melaksanakan kajian dan hasil penelitian mendapati bahawa, al-Nadwi telah meninggalkan sumbangan yang besar terhadap perkembangan Sastera Islam melalui penglibatan beliau dalam penubuhan Liga Sastera Islam Sedunia. Antara sumbangan terbesar beliau adalah penghasilan karya sastera khususnya genre sastera kanak-kanak (Adab al-Atfal), sastera kembara (Adab al-Rihlat) dan autobiografi (al-Sirah al-Zatiyah). Dengan demikian, kajian ini merupakan cerminan kepada kajian kini yang dijalankan oleh pengkaji kerana kaedah kajian kualitatif melalui sumber primer dan sekunder yang diaplikasikan dalam kedua-dua kajian. Namun, kajian pengkaji lebih menekankan kepada aspek kajian terhadap tokoh pendidik sastera yang merangkumi aspek umum dan tidak mengetengahkan kepada karya penulisan tokoh semata-mata.

Seterusnya, penulisan oleh Ermy Azziati Rozali et al. pada tahun 2010 mengenai Jalan Keselamatan Bagi Orang-orang Melayu: Pemikiran Za'ba Bagi Memajukan Pendidikan dan Ekonomi Pada Tahun 1920-an. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tentang kepentingan pendidikan, cabaran serta perkembangan ekonomi kepada bangsa Melayu dalam penulisan oleh Za'ba. Sehubungan dengan itu, kaedah kajian kualitatif dan melalui analisis teks telah diaplikasikan untuk mencapai objektif kajian.

Hasil kajian dapat dirumuskan bahawa, Za'ba telah memberikan sumbangan melalui penulisan beliau dengan meneliti, mengkaji dan menganalisis tentang kepentingan pendidikan dan cabaran perkembangan ekonomi kepada orang Melayu sekali gus membuka jalan dan ruang kepada bangsa Melayu untuk mengatasi cabaran dan membina sebuah bangsa yang berjaya dari semua aspek kehidupan. Dengan demikian, terdapat perbezaan di antara kajian ini dan kajian oleh pengkaji iaitu, kajian ini mengetengahkan tentang kajian mengenai penulisan oleh Za'ba terhadap isu pendidikan dan cabaran ekonomi kepada bangsa Melayu. Malah kajian ini turut mengaplikasikan kaedah kualitatif melalui analisis teks. Manakala, kajian oleh pengkaji lebih memfokuskan kepada sumbangan tokoh pendidikan iaitu Za'ba terhadap perkembangan pendidikan sastera di Malaysia serta mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif dan temu bual terhadap majikan terpilih untuk mencapai objektif kajian pengkaji.

Kajian oleh Nurshuhadah Zuhaidi dan Firuz-Akhtar Lubis pada tahun 2021 mengenai HAMKA: Tokoh Ulama Nusantara membincangkan tentang sumbangan beliau dari aspek politik, pendidikan dan penulisan sastera kreatif. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk membincangkan tentang sumbangan beliau dalam ketiga-tiga aspek tersebut. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kritikan luaran dan kritikan dalaman untuk mengumpul data sekali gus memastikan kesahihan data tersebut. Dapatan kajian menjelaskan sumbangan Hamka dari aspek pendidikan yang memperlihatkan ketokohan beliau dalam penyebaran dakwah dan menjadi pendidik di Universitas Islam Jakarta dan Universitas Muhammadiyah. Beliau juga berperanan dalam memartabatkan penulisan yang terdiri daripada penulisan ilmiah, penulisan agama dan penulisan sastera kreatif yang telah

menghasilkan beberapa karya yang masih terkenal dalam dunia kesusasteraan sehingga kini. Dengan demikian, terdapat beberapa perbezaan yang boleh dinilai di antara kedua-dua kajian iaitu dari aspek penggunaan kaedah kajian dan objektif kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kritikan luaran dan kritikan dalaman untuk mengkaji tentang sumbangan Hamka dari aspek politik, pendidikan dan penulisan manakala, pengkaji lebih memfokuskan kepada ketokohan pendidikan sastera oleh Hamka dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif untuk mencapai objektif kajian.

Selain itu, penulisan oleh Norzaliza bt Ghazali dan Fatimah bt Zainon pada tahun 2017 mengenai Gagasan Pendidikan Aminuddin Baki Dalam Perjuangan GMPS merupakan sumbangan beliau terhadap pendidikan dan telah menubuhkan persatuan Gabungan Pelajar Mahasiswa Semenanjung (GPMS) di bawah pengelolaan pihak NGO. Objektif kajian ini adalah untuk menyatupadukan dan membuka mata semua mahasiswa Melayu di seluruh Semenanjung tentang kepentingan pendidikan. Kajian ini juga adalah untuk memastikan Bahasa Melayu dimartabatkan sebagai bahasa pengantar di semua peringkat sekolah. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif melalui pendekatan biografi, kaedah dokumentasi dan analisis data yang akan menyentuh tentang pemikiran tokoh secara khususnya. Dapatan kajian menjelaskan tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan pelajar khususnya kaum Melayu. Pendidikan dianggap sebagai satu tunjang utama untuk membina sebuah bangsa yang berjaya dan maju. Oleh itu, ketokohan Aminuddin Baki sebagai tokoh pendidikan memainkan peranannya untuk memastikan pelajar mendapat pendidikan yang sewajarnya sekali gus memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah. Dengan demikian, perbezaan

yang boleh dikaji antara kajian iaitu kajian ini memfokuskan kepada ketokohan Aminuddin Baki sebagai tokoh akademik yang memperjuangkan pendidikan dan Bahasa Melayu serta penyatuan pelajar-pelajar Melayu di seluruh Semenanjung manakala, kajian oleh pengkaji akan menumpukan kepada ketokohan beliau sebagai tokoh akademik dalam pendidikan sastera yang memberi impak kepada sistem pendidikan sastera sehingga ke hari ini.

Penulisan oleh Ahmad bin Ahmad Rusdi dan Jamaluddin bin Abdul Rahman pada tahun 2020 mengenai Abu Bakar al-Baqir: Tokoh Pendidikan dan Pejuang Kemerdekaan mengulas tentang sumbangan tokoh dalam memperjuangkan kemerdekaan negara melalui wadah pendidikan. Kajian ini dijalankan untuk meneliti sejarah dan latar belakang Ustaz Abu Bakar al-Baqir sebagai tokoh pendidikan dan kemerdekaan negara. Selain itu, mengkaji peranan ketokohan dalam usaha membebaskan negara daripada jajahan melalui wadah pendidikan dan mengetengahkan aliran pemikiran, idea baharu serta sumbangan tokoh dalam memajukan pendidikan dan perjuangan kemerdekaan tanah air. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dalam pendekatan analisis kandungan dokumen, kajian kepustakaan dan kaedah deskriptif. Hasil dapatan kajian dapat membuktikan tentang ketokohan Ustaz Abu Bakar al-Baqir sebagai seorang tokoh pendidikan dan pejuang kemerdekaan. Ketokohan beliau semakin terserlah apabila beliau berjuang untuk kemerdekaan tanah air melalui wadah pendidikan yang menyentuh prospek kemasyarakatan dengan membawa reformasi dalam aspek ekonomi, politik, sosial, kebajikan dan sekolah. Dengan demikian, terdapat perbezaan di antara kedua-dua kajian yang boleh dinilai iaitu dari aspek objektif kajian. Kajian ini lebih menumpukan kepada ketokohan dan sumbangan Ustaz Abu

Bakar al-Baqir melalui perjuangan beliau untuk menuntut kemerdekaan melalui wadah pendidikan manakala, kajian oleh pengkaji menyentuh tentang aspek tokoh pendidikan yang ditonjolkan oleh ketokohan Ustaz Abu Bakar al-Baqir.

Kajian oleh Mohd Nazri Zainuddin pada tahun 2020 mengenai Sumbangan Bukhari Lubis Dalam Bidang Jawi dan Khat: Pedoman Kepada Pemimpin Sekolah dan Pendidik Menjadi Pemimpin Berkualiti merupakan kajian yang mengetengahkan terhadap sumbangan ketokohan Bukhari Lubis dalam pendidikan sastera khususnya dalam bidang Jawi dan Khat. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek ketokohan Bukhari Lubis serta ciri-ciri kepimpinan beliau yang dapat dipraktikkan dalam pentadbiran pendidikan. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif melalui kaedah analisis kandungan teks ilmiah berlandaskan teori teksdealisme untuk mengkaji aspek kepimpinan tokoh yang terkandung di dalam teks ilmiah. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian menjelaskan kajian mengenai ketokohan Bukhari Lubis yang telah dikaji berdasarkan teori teksdealisme yang menyentuh kepada keempat-empat aspek dalam teori untuk membuktikan ketokohan beliau sebagai tokoh pendidikan sastera yang telah banyak memberikan sumbangan terhadap penulisan, penyelidikan dan penterjemahan sastera di Alam Melayu dan Nusantara sekali gus menjadikan beliau sebagai cerminan kepada kepimpinan pendidikan di peringkat sekolah serta komuniti. Oleh itu, wujud perbezaan di antara kajian ini dan kajian oleh pengkaji yang boleh dinilai iaitu, kajian ini mengetengahkan tentang ciri-ciri kepimpinan Bukhari Lubis sebagai ikon kepimpinan yang menjadi panduan kepada pentadbiran sekolah serta sistem pendidikan sekali gus mengaplikasikan teori teksdealisme dalam menelaah dapatan

kajian manakala, pengkaji akan mengkaji tentang ketokohan Bukhari Lubis sebagai tokoh pendidikan khususnya dalam bidang sastera.

Seterusnya, penulisan oleh Muhammad Harmidi Harahap pada tahun 2022 melalui tajuk kajian Ketokohan Syekh Jamaluddin al-Qasimi (1282 H-1332 H) Dalam Bidang Pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang penglibatan dan komitmen Syekh Jamaluddin al-Qasimi dalam bidang pendidikan. Selain itu, kajian ini juga menumpukan terhadap penglibatan beliau dalam bidang pendidikan yang akan menyentuh kepada karya-karya yang telah beliau hasilkan. Dalam pada itu, kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif melalui kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat. Dapatan kajian dapat dirumuskan tentang ketokohan Syekh Jamaluddin al-Qasimi sebagai seorang tokoh kontemporari, ahli ulama, pakar al-Quran dan as-Sunnah serta pakar dalam ilmu pendidikan. Beliau telah banyak memberikan sumbangan terhadap perkembangan pendidikan melalui karya penulisan beliau yang kini masih menjadi rujukan dan kajian oleh para sarjana. Dengan demikian, kajian ini dilihat menumpukan kepada ketokohan dan sumbangan Syekh Jamaluddin al-Qasimi dalam bidang pendidikan manakala, kajian oleh pengkaji memfokuskan kepada tokoh pendidikan yang memainkan peranan penting dalam meletakkan pendidikan khususnya bidang sastera selaras dengan bidang lain sekali gus menempatkan graduan sastera dalam dunia kerjaya masa hadapan.

Penulisan oleh Al Manaf pada tahun 2020 ke atas tajuk Pemikiran Ibnu Khaldun Tentang Pendidikan dan Relevansinya Dengan Pendidikan Dunia adalah kajian tentang persoalan mengenai pandangan ketokohan beliau dalam aspek pendidikan yang merangkumi keseluruhan aspek iaitu definisi, teori, tujuan pendidikan, kaedah serta ciri-ciri pendidikan. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis pandangan Ibnu



Khaldun mengenai pendidikan dan kerelevanan pandangan beliau ke atas pendidikan masa kini. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif melalui carian kepustakaan untuk mengumpul dan menganalisis data sekaligus mencapai objektif kajian. Dapat disimpulkan bahawa, pendidikan merupakan proses yang berterusan tanpa dipisahkan oleh batas ruang dan waktu yang sekaligus menjadikan seorang individu mampu untuk sentiasa memenuhkan hati dan mindanya dengan ilmu pengetahuan tanpa mengira umur atau status kehidupan. Ibnu Khaldun juga berpandangan bahawa pendidikan mampu untuk mendidik seorang insan menjadi manusia yang berguna melalui perkembangan potensi diri serta penguasaan dalam sesuatu bidang. Maka, pemikiran Ibnu Khaldun tentang pendidikan adalah relevan untuk menjadi cerminan dalam pendidikan masa kini. Oleh itu, terdapat perbezaan di antara kedua-dua kajian yang dapat di banding bezakan iaitu dari aspek objektif kajian. Kajian ini mengkaji tentang pemikiran Ibnu Khaldun tentang pendidikan dan kesesuaian pemikiran tersebut dalam pendidikan masa kini manakala, kajian oleh pengkaji adalah mensasarkan kepada ketokohan tokoh pendidikan iaitu Ibnu Khaldun.

Kajian oleh Roslan Chin dan Mohd Faiz Hilmi pada tahun 2022 ke atas tajuk *Kemenjadian Abdullah Munsyi Sebagai Tokoh Bahasa, Sasterawan dan Kewartawanan*. Kajian ini adalah untuk menganalisis pengaruh persekitaran dan strategi pembelajaran bahasa yang dilalui oleh Abdullah bin Abdul Kadir dalam pembentukan dirinya sebagai tokoh sastera. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kualitatif melalui analisis kandungan teks terhadap *Hikayat Abdullah* yang ditulis oleh Abdullah Munsyi serta bersandarkan kepada teori Pembelajaran Sosial untuk mendapatkan data kajian. Hasil kajian terhadap analisis

teks mendapati bahawa Abdullah Munsyi menguasai ilmu pengetahuan melalui pengaruh persekitarannya termasuklah ibu bapa, penguasaan kemahiran bahasa dan penulisan melalui penyalinan al-Quran dan kitab yang telah mengangkat Abdullah Munsyi sebagai pendidik dan tokoh bahasa, sastera serta kewartawanan. Dengan demikian, kajian ini mengetengahkan tentang ketokohan Abdullah Munsyi sebagai tokoh bahasa, sasterawan dan kewartawanan beliau yang dikaji melalui analisis teks terhadap *Hikayat Abdullah* manakala, kajian oleh pengkaji pula akan menekankan kepada ketokohan Abdullah Munsyi sebagai seorang pendidik dan juga ketokohan beliau dalam bidang sastera.

Seterusnya, penulisan oleh Tan Yao Sua pada tahun 2009 mengenai *Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Peranan Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki*. Kajian ini bertujuan untuk melaksanakan peninjauan semula terhadap sistem pendidikan pada tahun 1950-an sehingga awal tahun 1960-an serta menyusun semula sistem pendidikan bagi menangani isu pembinaan negara bangsa dan isu mobiliti sosial orang Melayu. Dengan demikian, kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif dan kaedah tinjauan terhadap perkembangan sistem pendidikan negara pada tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an. Hasil kajian menjelaskan tentang biodata ringkas tentang tokoh pendidik Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki yang mengetengahkan tentang sumbangan mereka terhadap perkembangan pendidikan di Tanah Melayu. Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki merupakan dua tokoh yang telah berusaha untuk mempertahankan kepentingan pendidikan komuniti masing-masing iaitu Cina dan Melayu dalam menjadikan pendidikan sebagai teras untuk mencapai pembinaan negara bangsa. Sehubungan dengan itu, terdapat persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua kajian. Kajian ini dan kajian oleh

pengkaji kedua-duanya mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif untuk mencapai objektif kajian. Namun, kajian oleh pengkaji akan mengetengahkan tentang tokoh pendidikan yang menyentuh tentang aspek sumbangan tokoh dan pendidikan sastera manakala, kajian ini mengkaji tentang usaha dan peninjauan semua terhadap sistem pendidikan di tanah Melayu sekitar tahun 1950-an sehingga awal tahun 1960-an.

### **2.3 Pengkajian Berkaitan Persepsi Majikan**

Kajian oleh Khairul Bariyah Bt Masrakin dan Nurul As'shikin binti Ramli pada tahun 2018 dalam tajuk kajian beliau Cabaran Dalam Menghadapi Dunia Pekerjaan: Perspektif Majikan Terhadap Graduan Kolej Komuniti menyatakan bahawa, kelayakan bukan lagi faktor utama yang akan diambil kira oleh pihak majikan untuk memberikan peluang pekerjaan namun, pihak majikan lebih cenderung untuk menilai kepada tahap keupayaan dan kemahiran graduan dari pelbagai aspek dalam dunia pekerjaan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengukur persepsi majikan terhadap graduan Kolej Komuniti dan menilai kualiti graduan yang dihasilkan oleh institusi terlibat. Kajian ini telah dijalankan dengan mengaplikasikan kaedah soal selidik terhadap pihak majikan graduan yang bertujuan untuk menilai kualiti para graduan yang dihasilkan oleh sesebuah institusi yang bakal menceburkan diri dalam dunia kerjaya. Dapatan kajian mendapati bahawa, persepsi majikan adalah positif terhadap kemahiran pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang kerjaya masa hadapan. Namun, pihak berwajib masih perlu untuk mengatasi beberapa kelemahan terhadap pelajar untuk menyediakan graduan yang bermutu dari aspek perkembangan idea, keterbukaan dan kemahiran. Dengan demikian, terdapat persamaan antara kajian lepas dan kajian oleh pengkaji iaitu untuk menilai persepsi majikan terhadap graduan yang bakal menceburkan diri dalam dunia kerjaya

khususnya dalam bidang sastera. Manakala, perbezaan kajian ini adalah pengkaji lebih menumpukan kepada bidang kerjaya daripada pendidikan sastera namun kajian ini lebih mengetengahkan tentang kualiti para graduan dalam penawaran kerjaya masa hadapan.

Selain itu, kajian oleh Maharam Mamat et al. pada tahun 2019 mengenai Kebolehpekerjaan Graduan Institusi Latihan Perindustrian Kuala Langat, Selangor merupakan kajian ke atas isu pengangguran dalam kalangan graduan pendidikan vokasional. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kebolehpekerjaan graduan, mengenal pasti status kerjaya serta menganalisis sektor pekerjaan dan purata gaji graduan di Institusi Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat, Selangor. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan, soal selidik kepada 755 orang graduan dan temu bual melalui panggilan telefon serta turut menggunakan kaedah kajian kualitatif untuk mengenal pasti data kajian. Dapatan kajian menunjukkan peratusan graduan mendapat pekerjaan tetap selaras dengan bidang adalah yang paling tinggi, diikuti dengan peratus graduan yang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan peratus paling rendah adalah graduan yang masih menganggur. Dapat dirumuskan secara ringkas bahawa, majoriti graduan ILP telah menceburkan diri dalam bidang kerjaya pertama selaras dengan bidang serta gaji yang memuaskan. Maka, terdapat beberapa perbezaan yang dapat diketengahkan dalam kajian iaitu dari aspek pengaplikasian kaedah kajian dan objektif kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif melalui soal selidik, temu bual atas talian dan tinjauan untuk mengkaji ke atas kebolehpekerjaan graduan di institusi kemahiran manakala, kajian oleh pengkaji akan menggunakan kaedah

kualitatif melalui temu bual ke atas majikan terpilih mengenai kebolehpasaran graduan sastera di Malaysia.

Seterusnya, Rahmah Ismail, Ishak Yussof dan Lai Wei Seng pada tahun 2011 dalam kajian terhadap *Employers' Perceptions on Graduates in Malaysian Service Sector* menyatakan tentang kadar pengangguran para siswazah di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tentang persepsi majikan dalam sektor perkhidmatan terhadap prestasi graduan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif iaitu dengan mengumpul dan menganalisis dapatan kajian melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada pihak majikan atau wakil majikan seperti pengurus dan ketua jabatan organisasi dalam sektor perkhidmatan untuk menilai prestasi graduan. Hasil data kemudiannya akan dinilai melalui skala Likert 1-5. Kajian ini dijalankan ke atas siswazah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), siswazah institusi awam dan institusi luar negara. Secara kesinambungannya, kajian ini menunjukkan prestasi graduan adalah pada tahap memuaskan. Secara spesifiknya, kajian ke atas graduan UKM menunjukkan sikap kepimpinan dan penguasaan bahasa Melayu yang cemerlang manakala graduan dari institusi awam yang lain lebih berkemahiran dalam aspek komunikasi interpersonal, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran dalam penyelesaian masalah manakala graduan luar negara pula lebih berkebolehan dalam bidang pengajian dan penguasaan bahasa Inggeris. Dengan demikian, terdapat jurang perbezaan dalam kajian ini iaitu dari aspek pengaplikasian kaedah kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif dan skala Likert dalam kajian serta pengumpulan data melalui soal selidik ke atas majikan. Namun, kajian oleh pengkaji akan menggunakan kaedah kajian kualitatif dan temu bual untuk mengumpul data kajian. Kajian ini juga didapati mengkaji ke atas prestasi graduan

dalam sektor perkhidmatan manakala, kajian oleh pengkaji kini akan menumpukan ke atas persepsi majikan terhadap graduan sastera dalam bidang kerjaya masa hadapan.

Melalui kajian oleh Shahrudin Ahmad et al., pada tahun 2011 mengenai Kebolehpasaran Graduan UKM: Satu Kajian Perbandingan Antara Graduan Disiplin Sains dengan Bukan Sains merupakan satu kajian tentang kebolehpasaran graduan selepas menamatkan pengajian. Kajian ini adalah untuk mencapai beberapa objektif iaitu menganalisis kebolehpasaran graduan UKM sejak tahun 2006 sehingga tahun 2010 yang terdiri daripada bidang sains dan bukan sains. Dalam kajian ini, kaedah kajian kuantitatif melalui analisis statistik telah diaplikasikan untuk mengumpul dan menganalisis data kajian. Dengan demikian, dapatan kajian menunjukkan peratus graduan yang bekerja adalah seimbang sama ada dari bidang sains ataupun bukan sains malah peratus pengangguran daripada bidang sains adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan bidang lain. Oleh itu, terdapat jurang perbezaan antara kajian iaitu dari aspek pengaplikasian kaedah kajian. Pengkaji kini juga lebih memfokuskan kepada aspek kerjaya graduan sastera dan persepsi majikan manakala kajian ini pula tentang jumlah peratusan graduan UKM yang bekerja selepas tamat pengajian.

Penulisan oleh Ahmad Rizal Madar et al., pada tahun 2008 iaitu kajian ke atas tajuk Kemahiran '*Employability*' Bagi Memenuhi Keperluan Industri merupakan satu kajian tentang persepsi majikan terhadap kemahiran dan kepakaran individu khususnya graduan untuk memenuhi pasaran kerjaya. Maka, kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti elemen kemahiran yang dianggap penting dan telah dipupuk oleh pensyarah kepada pelajar di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi, mengenal pasti kepakaran graduan, mengenal pasti

cabaran dan perbezaan elemen antara persepsi majikan dengan persepsi Kolej Komuniti Pengajian Tinggi. Kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kajian berbentuk deskriptif dan kaedah soal selidik untuk mengumpul dan menganalisis data menggunakan Perisian SPSS (*Statistical Packages for the Social Sciences*). Dapatan kajian menunjukkan majoriti tenaga pengajar dan majikan terpilih telah memupuk kemahiran '*employability*' namun penerapan ini masih pada tahap yang sederhana jika dibandingkan dengan nilai kualiti, kepakaran dan kemahiran yang diperlukan oleh pihak majikan untuk meletakkan graduan pada posisi yang sesuai dalam dunia kerjaya. Oleh itu, masih banyak usaha yang perlu dilaksanakan untuk mencapai persepsi majikan terhadap graduan. Dengan demikian, perbezaan antara kajian ini dan kajian oleh pengkaji ialah dari aspek pengaplikasian kaedah kajian iaitu pengkaji akan menggunakan kaedah kajian kualitatif dan temu bual untuk mengumpul data tentang persepsi majikan terpilih terhadap graduan dalam bidang sastera manakala, kajian ini lebih tertumpu ke atas kajian tentang persepsi majikan tentang kualiti dan kemahiran graduan Kolej Komuniti dalam industri kerjaya dengan mengaplikasikan kaedah kajian kuantitatif untuk menjayakan kajian.

Dalam kajian oleh Muhammad Hazrul Ismail pada tahun 2021 mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dan Perspektif Majikan merupakan kajian terhadap persepsi majikan terhadap prestasi kelayakan graduan untuk menceburkan diri dalam dunia kerjaya. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji ciri-ciri keutamaan dalam kebolehpasaran yang akan dinilai oleh pihak majikan terhadap kualiti graduan untuk proses pemilihan pekerja baru. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai keberkesanan sistem pendidikan di universiti dalam melahirkan graduan yang berkemahiran, berfikiran kreatif dan kritis serta

kemampuan dalam penyelesaian masalah. Oleh itu, kaedah kajian Analisis Jurang telah diaplikasikan dalam kajian dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 1000 majikan terpilih untuk proses pengumpulan data. Dengan demikian, dapat kajian menunjukkan wujudnya jurang antara prestasi graduan dan kelayakan kebolehpasaran yang dijangka oleh pihak majikan. Graduan didapati masih kurang memenuhi kriteria yang diperlukan oleh pihak majikan untuk kelayakan bekerja sekali gus menyebabkan graduan sukar untuk menceburkan diri dalam bidang kerjaya. Sehubungan dengan itu, terdapat perbezaan dalam kajian ini dan kajian oleh pengkaji iaitu dari aspek penggunaan kaedah kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kajian soal selidik manakala, kajian oleh pengkaji akan mengaplikasikan kaedah kajian temu bual terhadap pihak majikan. Kajian ini juga tertumpu kepada kebolehpasaran graduan yang melihat terhadap kemahiran, kelayakan dan kualiti manakala, kajian oleh pengkaji adalah memfokuskan terhadap laluan kerjaya terhadap graduan bidang sastera yang akan dikaji melalui persepsi majikan terpilih.

Kajian oleh Zafir Mohd Makhbul et al. pada tahun 2011 dalam kajian bertajuk Analisis Jurang Persepsi Majikan Terhadap Graduan Institusi Pengajian Tinggi adalah kajian ke atas graduan yang menganggur akibat tidak memenuhi kehendak kebolehpasaran kerjaya yang diperlukan oleh pihak majikan. Maka, kajian ini dilaksanakan adalah untuk membuktikan tentang tanggapan pihak majikan terhadap jurang kebolehan graduan dalam memenuhi kebolehpasaran kerjaya sekali gus membincangkan tentang kualiti graduan di Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian soal selidik dan menggunakan kaedah pensampelan mudah untuk pengumpulan data kajian. Hasil penemuan kajian menunjukkan jurang kebolehan graduan adalah kemahiran untuk berkomunikasi dan interpersonal dan kesemua



aspek yang melibatkan kemahiran dan etika kerja. Kajian ini juga mendapati bahawa, penguasaan bidang teknologi maklumat oleh graduan adalah pada tahap yang baik dan mampu memenuhi kebolehpasaran graduan pada masa hadapan. Namun, pihak institusi pengajian tinggi perlu mengambil tindakan untuk mengatasi jurang kemahiran yang masih lompong dalam kalangan graduan bagi memenuhi kehendak kebolehpasaran kerjaya selaras dengan bidang yang diambil oleh graduan semasa pengajian. Dengan demikian, wujud perbezaan dalam kajian ini dan kajian oleh pengkaji iaitu dari aspek pengaplikasian kaedah kajian yang menggunakan kaedah kajian soal selidik dan analisis pensampelan mudah manakala, kajian oleh pengkaji kini akan mengetengahkan kaedah kajian kualitatif dan temu bual sebagai sumber primer untuk pengumpulan data kajian. Kajian ini juga memfokuskan terhadap kebolehpasaran graduan secara umum manakala, kajian oleh pengkaji lebih spesifik kepada graduan dalam bidang sastera untuk memenuhi bidang kerjaya selaras dengan bidang kajian.

Penulisan oleh Noor Idahwati binti Mohd Noor dan Nooraini binti Othman pada tahun 2011 ke atas tajuk kajian iaitu Ciri-ciri Pekerja Cemerlang Mengikut Persepsi Majikan dan Berasaskan Analisis Perspektif Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri pekerja yang cemerlang berasaskan perspektif majikan dan perspektif Islam serta mengenal pasti perbezaan daripada kedua-dua perspektif sekali gus membina profil pekerja cemerlang dari perspektif Islam. Maka, untuk mencapai objektif kajian, kedua-dua kaedah kajian iaitu kaedah kualitatif dalam bentuk temu bual terhadap majikan dan kaedah kuantitatif melalui pengumpulan data soal selidik yang diedarkan kepada pihak majikan telah diaplikasikan dalam kajian untuk mengumpul dan menganalisis data. Dapatan kajian dapat menilai tentang ciri-ciri

pekerja yang berkualiti melalui penelitian daripada pihak majikan dan perspektif Islam. Melalui penelitian ini juga mampu untuk mengetengahkan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri setiap individu yang bekerjaya sekali gus meningkatkan kualiti kerja dan memenuhi kebolehpasaran kerjaya serta membangunkan kualiti diri berlandaskan nilai Islam. Dengan demikian, perbezaan yang boleh dilihat dalam kajian ini dan kajian oleh pengkaji adalah dari aspek pengaplikasian kaedah kajian. Kajian ini turut menumpukan perspektif majikan dan perspektif Islam dalam bidang kerjaya secara umum manakala, kajian oleh pengkaji adalah persepsi majikan terhadap graduan dalam bidang sastera secara khususnya yang sedang dalam fasa memenuhi kualiti dan kebolehpasaran kerjaya sekali gus mencapai perspektif yang positif daripada pihak majikan.

Kajian oleh Ishak Yussof et al. pada tahun 2008 ke atas tajuk Graduan dan Alam Pekerjaan: Kes Siswazah UKM adalah mengenai kadar jumlah pelajar lepasan dari universiti tersebut yang bekerja dan menganggur selepas tamat pengajian. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan tentang persaingan dalam kalangan graduan terhadap prospek kerjaya dan mengenal pasti masalah pengangguran dalam kalangan pelajar lepasan universiti. Untuk menjayakan kajian ini, kaedah kajian kuantitatif melalui tinjauan soal selidik telah dijalankan untuk mengumpul dan menganalisis data yang diperolehi. Kajian telah dilaksanakan ke atas 343 pelajar lepasan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) antara tahun 1998 sehingga tahun 2002. Dalam kajian ini memfokuskan kepada kadar tempoh masa yang diambil oleh graduan untuk mendapatkan pekerjaan pertama selepas tamat pengajian, hubungan antara bidang siswazah dengan alam pekerjaan serta tahap kepuasan graduan terhadap kerjaya mereka. Dengan demikian, hasil dapatan kajian menunjukkan kadar

peratusan graduan yang menganggur selepas tamat pengajian adalah rendah sekali gus membuktikan jaminan graduan bekerja selepas tamat pengajian adalah positif manakala, tahap kebolehpasaran graduan menunjukkan graduan daripada bidang sains dan pendidikan adalah yang paling mudah untuk mendapatkan pekerjaan jika dibandingkan dengan bidang sains sosial dan sastera yang terpaksa menunggu dalam tempoh yang lama sebelum mendapatkan pekerjaan pertama. Tahap kepuasan kerja graduan juga menunjukkan peratusan kepuasan yang tinggi dalam kalangan graduan yang bekerja mengikut bidang masing-masing. Perbezaan dalam kajian ini dan kajian pengkaji adalah dari aspek pengaplikasian kaedah kajian. Malah kajian oleh pengkaji akan memfokuskan terhadap graduan sastera dalam bidang kerjaya yang akan dinilai melalui perspektif majikan manakala, kajian ini lebih menumpukan kepada bidang kerjaya graduan UKM secara umumnya namun masih menunjukkan kajian ke atas graduan sastera yang boleh dirujuk dan dikaji oleh pengkaji.

Melalui kajian oleh Zafir Mohd Makbul et al. pada tahun 2011 yang bertajuk Kriteria Pengambilan dan Pemilihan Graduan Dari Perspektif Pengurusan Sumber Manusia adalah kajian mengenai persepsi majikan terhadap aspek kemahiran dan kebolehpasaran graduan dalam memenuhi keperluan kerjaya yang ditawarkan. Kajian ini bertujuan untuk menilai ciri-ciri yang diketengahkan dan diberi keutamaan oleh pihak majikan semasa proses pemilihan graduan dalam bidang kerjaya yang ditawarkan. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian soal selidik yang merangkumi kaedah pengumpulan data secara pensampelan mudah yang hanya melibatkan sektor swasta seperti sektor perkhidmatan, perkilangan dan perbankan. Dapatan kajian menjelaskan tentang persepsi majikan terhadap graduan adalah nilai-nilai insaniah, keyakinan diri dan kemahiran berkomunikasi adalah aspek

yang perlu diberi penekanan terhadap graduan kemudian barulah kepada aspek pencapaian akademik, kokurikulum dan pengetahuan am untuk membentuk seorang graduan yang berpotensi dalam memenuhi keperluan industri. Namun, pendidikan masih pada tahap yang paling penting dan diutamakan oleh kebanyakan syarikat untuk memilih pekerja kerana kesesuaian bidang kerjaya bergantung kepada tahap bidang pendidikan seorang graduan sekali gus memberi impak terhadap produktiviti, kos pengurusan dan kesihatan mental pekerja. Dengan demikian, perbezaan di antara kajian ini dan kajian pengkaji adalah dari aspek pengaplikasian kaedah kajian iaitu pengkaji akan menilai tentang persepsi majikan terhadap graduan sastera secara khususnya melalui kaedah kajian kuantitatif berdasarkan temu bual manakala, kajian ini mengaplikasikan kaedah pengumpulan data melalui soal selidik tentang persepsi majikan khususnya dalam sektor swasta.

Penulisan oleh Ishak Yussof dan Rahmah Ismail pada tahun 2012 yang bertajuk Analisis Perbandingan Persepsi Majikan Sektor Awam dan Swasta Terhadap Prestasi Graduan UKM adalah mengenai kebolehpasaran graduan melalui persepsi majikan yang menyentuh kepada semua aspek kemahiran terhadap keperluan kerjaya. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji perbezaan di antara persepsi majikan dalam sektor awam dengan sektor swasta terhadap kebolehpasaran graduan UKM. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kuantitatif dengan mengumpul data primer melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada majikan terpilih atau wakil majikan atau golongan profesional bagi pemilik premis awam dan swasta. Kajian ini juga menggunakan kaedah kajian rintis untuk mengumpul data kajian dan dianalisis menggunakan skala *Likert* 1-5. Dengan demikian, faktor yang akan diketengahkan dalam penilaian oleh persepsi majikan terhadap graduan UKM

termasuklah aspek pengalaman kerja, status pekerjaan, sektor pekerjaan dan kaum yang menunjukkan persepsi majikan awam adalah lebih tinggi berbanding dengan persepsi majikan swasta dalam semua aspek. Melalui kajian ini, terdapat beberapa perbezaan yang boleh diketengahkan iaitu dari aspek pengaplikasian kaedah kajian serta objektif kajian. Hal ini demikian, kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif melalui borang soal selidik serta pengaplikasian skala Likert 1-5 untuk menganalisis dapatan kajian. Kajian ini juga memfokuskan kepada perbezaan di antara persepsi majikan sektor awam dan sektor swasta terhadap kebolehpasaran graduan UKM manakala, kajian oleh pengkaji akan menilai persepsi majikan terhadap kebolehpasaran graduan sastera dalam cabaran modenisasi yang akan dikaji menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah temu bual sebagai data primer dan kaedah kepustakaan sebagai data sekunder.

#### **2.4 Pengkajian Berkaitan Teori Kerjaya**

Penulisan oleh Ilham Wahyudi et al. pada tahun 2021 mengenai Analisis Terhadap *Holland Theory* dan Implikasinya Dalam Bimbingan Karir Pada Siswa mengkaji tentang hala tuju kerjaya pelajar lepasan universiti yang dilihat agak kabur dalam dunia kerjaya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis teori kerjaya Holland dan impaknya terhadap bimbingan dan kaunseling dalam pendedahan tentang kerjaya kepada graduan. Kaedah kajian kualitatif iaitu dengan mengumpulkan data dari sumber kepustakaan dan rujukan terhadap kajian lepas diaplikasikan sepanjang melaksanakan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa, graduan kurang terdedah terhadap peluang kerjaya yang boleh mereka ceburi selepas menamatkan pengajian namun, dengan memberikan pendedahan terhadap peluang kerjaya kepada graduan melalui teori kerjaya Holland serta bimbingan dan kaunseling, graduan mampu

melihat peluang kerjaya terhadap diri sama ada dari aspek minat, aspek bidang atau aspek keperibadian yang mampu memenuhi peluang kerjaya masa hadapan. Dengan demikian, terdapat persamaan dan perbezaan dalam kajian ini dan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji iaitu persamaan dari aspek penggunaan teori kerjaya iaitu teori Holland dalam kajian sebagai sumber utama untuk rujukan terhadap bidang kerjaya dalam pendidikan sastera. Manakala, perbezaan kajian ini adalah dari aspek kaedah kajian iaitu kaedah kajian ini yang lebih memfokuskan kepada data sekunder namun, pengkaji kini lebih menumpukan kepada kaedah kajian kualitatif dan pengumpulan data primer dan sekunder melalui temu bual bersama pihak majikan terpilih dan meneliti hasil kajian lepas serta kajian kepustakaan sebagai rujukan.

Seterusnya, kajian oleh Muzarina Juhari, Ku Suhaila Ku Johari dan Mohd Izwan Mahmud pada tahun 2019 mengenai Kecerdasan Pelbagai dan Minat Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah adalah kajian ke atas kemampuan seorang individu dalam mempelajari, memahami dan menyelesaikan masalah dalam sesuatu bidang baharu. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti peringkat kecerdasan pelbagai dan corak minat kerjaya dalam kalangan 77 orang pelajar sekolah menengah khususnya pelajar daripada tingkatan tiga. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif yang mewakili analisis data deskriptif. Kajian ini juga turut menganalisis Inventori Kecerdasan Pelbagai dan Inventori Minat Kerjaya melalui analisis Statistical Package for Social Science (SPSS). Hasil kajian mendapati bahawa tahap kecerdasan pelajar adalah pada tahap sederhana yang sedikit sebanyak telah memberikan impak terhadap minat kerjaya dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar. Kajian ini memerlukan untuk pihak sekolah agar terus memberikan pendedahan tentang maklumat kerjaya kepada pelajar sekali gus

membuka peluang dalam pemilihan kerjaya yang sesuai dengan diri pada masa hadapan. Dengan demikian, terdapat perbezaan yang ketara dalam kajian ini dan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji iaitu dari aspek pengaplikasian kaedah kajian. Pengkaji mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif dan pengumpulan data melalui sumber primer iaitu temu bual dan sumber sekunder namun, dalam kajian ini menumpukan kepada pengumpulan data melalui soal selidik data pelajar. Kajian ini juga menumpukan kepada pelajar sekolah menengah namun, kajian pengkaji akan mengetengahkan terhadap graduan pada peringkat universiti.

Selanjutnya, penulisan oleh Siti Hafsoh et al. pada tahun 2021 ke atas tajuk *Knowing Student's Personality Types in the Determination of Career Section According to Holland's Theory* mengenai aspek minat dan personaliti yang menjadi faktor pemilihan kerjaya oleh pelajar pada masa akan datang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis personaliti pelajar dalam menentukan pilihan kerjaya mengikut teori Holland sekali gus memastikan bahawa bidang kerjaya yang diceburi adalah selaras dengan kemahuan diri bakal pekerja. Dalam kajian ini, kaedah kajian analisis menggunakan kajian literatur telah diaplikasikan untuk membincangkan tentang definisi dan pemilihan yang merangkumi aspek kerjaya dan personaliti sekali gus merujuk kepada teori Holland dalam pemilihan kerjaya. Dapatan kajian menunjukkan personaliti pelajar merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi keputusan bidang kerjaya yang akan dipilih oleh pelajar. Hal ini demikian, personaliti merangkumi aspek minat dan bakat di dalam diri seorang individu akan memberikan impak kepada skop kerjaya pada masa akan datang. Oleh itu, perbezaan yang boleh dinilai dalam kajian ini adalah dari aspek pengaplikasian kaedah kajian dan objektif kajian iaitu untuk memastikan pemilihan bidang kerjaya

oleh pelajar adalah selaras dengan personaliti yang merangkumi minat dan bakat dan telah dikaji menggunakan kaedah kajian literatur manakala, kajian oleh pengkaji pula menekankan kepada skop bidang kerjaya graduan sastera pada masa akan datang yang akan dikaji dengan mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif yang akan menilai kepada persepsi majikan dalam bidang sastera.

Kajian oleh Mohamad Rafizi et al. pada tahun 2022 mengenai Tret Personaliti dan Faktor Pemilihan Kategori Pekerjaan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional mengkaji persoalan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar terhadap pemilihan kerjaya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti minat pelajar dan faktor-faktor pemilihan terhadap kerjaya. Kajian ini juga berobjektifkan untuk mengenal pasti perbezaan secara deskriptif di antara minat dan faktor pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kuantitatif melalui soal selidik dan tinjauan serta mengaplikasikan ujian RIASEK Holland yang telah dijalankan ke atas pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM) untuk mencapai objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan penilaian terhadap minat kerjaya oleh pelajar yang telah dikaji melalui Teori Kerjaya Holland mampu untuk mengenal pasti personaliti dan keperluan kerjaya yang dapat memenuhi keperluan individu yang secara tidak langsung akan memberikan kepuasan kerjaya kepada pelajar. Kajian ini juga menunjukkan terdapat ketidaksepadanan di antara bidang kerjaya dan bidang pengajian yang diceburi oleh pelajar di institusi latihan kemahiran dan teknikal sekali gus menjadi tanggungjawab pihak institusi dan majikan dalam memastikan kesesuaian bidang kerjaya yang selaras dengan bidang pengajian. Terdapat perbezaan yang boleh dinilai dalam kedua-dua kajian iaitu kajian ini menentengahkan tentang faktor yang mempengaruhi



minat kerjaya dalam kalangan pelajar di institusi Diploma Vokasional Malaysia yang dinilai melalui kaedah kualitatif berdasarkan kajian soal selidik dan penilaian personaliti RIASEK Holland manakala, kajian oleh pengkaji akan mengetengahkan tentang persepsi majikan terhadap bidang kerjaya graduan sastera yang dilihat kurang mendapat ruang dalam dunia kerjaya selaras dengan bidang pengajian graduan.

Penulisan oleh Indah Etika Putri et al. pada tahun 2021 ke atas tajuk Perspektif Teori Holland Dalam Pemilihan Karir Siswa mengkaji tentang faktor-faktor yang mendorong seorang graduan untuk menceburkan diri dalam sesuatu bidang kerjaya yang akan dinilai melalui Teori Kerjaya Holland. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara tingkah laku dan peribadi graduan dalam pemilihan kerjaya yang akan dinilai melalui aspek Teori Holland. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif yang akan merujuk kepada sorotan kajian lepas untuk mengumpul dan menganalisis data. Dapatan kajian menjelaskan bahawa, graduan mampu untuk menilai serta membuat pilihan tentang kerjaya yang bersesuaian dengan tingkah laku, keperibadian dan minat graduan secara khususnya yang merupakan aspek penting dalam memilih bidang kerjaya. Penilaian ini dilakukan dengan mengaplikasikan Teori Holland sebagai strategi untuk memilih bidang kerjaya agar selaras dengan minat graduan. Dengan demikian, perbezaan yang dapat dilihat di antara kedua-dua kajian iaitu kajian ini mengetengahkan tentang pemilihan bidang kerjaya oleh graduan yang menilai aspek minat dan tingkah laku graduan agar sesuai dengan bidang kerjaya yang akan diceburi. Namun, kajian oleh pengkaji lebih kepada aspek kesesuaian bidang kerjaya graduan dengan bidang pengajian yang diceburi di universiti. Dalam erti kata lain, pengkaji akan mengkaji tentang bidang kerjaya untuk graduan sastera melalui penilaian perspektif majikan

terpilih untuk memastikan graduan bidang sastera mendapat peluang dan ruang dalam dunia kerjaya masa hadapan.

Seterusnya, kajian oleh Farhan dan Megaiswari Biran pada tahun 2021 ke atas tajuk *Perspektif Teori Holland Dalam Pemilihan Kari Siswa SMA di Era Teknologi Informasi* merupakan satu kajian ke atas kumpulan masyarakat generasi Z dalam pemilihan dan kebolehpasaran kerjaya dalam cabaran modenisasi. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perspektif teori Holland (RIASEC) yang digunakan dalam pemilihan bidang kerjaya dalam kalangan generasi Z. Dalam pada itu, kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif melalui kepustakaan dan menganalisis terhadap keberkesanan teori Holland dalam membantu graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Hasil dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa tingkah laku, keperibadian dan kemahiran dalam kalangan generasi Z merupakan faktor yang mendorong kepada keperluan dan kebolehpasaran kerjaya masa hadapan sekali gus membantu seseorang individu dalam membuat keputusan pemilihan bidang kerjaya yang sesuai. Dengan demikian, terdapat perbezaan di antara kajian ini dan kajian oleh pengkaji iaitu, kajian ini menumpukan terhadap keberkesanan teori kerjaya Holland untuk membantu kumpulan masyarakat khususnya generasi Z dalam pemilihan bidang kerjaya manakala, pengkaji akan mengkaji kepada aspek keselarasan bidang kerjaya graduan sastera melalui perspektif majikan yang akan dikaji dan dinilai dengan mengaplikasikan teori kerjaya Holland.

Penulisan oleh Mohd Izwan Mahmud et al. pada tahun 2020 ke atas tajuk *Career Self-Efficacy Among Undergraduate Student in a Public University* merupakan kajian mengenai kesediaan kerjaya dalam kalangan graduan termasuklah dari aspek perancangan, pemilihan dan membuat keputusan. Kajian ini bertujuan untuk

mengenal pasti tahap efikasi sendiri kerjaya dalam kalangan pelajar ijazah pertama, mengkaji perbezaan antara pendidikan kelompok dengan efikasi sendiri kerjaya dan mengkaji perbezaan antara jantina dengan efikasi sendiri kerjaya. Sehubungan dengan itu, kaedah kajian gabungan kajian melalui kajian reka bentuk deskriptif dan perbandingan yang telah diaplikasikan untuk mencapai objektif kajian. Hasil dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa pelajar universiti perlu untuk mengetengahkan efikasi sendiri kerjaya yang merupakan satu elemen penting sepanjang proses pendidikan kerana pembangunan kerjaya graduan adalah saling bergantung dengan keupayaan graduan dalam membuat keputusan kerjaya. Tambahan lagi, pelajar akan mula membuat penilaian terhadap kebolehpasaran dan ketersediaan kerjaya sepanjang tempoh pengajian antara tiga hingga lima tahun di universiti. Dengan demikian, perbezaan yang boleh dibincangkan di dalam kajian ini adalah dari aspek kaedah kajian dan dapatan kajian. Kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kajian gabungan dan perbandingan serta menganalisis data secara deskriptif terhadap kajian mengenai kebolehpasaran dan ketersediaan graduan dalam menceburi bidang kerjaya yang mengetengahkan kepada aspek efikasi sendiri graduan. Kajian oleh pengkaji pula menekankan kepada kebolehpasaran graduan dalam bidang sastera yang akan dikaji dengan mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif melalui kaedah temu bual terhadap majikan terpilih untuk menjawab persoalan tentang peluang kerjaya graduan dalam bidang sastera.

Seterusnya, kajian oleh Ismail Zuraidah pada tahun 2010 mengenai *The Differences of Career Self-efficacy in the Selection of Careers among Malay Students at International Islamic University Malaysia* merupakan kajian ke atas efikasi sendiri kerjaya yang menyentuh kepada aspek sosio-ekonomi dalam pemilihan bidang

kerjaya oleh siswazah. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara efikasi sendiri kerjaya dengan kerjaya yang akan dipilih oleh pelajar universiti. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui perbezaan efikasi sendiri kerjaya dari aspek jantina dan status sosio-ekonomi. Untuk mencapai objektif kajian, kaedah reka bentuk penyelidikan melalui pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar serta kaedah pensampelan telah diaplikasikan ke atas pelajar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA). Dengan demikian, dapatan kajian menunjukkan bahawa efikasi sendiri kerjaya mampu untuk memberikan gambaran yang jelas kepada para siswazah tentang aspek kerjaya yang sesuai untuk mereka ceburi kelak. Dari aspek jantina, kajian menunjukkan efikasi sendiri kerjaya pelajar perempuan adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar lelaki. Pelajar perempuan lebih cenderung untuk memilih bidang pendidik sebagai pilihan kerjaya berbanding pelajar lelaki yang memilih bidang sains dan kejuruteraan. Kajian ini juga menjelaskan tentang faktor sosio-ekonomi turut mempengaruhi siswazah dalam pemilihan bidang kerjaya. Hal ini demikian, pelajar dari status ekonomi yang tinggi menunjukkan efikasi sendiri kerjaya yang cenderung tinggi berbanding dengan pelajar dari status sosio-ekonomi sederhana dan rendah. Sehubungan dengan itu, perbezaan kajian ini dan kajian oleh pengkaji adalah dari aspek penggunaan kaedah kajian serta tujuan kajian iaitu untuk menilai tahap kebolehpekerjaan dan pemilihan bidang kerjaya oleh graduan lepasan UIA yang telah dikaji dengan menggunakan kaedah kajian reka bentuk penyelidikan dan kaedah pensampelan manakala, kajian oleh pengkaji menentengahkan tentang bidang kerjaya terhadap graduan sastera yang akan dikaji melalui kaedah kualitatif dan temu bual ke atas majikan terpilih di Malaysia.

Di samping itu, penulisan oleh Erfan Ramadhani et al. pada tahun 2020 mengenai *Analysis of Holland Theory Career Guidance in Student Career Planning* merupakan kajian tentang usaha yang telah dilakukan oleh pihak pendidik untuk memberikan bimbingan dan pendedahan terhadap bidang kerjaya kepada pelajar. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan terhadap pendedahan dan bimbingan kaunseling oleh pendidik dalam merancang kerjaya pelajar. Kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif deskriptif melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan dokumentasi terhadap perancangan kerjaya pelajar dalam bidang perakaunan yang melibatkan tiga orang guru kaunseling dan beberapa orang pelajar. Dapatan kajian menunjukkan guru kaunseling mendedahkan kepada pelajar tentang kerjaya yang selaras dengan minat dan bidang pengajian dengan mengaplikasikan teori kerjaya Holland sekali gus mendedahkan kepada pelajar tentang minat dan bidang kerjaya yang bakal diceburi pada masa akan datang. Dengan demikian, perbezaan yang boleh diketengahkan di antara kedua-dua kajian adalah dari aspek objektif kajian. Kajian ini dilihat lebih memfokuskan kepada peranan guru bimbingan dan kaunseling dalam memberikan pendedahan kepada pelajar daripada bidang perakaunan tentang bidang kerjaya mereka dengan mengaplikasikan teori kerjaya Holland sepanjang proses bimbingan manakala, kajian oleh pengkaji akan menyetengahkan terhadap peluang kerjaya yang bakal diceburi oleh graduan sastera yang akan dikaji melalui kaedah temu bual terhadap majikan terpilih.

Kajian oleh Robbi Asri et al. pada tahun 2021 ke atas kajian Peningkatan Kematangan Karir Siswa Dengan Teori Holland merupakan kajian mengenai kematangan pelajar dalam membuat keputusan pemilihan bidang kerjaya. Dengan

demikian, kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang usaha-usaha dalam meningkatkan kematangan terhadap pemilihan kerjaya oleh pelajar menggunakan teori Holland sekali gus mengelakkan pelajar membuat keputusan yang kurang tepat dalam pemilihan kerjaya masa akan datang. Kajian ini telah dijalankan dengan mengaplikasikan kaedah kajian tinjauan kepustakaan dengan mengkaji secara kritis ke atas kajian-kajian lepas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sesetengah pelajar kurang terdedah dengan kesesuaian bidang kerjaya yang mereka akan ceburi pada masa akan datang. Oleh itu, pelajar berperanan penting dalam memastikan bidang kerjaya yang dipilih adalah selaras dengan minat, kemampuan, kemahiran, kebolehcapaian serta selaras dengan bidang pembelajaran sekali gus mencapai kecemerlangan dan kepuasan bekerja pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, terdapat perbezaan yang boleh diketengahkan dalam kedua-dua kajian iaitu kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian tinjauan terhadap kajian-kajian lepas untuk mengumpul dan mengkaji terhadap tahap kematangan pelajar dalam memilih dan membuat keputusan bidang kerjaya manakala, kajian oleh pengkaji pula memfokuskan kepada peluang kerjaya terhadap graduan dalam bidang sastera yang akan dikaji menggunakan kaedah kajian kualitatif melalui kaedah temu bual ke atas pihak majikan terpilih di Malaysia.

## **2.5 Pengkajian Berkaitan Bidang Lain dalam Pendidikan Sastera dan Bidang Kerjaya**

Bahagian ini akan menghuraikan tentang kajian berkaitan bidang lain yang merangkumi aspek-aspek umum seperti aspek teknologi, aspek psikologi, aspek sosial dan lain-lain yang masih berkaitan dalam pendidikan sastera dan bidang kerjaya.

### 2.5.1 Aspek Teknologi

Penulisan oleh Intan Marlina Mohd Ali dan Madiawati Mamat pada tahun 2016 dalam tajuk kajian beliau Program Kesusasteraan Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Pelaksanaan dan Cabaran adalah mengetengahkan tentang pendidikan sastera dalam pengaplikasian teknologi ini perlu diajar semasa peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) kepada pelajar sebelum memasuki alam universiti. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kursus-kursus kesusasteraan Melayu kini mengikut kehendak dan kesesuaian semasa dan menganalisis cabaran-cabaran yang terdapat dalam pelaksanaan kursus terlibat. Kajian ini juga menumpukan terhadap keberkesanan kursus-kursus Kesusasteraan dalam memenuhi kehendak dan pasaran semasa dalam terhadap bidang kerjaya melalui program yang ditawarkan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM). Kaedah kajian analisis kandungan telah diaplikasikan dalam kajian dengan melihat kepada bahan-bahan kajian lepas yang berkaitan dengan kesusasteraan Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa, terdapat tiga kursus sastera yang ditawarkan di Akademi Pengajian Melayu, UM iaitu kursus Sastera Komersial, kursus Penyuntingan Sastera dan kursus Pengajaran e-Sastera yang dilihat lebih menarik perhatian pelajar sekali gus memenuhi kehendak pasaran semasa dalam penawaran bidang kerjaya sastera yang lebih baik kepada graduan. Dengan demikian, kajian ini dilihat sebagai cerminan kepada kajian pengkaji iaitu dalam menilai bidang sastera dalam penawaran kerjaya pada masa akan datang. Namun, terdapat perbezaan dalam kajian iaitu dari aspek kaedah kajian yang hanya menumpukan kepada analisis bahan kajian lepas dalam kajian namun, pengkaji kini akan

mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif dan temu bual terhadap majikan terpilih untuk analisis dan pengumpulan data.

Penulisan oleh Devi et al. pada tahun 2019 mengenai *Literature Education and Industrial Revolution 4.0* mengkaji tentang pendidikan sastera dalam perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tentang kesan IR4.0 terhadap pengajaran dan pembelajaran terhadap pendidikan sastera pada peringkat universiti. Kajian ini juga mengkaji ketersediaan bidang kesusasteraan dalam perkembangan IR4.0. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif dan kaedah naratif untuk mencapai pemahaman tentang sebab, pendapat dan motivasi dalam penyampaian pendidikan sastera selaras dengan perkembangan teknologi. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa, graduan perlu mempersiapkan diri untuk menghadapi perkembangan teknologi dan persaingan yang sengit untuk memenuhi kehendak dan kebolehpasaran graduan seperti yang diperlukan dan dikehendaki oleh pihak majikan. Sehubungan dengan itu, pihak universiti bertanggungjawab dalam mencorakkan pengajaran dan pembelajaran yang akan disampaikan kepada graduan khususnya bidang sastera agar selaras dengan perkembangan teknologi. Pelajar dan graduan sastera perlu beralih daripada perspektif yang meletakkan bidang sastera sebagai perkara tradisional tanpa menangani dan bersedia dengan keperluan semasa. Malah, perkembangan IR4.0 ini perlu dimanfaatkan sebagai pemangkin hala tuju bidang sastera untuk memenuhi prospek kerjaya semasa yang mementingkan kepada pendigitalan dan Kepintaran Buatan (*Artificial Intelligence AI*). Perbezaan yang boleh dinilai dalam kajian ini dan kajian pengkaji adalah dari aspek dapatan kajian yang dilihat lebih menekankan kepada kedudukan dan perkembangan bidang sastera yang perlu digarap agar selaras



dengan perkembangan teknologi kini sekali gus graduan daripada bidang sastera mendapat ruang dalam dunia kerjaya masa hadapan manakala, kajian oleh pengkaji kini mengetengahkan tentang persepsi majikan terhadap kerjaya graduan sastera dalam cabaran modenisasi.

Seterusnya, kajian oleh Madiawati Mamat @ Mustafa et al. pada tahun 2021 ke atas tajuk Buku Audio Sastera Sebagai Alternatif Pembacaan Karya Sastera Dalam Era Digital adalah kajian mengenai penyampaian karya-karya sastera yang memanfaatkan perkembangan teknologi kini sekali gus menggalakkan pembacaan karya sastera dalam kalangan masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan sejarah serta perkembangan buku audio sastera di Malaysia sekali gus mengetengahkan kepentingannya dalam perkembangan teknologi. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif melalui kaedah kajian kepustakaan terhadap bahan bacaan dan buku audio yang terdapat dalam talian, kaedah analisis teks terhadap kajian-kajian lepas dan kajian lapangan untuk mencapai objektif kajian. Dapatan kajian dirumuskan bahawa penerbitan karya-karya sastera melalui medium audio telah lama berkembang dalam pasaran yang secara tidak langsung telah memberi peluang dan galakan kepada masyarakat khususnya kanak-kanak dan golongan orang kelainan upaya (OKU) untuk meneladani dan menelaah karya-karya sastera. Namun, penerbitan buku audio sastera masih perlu dipergiat, diperkembangkan serta dipelbagaikan lagi selaras dengan perkembangan teknologi kini sebagai alternatif dan galakan kepada masyarakat untuk mendalami karya sastera. Dengan demikian, terdapat beberapa perbezaan yang boleh dinilai dalam kedua-dua kajian iaitu dari aspek objektif kajian dalam

kajian ini yang mengkaji tentang perkembangan buku audio sastera dan kepentingannya sekali gus memberi galakan kepada masyarakat untuk membaca karya-karya sastera manakala, kajian oleh pengkaji mengetengahkan tentang pendidikan sastera dalam cabaran modenisasi dan peluang bidang kerjaya graduan sastera yang akan dikaji melalui perspektif majikan.

### **2.5.2 Aspek Psikologi**

Zuraini Jusoh et al. pada tahun 2022 telah menjalankan kajian terhadap Pengetahuan Pelajar terhadap Kerjaya dalam Bidang Bahasa Melayu yang telah dijalankan ke atas 63 orang pelajar universiti. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengetahuan pelajar terhadap kerjaya yang boleh diceburi dalam bidang bahasa Melayu. Dalam kajian ini, kaedah kajian soal selidik telah diaplikasikan iaitu dengan menggunakan skala perbezaan semantik terhadap beberapa orang pelajar sebagai informan. Dengan demikian, kajian mendapati bahawa kerjaya sebagai guru, pensyarah, penterjemah dan penulis adalah yang paling kerap dipilih oleh graduan sebagai bidang kerjaya sastera sekali gus menunjukkan bahawa, masih kurang pendedahan dan pengetahuan terhadap bidang kerjaya khususnya dalam bidang sastera daripada kalangan pelajar. Hal ini turut dipengaruhi oleh kesukaran dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya yang masih menjadi isu dalam diri para graduan. Oleh itu, terdapat perbezaan yang boleh dikaji dalam kajian ini iaitu kajian ini menggunakan kaedah kajian soal selidik dan kaedah berskala untuk mencapai objektif kajian namun, pengkaji kini akan mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif dan pengumpulan data melalui kaedah temu bual. Kajian ini juga tertumpu kepada pendedahan bidang kerjaya dalam kalangan pelajar universiti namun, pengkaji

kini akan lebih memfokuskan tentang peranan pihak majikan dalam memastikan pelajar daripada bidang sastera tidak tercicir dalam dunia kerjaya masa hadapan.

### **2.5.3 Aspek Sosial**

Uthaya Sankar SB dan Krishanan Maniam menerusi kajian yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 iaitu Sumbangan Penulis Kaum India Malaysia Kepada Bahasa Kebangsaan dan Sastera Kebangsaan menyatakan tentang isu segelintir kaum Cina dan India di Malaysia yang kurang menguasai Bahasa Melayu. Dengan demikian, kajian ini telah dilaksanakan untuk membuktikan bahawa kaum India di Malaysia bukan sahaja menguasai dan mencintai Bahasa Malaysia, malah turut terlibat dalam menghasilkan karya sastera Melayu sejak tahun 1970-an lagi. Kajian ini juga bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih tepat dan saksama tentang sikap kaum India terhadap Bahasa Malaysia serta sumbangan mereka dalam bidang Kesusasteraan Negara. Dalam kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu kaedah pemerhatian dan pengumpulan data primer dan sekunder dengan merujuk kepada beberapa pandangan pengarang melalui terbitan akhbar, majalah dan buku. Hasil penelitian oleh pengkaji, kajian ini berjaya membuktikan dengan bukti dan hujah yang relevan tentang kecintaan dan sumbangan beberapa sasterawan dan penulis daripada kaum India terhadap pendidikan sastera di Malaysia. Oleh itu, terdapat persamaan dan perbezaan dalam kajian lepas dan kajian oleh pengkaji iaitu persamaan dari aspek penggunaan kaedah kajian yang menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan mengenal pasti dan menganalisis data sumber primer dan sekunder. Manakala, melalui penelitian, kajian ini lebih memfokuskan kepada hujah-hujah untuk membuktikan bahawa kaum India telah banyak menyumbang

kepada perkembangan sastera di Malaysia namun, kajian oleh pengkaji adalah lebih memfokuskan kepada perkembangan pendidikan sastera dan bidang kerjaya dalam cabaran modenisasi.

Kajian oleh Shamsudin Othman et al. pada tahun 2015 ke atas tajuk Pemikiran Akal Budi dan Sosiobudaya Melayu dalam Pendidikan Kesusasteraan Melayu adalah mengenai pembentukan jati diri masyarakat melalui karya-karya sastera. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai kerelevanan pendidikan Kesusasteraan Melayu terhadap keperluan hidup masyarakat yang merangkumi aspek sosiobudaya. Kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis teks terhadap karya-karya sastera Melayu terpilih dan menghubungkannya kepada Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu untuk mengkaji aspek sosiobudaya dalam kalangan masyarakat. Dapatan kajian menunjukkan, karya-karya sastera terpilih yang telah dikaji kebanyakannya akan menyentuh tentang masyarakat, bangsa dan nilai-nilai nasionalisme dalam pembentukan satu masyarakat yang harmoni dan kaya dengan nilai-nilai murni sekali gus melahirkan individu yang bersahsiah. Sastera juga dilihat sebagai satu tunjang utama untuk mengubah struktur pendidikan yang seimbang di samping membentuk pelajar yang mempunyai hala tuju kehidupan. Dengan demikian, terdapat perbezaan yang boleh diukur di antara kedua-dua kajian iaitu dari aspek penggunaan kaedah kajian yang merangkumi pengaplikasian kaedah analisis teks dalam kajian ini manakala, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian kualitatif dan temu bual. Kajian ini juga hanya menekankan kepada pembentukan sesebuah bangsa yang kaya dengan nilai-nilai sahsiah di dalam diri yang turut memberikan kesan kepada sistem pendidikan serta pembentukan minda pelajar dan graduan tentang

masa hadapan. Kajian oleh pengkaji pula menekankan terhadap aspek kerjaya graduan sastera yang masih berkait dengan kajian lepas dari aspek cara berfikir dan hala tuju graduan masa hadapan yang akan dinilai melalui persepsi majikan.

#### **2.5.4 Aspek Bahasa**

Kajian oleh Hashim Ismail pada tahun 2017 mengenai Sastera Nasional: Antara Sastera Inggeris dan Sastera Melayu membincangkan persoalan tentang konsep sastera kebangsaan yang dipengaruhi sepenuhnya oleh sastera Melayu selepas kemunculan gerakan nasionalisme dalam sejarah sosio-politik di Malaysia. Dengan demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan kepentingan penggunaan Bahasa Melayu dalam sastera kebangsaan serta turut membincangkan tentang kerelevanan sastera dalam bahasa Inggeris yang dianggap sebagai bahasa penyatuan baharu dalam dunia sastera. Untuk menjayakan kajian, kaedah kajian kualitatif melalui kaedah deskripsi dan perbandingan berasaskan perspektif sejarah, konsep sastera kebangsaan dan sastera sukuan sebagai satu konsep yang berbeza. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat sebahagian pandangan penyelidik dalam kajian yang melontarkan pandangan tentang sastera yang menggunakan bahasa Melayu sebagai medium penyampaian sukar untuk berkembang kerana terhad kepada nilai budaya Melayu, nilai tradisional dan agama Islam sebaliknya, sastera yang menggunakan bahasa Inggeris mudah untuk berkembang disebabkan sifat keterbukaan yang diterima di peringkat global. Oleh itu, kajian ini dapat disimpulkan sebagai kajian ke atas perkembangan sastera dalam aspek penggunaan bahasa yang mencerminkan kepada kajian oleh pengkaji kini namun,


kajian ini akan lebih mengetengahkan tentang perkembangan pendidikan sastera dalam cabaran modenisasi.

Seterusnya, penulisan oleh Ijlal Saja et al. pada tahun 2019 mengenai Tinjauan Literatur Penterjemahan Karya Sastera Arab dan Melayu adalah kajian ke atas penterjemahan karya sastera dalam bahasa asing ke bahasa Melayu atau sebaliknya sekali gus memartabatkan bidang sastera. Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji terhadap kajian lepas berkaitan penterjemahan karya sastera Arab dan Melayu. Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang. Untuk mencapai objektif kajian, kaedah kajian kualitatif melalui kaedah tinjauan literatur dan data yang diperoleh akan dianalisis secara tematik dan deskriptif telah diaplikasikan dalam kajian. Hasil dapatan kajian menjelaskan bahawa banyak kajian penterjemahan yang telah dilakukan khususnya dari aspek karya sastera sejarah di Timur Tengah, di Barat dan juga terjemahan dari aspek sosiobudaya. Kajian juga menunjukkan masih wujud kelompangan dan kurangnya kajian yang dilakukan ke atas penterjemahan karya-karya sastera yang memerlukan kajian yang lebih terperinci lagi pada masa akan datang. Dengan demikian, perbezaan yang boleh diketengahkan di antara kedua-dua kajian ini adalah dari aspek kaedah kajian dan objektif kajian. Kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif melalui kaedah tinjauan literatur dan analisis secara tematik serta deskriptif untuk mengkaji ke atas penterjemahan karya sastera daripada bahasa asing ke bahasa Melayu dan sebaliknya manakala, kajian oleh pengkaji menyentuh tentang aspek pendidikan sastera di Malaysia yang turut menyentuh aspek perkembangannya serta peluang kerjaya graduan sastera daripada perspektif


majikan yang akan dikaji menggunakan kaedah kajian kualitatif melalui kaedah kajian kepustakaan dan temu bual.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## 2.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan mengenai pendidikan sastera dan bidang kerjaya dalam cabaran modenisasi yang mengetengahkan persepsi majikan terpilih di Malaysia terhadap graduan khususnya dalam pendidikan sastera yang akan menceburkan diri dalam dunia kerjaya pada masa akan datang. Berdasarkan kajian literatur yang telah diperhati dan dinilai oleh pengkaji banyak memperlihatkan kepada kepentingan pendidikan sastera dan cabaran modenisasi yang sedikit sebanyak memberikan kesan negatif terhadap peluang dunia kerjaya kepada graduan dalam bidang sastera. Kajian lepas juga mengetengahkan tentang pendedahan terhadap bidang kerjaya sastera dan persepsi majikan terhadap kualiti graduan. Dengan demikian, pengkaji mendapati bahawa masih banyak kelompangan dalam kajian yang perlu dikaji dengan lebih relevan terhadap perkembangan pendidikan sastera dan bidang kerjaya dalam cabaran modenisasi.



## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Bab tiga membincangkan tentang metodologi atau kaedah kajian yang diguna pakai untuk mendapatkan hasil kajian yang sahih dan berkualiti. Metodologi kajian merupakan satu struktur penting dalam menjalankan kajian penyelidikan untuk mendapatkan dan mengumpul maklumat yang tepat dan kesahan yang tinggi seterusnya mendapat keputusan kajian penyelidikan (Mohd Majid, 2010). Dengan demikian, bahagian ini menjelaskan tentang instrumen dalam kajian yang merangkumi struktur kajian, reka bentuk kajian, kaedah kajian serta tatacara untuk menganalisis dapatan kajian. Kaedah pengumpulan data mengaplikasikan kaedah kualitatif menerusi kaedah penelitian terhadap sumber kajian-kajian lepas serta kaedah temu bual terhadap lima orang majikan terpilih di Malaysia untuk mengumpul, mengenal pasti masalah dan menganalisis data berkaitan penyelidikan sekali gus menyelaraskan data mengikut objektif kajian. Kajian ini turut mengaplikasikan teori Pemilihan Kerjaya Holland dipelopori oleh Holland (1973) yang menilai kepada aspek personaliti, pandangan dan pemilihan bidang kerjaya serta melibatkan beberapa jenis orientasi di dalam teori untuk tujuan mengkaji dan menganalisis dapatan kajian.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian dicipta untuk mengenal pasti hala tuju kajian agar dapat dilaksanakan mengikut susunan sekali gus mencapai objektif kajian. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kajian kualitatif untuk mengumpul, meneliti dan menganalisis data yang diperoleh oleh pengkaji. Reka bentuk kajian menggambarkan secara ringkas berkenaan struktur sepanjang melaksanakan kajian. Struktur kajian tertumpu kepada objektif kajian yang merupakan hala tuju kajian untuk mengenal pasti terhadap persepsi majikan berkenaan pendidikan sastera dan bidang kerjaya yang akan dikaji menerusi teori Pemilihan Kerjaya Holland. Struktur kajian ini turut berperanan untuk memudahkan pemahaman dan penyampaian inti pati serta hasil kajian dalam penelitian kajian ini. Teori Pemilihan Kerjaya Holland menjadi asas dalam kajian iaitu untuk meneliti tentang persepsi majikan terhadap bidang kerjaya graduan sastera di Malaysia pada masa akan datang. Teori Pemilihan Kerjaya Holland dipelopori oleh Holland (1973) yang menekankan terhadap aspek personaliti, minat vokasional serta beberapa aspek yang berkaitan dalam pemilihan bidang kerjaya oleh graduan. Aspek personaliti biasanya dikenal pasti melalui kecenderungan terhadap mata pelajaran sekolah, aktiviti sosial dan rekreasi, hobi serta pekerjaan. Teori Pemilihan Kerjaya Holland mengkategorikan individu kepada salah satu daripada enam kategori berdasarkan pengamatan oleh Holland terhadap budaya masyarakat Amerika. Teori ini membantu pihak kaunseling atau pihak-pihak yang terlibat dalam memberikan pandangan kepada graduan dalam menentukan bidang kerjaya yang akan diceburi menerusi aspek personaliti, minat serta persekitaran yang mempengaruhi sesuatu keputusan.

Reka bentuk kajian yang dilaksanakan dalam kajian ini mengetengahkan terhadap langkah-langkah serta solusi untuk memperoleh hasil analisis kajian, menjawab persoalan-persoalan kajian sekali gus mencapai objektif kajian. Objektif kajian tersebut adalah:

- i. Mengetahui perkembangan pendidikan sastera dan perhubungan bidang kerjaya di Sabah sekitar tahun 2010 sehingga 2020.
- ii. Menganalisis pandangan majikan terpilih terhadap graduan sastera.

Seterusnya, untuk mencapai objektif kajian, pengkaji perlu berusaha semampu mungkin untuk melaksanakan serta mencipta kaedah dan langkah-langkah penyelesaian sekali gus merealisasikan tujuan asal kajian. Dengan demikian, setelah melalui beberapa proses penilaian dan kajian terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji telah mengambil keputusan untuk memilih tajuk kajian ini dan telah memastikan bahawa tidak berlaku sebarang masalah dalam kajian seperti pertindihan tajuk dengan pengkaji lain.

### **3.3 Kaedah Kajian**

Kajian ini menekankan kepada aspek hala tuju pendidikan sastera serta persepsi majikan terhadap bidang kerjaya graduan sastera yang dikaji menerusi teori Pemilihan Kerjaya Holland. Kajian dilaksanakan secara kualitatif menerusi kajian kepustakaan dan Internet yang mengetengahkan terhadap kerjaya masa hadapan graduan dengan merujuk terhadap kajian-kajian lepas, pelaksanaan teori serta kaedah temu bual terhadap majikan terpilih untuk mengumpul hasil dapatan kajian. Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati bahawa pendidikan sastera menitik


beratkan aspek kerjaya yang akan ditawarkan kepada graduan dengan memanfaatkan pendidikan sastera serta menilai terhadap kesesuaian kerjaya menerusi teori Pemilihan Kerjaya Holland agar graduan mampu untuk menceburkan diri dalam bidang kerjaya selaras dengan bidang serta permintaan dan kehendak ekonomi negara pada masa akan datang. Teori Pemilihan Kerjaya Holland dipilih sebagai asas pengkajian persepsi majikan terhadap bidang kerjaya graduan sastera. Dengan demikian, dalam kajian ini akan menjelaskan setiap fungsi kaedah kajian untuk mencapai setiap objektif kajian.

### **3.3.1 Temu Bual Berstruktur**


Kaedah temu bual berstruktur akan dijalankan ke atas lima orang informan yang terdiri daripada majikan terpilih iaitu dua orang pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Pengetua dan penulis. Tujuan temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat melalui persepsi majikan terhadap perkembangan pendidikan sastera dan bidang kerjaya menerusi cabaran modenisasi di Malaysia khususnya di Sabah pada masa kini. Seterusnya, kesahan maklumat adalah amat penting dalam kajian. Oleh itu, data yang diperoleh oleh pengkaji akan dipastikan kesahan isi kandungannya dengan merujuk kepada dua orang pakar seperti pakar bidang dan pensyarah. Rujukan terhadap kesahan maklumat dengan pakar akan dijalankan dalam beberapa sesi sepanjang tempoh penyelidikan dijalankan untuk memastikan kandungan data, penggunaan ayat, struktur bahasa dan format penyelidikan adalah betul sekali gus mengukuhkan hujah dan mempelbagaikan lagi rujukan berkaitan persepsi majikan terhadap hala tuju pendidikan dan kerjaya dalam bidang sastera pada masa kini yang akan merujuk kepada teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) bagi mencapai objektif kajian.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN


### **3.3.2 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kajian ini tertumpu kepada penelitian terhadap bahan kajian di perpustakaan. Pengkaji mendapatkan bahan kajian melalui Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kaedah ini turut mengetengahkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti tesis, jurnal, buku, artikel, majalah, serta dokumen bertulis berkaitan yang akan dianalisis serta diteliti kesahihan sumber sebelum dijadikan rujukan dalam kajian.

### **3.3.3 Kaedah Analisis Kandungan**

Kaedah analisis kandungan adalah untuk menganalisis dapatan kajian temu bual dalam kajian untuk memastikan segala maklumat dan data yang diperoleh dan diperlukan mampu untuk mencapai objektif kajian. Analisis kandungan juga memerlukan perhatian yang teliti agar tidak melanggar etika sekali gus memastikan kesahan maklumat bagi melengkapkan hujah sepanjang melaksanakan penyelidikan. Analisis kajian ini disampaikan sama ada dalam bentuk tulisan, gambar, rajah, jadual dan simbol adalah berkaitan dengan isu atau masalah yang dikaji sekali gus memastikan segala sumber maklumat yang diperoleh adalah tepat dan sah. Melalui kajian ini, beberapa jenis dokumen yang dirujuk adalah seperti jurnal, tesis doktor falsafah, tesis sarjana, tesis sarjana muda, buku rujukan, majalah, akhbar dan bahan ilmiah yang lain serta data temu bual terhadap persepsi majikan sebagai dapatan kajian. Semasa melakukan penelitian terhadap dokumen yang terlibat, pengkaji menganalisis objektif, tujuan dan hasil kajian daripada kajian-kajian lepas.

Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan analisis kandungan untuk mengenal pasti konsep, tema dan dapatan kajian yang diperoleh melalui temu bual terhadap majikan serta soal selidik terhadap pelajar aliran sastera. Kemudian, kategori dan subkategori menerusi pengaplikasian analisis tematik iaitu dengan merangka beberapa tema yang dihasilkan melalui soalan temu bual. Tema yang dirangka memudahkan pengkaji untuk mengumpulkan data secara spesifik seterusnya menjawab persoalan dan objektif kajian. Kaedah analisis tematik diaplikasikan dalam soalan-soalan temu bual yang ditujukan kepada majikan terpilih sekali gus menjadi panduan kepada maklumat yang perlu difokuskan dan memudahkan pengkaji untuk mengumpul data. Kaedah analisis tematik akan dilakukan secara berterusan sepanjang proses pengumpulan data. Kaedah analisis tematik dibangunkan sebaik sahaja data pertama dikumpul seterusnya dianalisis secara berterusan dan makna setiap kategori diperhalusi sehinggalah berjaya menggambarkan keadaan yang berlaku dalam objektif yang dikaji.



Rajah 3.1: Teknik Analisis Soalan Temu Bual Kajian Kualitatif Persepsi Majikan.

### 3.3.4 Sumber Laman Sesawang

Sumber melalui laman sesawang diaplikasikan dalam kajian ini adalah untuk memperoleh maklumat yang diperlukan, sahih dan lengkap. Pengkaji turut melakukan tapan dengan meneliti terhadap kajian-kajian lepas untuk memastikan sumber yang bersesuaian sebelum dijadikan sebagai bahan rujukan kajian. Pelbagai laman sesawang yang dirujuk dalam kajian ini termasuklah laman sesawang rasmi kerajaan berkaitan peratus graduan bekerjaya dan menganggur, persepsi majikan terhadap graduan sastera serta merujuk kepada



pemilihan bidang kerjaya melalui teori pemilihan kerjaya Holland. Laman sesawang lain seperti Academia, Google Scholar, *Connected Papers* dan Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan sumber rujukan bagi menambah hujah-hujah yang bernas sepanjang pengkajian. Pengkaji telah memastikan ketulenan dan kesahihan keseluruhan maklumat dengan memerhati dan peka terhadap etika sepanjang menjalankan kajian.

### **3.4 Teori Pemilihan Kerjaya Holland**

Terdapat pelbagai teori kerjaya yang telah dibangunkan dan menjadi asas pengkaji dalam kajian terhadap bidang kerjaya. Antara teori tersebut adalah teori Pemilihan Kerjaya Holland (Sidek Mohd Noah, 2002). Teori Pemilihan Kerjaya Holland diasaskan oleh Holland (1973). Berdasarkan kepada aliran teori ini menyatakan bahawa, personaliti yang memfokuskan kepada tipologi merupakan faktor utama dalam pemilihan bidang kerjaya oleh seorang individu. Teori ini turut menekankan kepada andaian bahawa minat vokasional adalah salah satu daripada aspek personaliti individu yang mempengaruhi dalam pembuatan keputusan bidang kerjaya. Sehubungan dengan itu, aspek-aspek personaliti kebiasaannya akan dikenal pasti melalui kecenderungan terhadap mata pelajaran sekolah, aktiviti rekreasi dan hobi bagi menentukan bidang kerjaya sementara minat vokasional pula digambarkan sebagai ekspresi personaliti individu. Sehubungan dengan itu, pemerhatian kepada persepsi majikan terhadap bidang kerjaya serta hala tuju pendidikan sastera akan dikenal pasti melalui pengaplikasian teori ini.

Teori Pemilihan Kerjaya Holland mengkategorikan individu kepada salah satu daripada enam aspek kategori iaitu Realistik (R), Intelek (I), Artistik (A), Sosial (S),

*Enterprising* atau Daya Usaha (E), dan *Conventional* atau Konvensional (C). Enam aspek kategori tersebut merupakan perkembangan dan pengaruh persekitaran dalam kehidupan seseorang individu yang merangkumi budaya masyarakat, rakan sebaya, pewarisan biologi, keluarga, kelas sosial, persekitaran fizikal serta pengaruh terhadap aktiviti-aktiviti yang diminati sekali gus mendorong dalam membuat keputusan bidang kerjaya yang hendak diceburi. Dalam erti kata yang lain, teori ini menjadi asas utama dalam penerapan psikologi untuk membuat pilihan kerjaya yang sesuai dan memuaskan. Individu yang terdedah dengan informasi sama ada daripada sumber eksternal atau internal berkaitan bidang kerjaya dilihat lebih cenderung untuk membuat pemilihan yang tepat berbanding dengan individu yang kurang menerima pengetahuan berkaitan bidang kerjaya.

### **3.4.1 Konsep Teori Pemilihan Kerjaya Holland**

Menurut Herr et. al (2004), teori Pemilihan Kerjaya Holland mengetengahkan terhadap keperibadian serta perilaku yang dipengaruhi oleh lingkungan persekitaran hidup seseorang individu seperti budaya, pengaruh rakan sebaya, keluarga atau guru sebagai faktor dalam pemilihan dan perkembangan kerjaya. Teori ini menjelaskan tentang hubungan antara keperibadian yang telah dicorakkan dalam diri individu dan jenis kerjaya yang diceburi. Hal ini demikian, perilaku individu akan memainkan peranan penting terhadap langkah penyelesaian masalah yang akan diambil oleh pekerja yang sekali gus akan mempengaruhi tahap prestasi, pemantapan serta kepuasan kerja. Gothard (2001) menyatakan bahawa, seseorang individu dikategorikan sebagai salah satu dari enam kategori dalam teori Pemilihan Kerjaya Holland sama ada individu tersebut tergolong dalam kategori realistik, intelek, artistik, sosial, daya usaha atau konvensional sebagai penentuan bidang kerjaya yang hendak diceburi. Kategori

tersebut merupakan satu akar umbi terhadap lingkungan bidang kerjaya yang berpaksikan terhadap keterampilan, kemampuan, ekspresi, nilai, peranan serta langkah-langkah penyelesaian masalah yang akan ditonjolkan oleh seseorang individu dalam bidang kerjayanya. Dengan demikian, menerusi teori Pemilihan Kerjaya Holland, berikut merupakan enam kategori individu yang boleh dipadankan dengan bidang kerjaya tertentu iaitu:

#### **i. Realistik**

Kategori realistik merupakan satu bidang pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang teratur dan sistematik terhadap pengendalian objek, peralatan mahupun mesin. Individu dalam kategori realistik lebih cenderung untuk mengekspresikan kemahiran dan kemampuan yang mereka miliki dalam melaksanakan tugas. Sebagai contoh, kerjaya yang dipilih oleh individu realistik adalah seperti kemahiran mekanik, juruteknik atau tukang kayu.

#### **ii. Intelek**

Kategori intelek lebih cenderung kepada penyelidikan atau kajian pemerhatian yang radikal dan berorientasikan kepada tugas ke atas fenomena-fenomena sains seperti fizik, biologi dan kultural. Kategori ini lebih sesuai dengan pekerjaan yang memerlukan pemikiran seperti ahli kimia, doktor dan pekerja elektronik.

#### **iii. Artistik**

Kategori artistik memerlukan imaginasi yang tinggi terhadap nilai-nilai seni sama ada dalam bidang muzik, lukisan, drama atau penulisan. Individu kategori artistik memiliki personaliti yang emosional, ekspresif, idealistik

dan bebas. Kategori ini lebih cenderung ke arah bidang kerjaya sebagai pelukis, pereka bentuk, penyunting atau guru muzik.

#### **iv. Sosial**

Individu dalam kategori sosial lebih cenderung untuk memilih bidang kerjaya yang melibatkan interaksi sosial seperti memanipulasi, melatih, mendidik dan menyampaikan ucapan kepada khalayak. Individu sosial memiliki personaliti yang mampu untuk mempengaruhi orang lain. Kategori ini mencakupi bidang kerjaya seperti pendidik, ahli psikologi, pegawai kebajikan, kaunselor atau kerjaya dalam bidang perkhidmatan sosial.

#### **v. Daya Usaha**

Kategori daya usaha atau *enterprising* melibatkan aktiviti yang memanipulasikan individu lain seperti mengarah dan memimpin untuk tujuan mencapai matlamat organisasi serta keuntungan ekonomi di samping menghindari aktiviti-aktiviti seperti pemerhatian, sistematik dan simbolik. Individu *entreprising* mempunyai ciri-ciri seperti bercita-cita tinggi, agresif dan yakin diri. Bidang kerjaya yang merangkumi kategori daya usaha adalah seperti ahli politik, pengurus, eksekutif dan ahli perniagaan.

#### **vi. Konvensional**


Kategori konvensional memiliki minat, kecekapan dan persepsi diri yang lebih peka, berhati-hati, teliti serta praktikal dalam melaksanakan kerjaya yang diceburi. Individu yang dikategorikan sebagai individu konvensional kurang gemar terhadap bidang kerjaya atau aktiviti yang tidak pasti, bebas

dan tidak sistematis. Bidang kerjaya yang mencakupi kategori konvensional termasuklah perbankan, setiausaha atau pengurus.

Teori Pemilihan Kerjaya Holland mengelaskan kategori-kategori keperibadian yang mempengaruhi pilihan bidang kerjaya yang bersesuaian dengan aspek personaliti, cara hidup dan persekitaran. Teori ini berfungsi sebagai panduan untuk membuat keputusan pemilihan kerjaya serta menjadi rujukan kepada para guru bimbingan atau kaunselor untuk membimbing pelajar dalam membuat pemilihan dan keputusan bidang kerjaya yang akan diceburi. Teori ini akan diaplikasikan sepanjang pengkajian yang akan menilai terhadap bidang kerjaya sastera melalui persepsi majikan dan soal selidik terhadap pelajar aliran sastera tentang bidang kerjaya yang sesuai untuk diceburi selaras dengan bidang dan personaliti seperti yang dinyatakan dalam teori.

### 3.5 Kerangka Teoritikal

Kerangka teoritikal dapat memberi gambaran keseluruhan dan kaedah untuk mencapai objektif kajian yang telah dirancang.



Rajah 3.2: Kerangka Teoritikal Kajian

### 3.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, metodologi kajian memainkan peranan penting dalam memastikan hasil kajian yang berkualiti dan relevan. Hal ini demikian, setiap hasil dapatan kajian yang berkualiti diperoleh berdasarkan kaedah kajian yang sistematik serta mempunyai struktur kajian yang jelas dan tersusun. Kaedah kajian juga mampu mengumpul data sekali gus mencipta hujah dan fakta yang tulen, sah dan bernas. Sumber data yang diperoleh oleh pengkaji telah disaring dan dikenal pasti kesahihan melalui reka bentuk kajian yang terdiri daripada kaedah kualitatif yang menetengahkan kaedah temu bual sebagai sumber data primer dalam kajian. Selain itu, kajian ini turut menumpukan terhadap kaedah kepustakaan dan sumber melalui laman sesawang untuk memperoleh data kajian sekunder yang kemudiannya dianalisis melalui analisis data dalam kaedah kajian. Sehubungan dengan itu, metodologi kajian ini juga menetengahkan tentang pengaplikasian serta fungsi teori Pemilihan Kerjaya Holland untuk mengenal pasti dan menganalisis persepsi majikan terhadap pendidikan dan bidang kerjaya sastera pada masa kini. Dengan demikian, metodologi kajian merupakan asas utama dalam pelaksanaan kajian bagi memastikan kelancaran sepanjang proses menganalisis data untuk memperoleh hasil kajian yang berkualiti dengan hujah-hujah yang relevan sekali gus mencapai objektif kajian.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**


Kehidupan manusia masa kini dilihat amat bergantung terhadap penggunaan teknologi yang sekali gus menjadi cabaran globalisasi kepada semua aspek yang sentiasa melalui fasa perkembangan. Cabaran globalisasi atau cabaran modenisasi ini merangkumi kepada perubahan dalam semua unsur yang melibatkan teknologi atau lebih dikenali sebagai Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Menerusi perubahan teknologi semasa, tidak ketinggalan akan perubahan dalam aspek pendidikan khususnya pendidikan sastera yang menyentuh terhadap perubahan dalam proses pengendalian maklumat atau informasi sama ada dalam bentuk teks, imej, video mahupun audio (Najihuddin, 2022).

#### **4.2 Kerangka Analisis**

Seperti yang ditunjukkan menerusi kerangka analisis kajian dalam rajah 4.1 membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang diperoleh hasil daripada temu bual bagi menjawab objektif pertama dan objektif kedua. Dapatan kajian diperoleh daripada kaedah kualitatif melalui temu bual yang diaplikasikan bagi menjawab objektif pertama iaitu mengenal pasti perkembangan pendidikan sastera dan perkaitan bidang kerjaya di Malaysia sekitar tahun 2010 sehingga tahun 2020 dan objektif kedua iaitu menganalisis pandangan majikan terpilih terhadap graduan sastera. Tambahan lagi, kedua-dua objektif ini turut disokong oleh analisis data daripada data




sekunder yang diperoleh melalui tesis, jurnal, buku rujukan dan laman sesawang yang berkaitan dengan kajian. Di samping itu, bab ini juga membincangkan perkaitan di antara kajian dengan Teori Pemilihan Kerjaya Holland yang diasaskan oleh Holland (1973). Teori ini menekankan tentang aspek personaliti, minat vokasional serta beberapa aspek yang berkaitan dalam pemilihan bidang kerjaya oleh graduan untuk mencapai hubungan di antara objektif kajian dan aspek-aspek di dalam teori.



Rajah 4.1: Kerangka Analisis


Rajah 4.1 menerangkan tentang kerangka analisis dalam kajian ini yang merangkumi proses ringkas sepanjang menjalankan analisis kajian dalam bab 4 bagi menjawab dan mencapai objektif kajian. Pengkaji mendapatkan data primer iaitu data temu bual yang dijalankan terhadap lima orang informan yang terdiri daripada

majikan terpilih di Sabah. Hasil data temu bual tersebut akan ditranskrip ke dalam bentuk teks untuk dianalisis, dibaca berkali-kali dan difahami oleh pengkaji. Menerusi pemahaman yang diperoleh, pengkaji menciptakan kod-kod kata kunci daripada hasil data temu bual. Daripada senarai kod-kod ini, pengkaji mengasingkan kod-kod yang sama atau sebaliknya untuk membangunkan tema yang kemudiannya dianalisis dengan hujahan daripada sumber data sekunder yang terdiri daripada kajian-kajian lepas, tesis, jurnal dan artikel yang berkaitan. Kajian ini juga mengaplikasikan Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) yang menyokong hujah-hujah dan fakta dalam analisis kajian.



Rajah 4.2: Analisis Tematik

#### 4.4 Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973)



Rajah 4.3: Pengaplikasian Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973)

Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) dipelopori oleh Holland yang memfokuskan kepada personaliti seseorang dalam pemilihan bidang kerjaya yang dipengaruhi oleh beberapa faktor kecenderungan individu. Teori Pemilihan Kerjaya Holland mengkategorikan individu kepada enam kategori. Walau bagaimanapun, pengkaji mengaplikasikan empat daripada enam kategori dalam teori tersebut untuk diaplikasikan dalam kajian analisis. Antara kategori tersebut adalah kategori artistik, sosial, daya usaha dan konvensional. Kategori-kategori dalam teori ini dipilih

berdasarkan pengamatan dan perkaitan yang dibuat oleh pengkaji untuk menyesuaikan teori dan analisis dapatan kajian sekali gus mencapai objektif kajian.

#### **4.5 Analisis Dapatan Temu Bual**

Analisis data menerusi kaedah kualitatif iaitu kaedah temu bual diperoleh daripada lima orang informan yang terdiri daripada beberapa orang majikan terpilih iaitu guru besar, penulis buku, pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta dua orang pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Sabah seperti keterangan pada jadual 4.2. Analisis temu bual dilaksanakan untuk menjawab objektif pertama iaitu mengenal pasti perkembangan pendidikan sastera dan perkaitan bidang kerjaya di Sabah sekitar tahun 2010 sehingga tahun 2020 dan objektif kedua iaitu menganalisis pandangan majikan terpilih terhadap graduan sastera. Hasil temu bual yang dijalankan dialihkan kepada transkrip dan dipecahkan mengikut tema-tema menerusi analisis tematik seperti keterangan pada rajah 4.2 yang kemudiannya dianalisis mengikut pecahan tema dan dihuraikan dengan kesinambungan Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) seperti keterangan pada rajah 4.3. Walau bagaimanapun, analisis temu bual bagi objektif pertama kurang mendapat kerjasama daripada informan 2 kerana kurang kepakaran untuk memberikan maklumat bagi menjawab soalan temu bual. Dengan demikian, kajian dianalisis menerusi tema-tema yang dibentuk dengan sokongan daripada lima orang informan, teori dan data sekunder iaitu kajian-kajian lepas bagi mencapai kedua-dua objektif kajian.

Jadual 4.1 Senarai Informan Kajian

Bil	Kod dan Huraian	Peranan
1.	Informan 1 (I1)	Guru Besar Sekolah
2.	Informan 2 (I2)	Penulis Buku
3.	Informan 3 (I3)	Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah
4.	Informan 4 (I4)	Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah
5.	Informan 5 (I5)	Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

#### **4.5.1 Memanfaatkan Perkembangan Teknologi dalam Bidang Pendidikan dan Kerjaya**

Perkembangan teknologi masa kini atau lebih dikenali sebagai Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) merupakan satu perubahan yang sering melalui proses evolusi seiring dengan peredaran masa yang memberi impak secara positif mahupun negatif secara keseluruhannya terhadap kehidupan manusia (Sanmorino, 2018). Dengan demikian, perkembangan teknologi ini dikategorikan sebagai satu cabaran juga peluang yang boleh dimanfaatkan terhadap bidang pendidikan sastera yang dilihat sebagai sebuah bidang yang unik dengan penggunaan gaya bahasa klasik serta warisan daripada nenek moyang yang kaya dengan nilai-nilai moral juga hiburan. Menurut Shahnnon Ahmad (1991), pendidikan sastera bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan semata-mata malah ianya kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi dan mampu untuk memanusiaikan manusia melalui pembentukan pemikiran dan sahsiah yang terkandung di dalam seni sastera itu sendiri. Ketamadunan bangsa yang dibina melalui pendidikan sastera yang diterapkan dalam kalangan masyarakat boleh menyumbang ke arah

pembinaan budaya yang besar. Hal ini demikian, pendidikan sastra mengetengahkan nilai-nilai murni, wawasan yang jelas dengan gambaran terhadap kehalusan kesenimanannya yang diadunkan melalui pandangan alam dan corak masyarakat sekali gus menjadi cerminan serta ikutan kepada pemikiran seseorang insan. Sebagai contoh, karya sastra mampu mengeluarkan pemikiran, pergolakan jiwa dan emosi yang seiring dengan pembaca seolah-olah mereka difahami oleh penulisannya tersebut melalui penggunaan gaya bahasa sastranya.

Dalam konteks ini, pendidikan sastra bukan sahaja berperanan dalam pembentukan nilai-nilai akhlak masyarakat ataupun sebagai medium untuk menyampaikan sesuatu mesej secara halus dan tidak langsung, malah pendidikan sastra mampu menjadi pengantar penting dalam proses seseorang individu memperoleh nilai-nilai insaniah yang akan diaplikasikan dalam kehidupan sehariannya (Jeneri Amir, 1988). Dengan demikian, pendidikan di Malaysia mementingkan perkembangan sahsiah pelajar dan masyarakat secara keseluruhannya untuk mencapai sebuah negara bangsa yang berakhlak, maju dan moden dalam perkembangan modenisasi semasa. Justeru, untuk melahirkan insan-insan yang berpotensi secara menyeluruh dan mencapai matlamat negara, pendidikan negara bertanggungjawab untuk mewujudkan keharmonian dan kemakmuran tersebut dengan merangka strategi yang berkesan khususnya melalui pendidikan sastra. Menerusi analisis tematik pada rajah 4.1 yang menunjukkan tema pemanfaatan perkembangan teknologi dalam bidang pendidikan sastra dan kerjaya. Tema ini menjelaskan tentang kepesatan dan perubahan dunia semasa yang sekali gus memberi impak terhadap isu pengangguran dalam kalangan graduan sastra khususnya. Walau bagaimanapun,

isu pengangguran ini mampu diatasi melalui beberapa langkah yang dicadangkan oleh informan yang secara tidak langsung menjadikan perkembangan teknologi tersebut menjadi suatu yang bermanfaat kepada individu, masyarakat, negara dan graduan universiti khususnya yang akan menceburkan diri dalam bidang kerjaya pada masa akan datang. Perkara ini dinyatakan oleh informan 5 yang menyatakan bahawa:

*“Untuk memanfaatkan perkembangan teknologi, tentu sahaja kita perlu ada ilmu tentang teknologi berkenaan. Dengan adanya ilmu pengetahuan berkenaan, barulah kita dapat mengasimilasi bidang sastera ke dalam teknologi tersebut. Saya melihat kerjaya dalam bidang sastera sama “cerah” dengan bidang-bidang lain. Kemajuan teknologi kini mengubah 360 darjah profesion atau dunia pekerjaan. Jika bijak, gaji yang diperoleh mungkin lebih lumayan berbanding dunia pekerjaan alamiah.”*

(I5, Pengarah DBP)

Perkara ini turut disokong oleh pendapat informan 1 yang menyatakan bahawa:

*“Sastera perlu dicungkil melalui kesedaran. Bagaimana kesedaran ini boleh diajar adalah melalui pendidikan akar umbi dan sastera ini banyak bidang luasnya. Daripada penulisan, kalau kita bersajak atau berpuisi pun, ianya juga sebagai salah satu kandungan sastera. Oleh itu, penyediaan novel atau cerpen juga. Jadi, sebenarnya kalau kita merujuk kepada konteks untuk dikolerasikan dengan pekerjaan, bila banyak penulis-penulis yang lahir melalui kesedaran ini, dia sebenarnya menjadi satu pulangan, jadi satu peluang pekerjaan”*

(I1, Guru Besar)

*“Bagaimana pula penulisan itu dikomersialkan supaya ada pulangan. Jadi, dari sini kita sebenarnya dapat menilai contohnya, kalau masyarakat di Sabah tidak dapat melihat pulangan sastera itu dalam bentuk duit. Sedangkan dia ada royalti.”*

(I1, Guru Besar)



Informan 1 menyatakan bahawa, bidang sastera merupakan satu bidang yang luas dari aspek peluang pekerjaan. Malah, peluang pekerjaan tersebut boleh dicipta oleh graduan melalui penulisan yang secara tidak langsung menjadi satu pulangan kepada graduan atau penulis. Menurut Mokhtar Abu Hassan (2007), penulisan merupakan salah satu aspek dalam bidang sastera yang menawarkan peluang kerjaya yang luas kepada graduan. Menerusi penulisan, graduan bukan sahaja mampu mengasah bakat, membentuk minat, atau menjadi sumber kerjaya sama ada tetap ataupun sambilan kepada graduan. Malah, menerusi penulisan, graduan mampu meraih pendapatan sekali gus mencipta peluang kerjaya serta mengatasi isu pengangguran. Sebagai contoh, terdapat beberapa orang belia atau graduan yang berjaya dalam bidang penulisan sekali gus meraih pendapatan dan peluang kerjaya seperti penulis Anis Mahyuni atau nama sebenarnya Latifah Mohd Yusof yang merupakan seorang guru dan penulis (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2007). Selain itu, penulisan novel *Lagenda Budak Setan 1* dan *Lagenda Budak Setan 2* hasil karya Ahadiat Akasyah telah berjaya terjual sebanyak 160 000 unit jelas membuktikan bahawa penulisan adalah peluang kepada setiap individu khususnya graduan sastera untuk mencipta kerjaya sekali gus mengatasi isu pengangguran dalam memanfaatkan perkembangan teknologi. Tambahan lagi, informan 1 turut menegaskan bahawa:

*“Begitulah kita galakkan penglibatan mereka dan dalam konteks untuk mendapatkan ‘bagaimana untuk menulis’, di sebalik itu ada pulangan wang. Jadi, kita galakkan supaya kita punya warga ini terlibat dalam penulisan-penulisan ringkas untuk mereka mendapatkan pulangan dalam bentuk royalti.”*

(I1, Guru Besar)

Menerusi informan 1 dapat diklasifikasikan bahawa, penulisan dalam kalangan graduan khususnya perlu untuk diberi galakan menerusi bengkel ataupun inisiatif yang mampu melahirkan graduan yang bekerjaya. Menurut Siti Khairiah Mohd Zubir (2012), terdapat segelintir graduan dalam bidang pendidikan sastera yang meraih keputusan yang baik namun sukar untuk mendapatkan peluang pekerjaan apabila tamat tempoh pengajian. Hal ini disebabkan oleh sukatan pembelajaran bidang sastera yang kurang menerapkan elemen yang boleh memberikan peluang dalam bidang ekonomi mahupun kerjaya. Dengan demikian, graduan yang mempunyai kelulusan dalam bidang sastera digalakkan untuk menceburkan diri dalam bidang penulisan yang diadakan menerusi bengkel penulisan. Melalui bengkel-bengkel ini, graduan mampu menghasilkan sebuah karya dari pelbagai genre sama ada sebagai wadah penyampaian ilmiah, ilmu keagamaan atau sebagai wadah ekspresi yang menonjolkan zaman kini sekali gus memberikan pulangan atau royalti kepada penulis dan mengatasi isu pengangguran dalam kalangan graduan dalam bidang sastera.

Selain itu, menerusi analisis tematik turut berkesinambungan dengan strategi-strategi yang perlu digerakkan untuk mengangkat bidang sastera sekali gus memberi peluang kerjaya kepada graduan waima dalam perkembangan teknologi semasa. Perkembangan teknologi dalam bidang sastera dan kerjaya merangkumi pelbagai konotasi peningkatan sama ada dari aspek pembangunan, perubahan, penyesuaian baharu mahupun persediaan yang perlu digarap untuk memastikan bidang sastera dan kerjaya masih mendapat tempat seiring dengan bidang-bidang yang lain (Siti Khairiah Mohd Zubir, 2012). Dengan demikian,

strategi untuk mengangkat bidang sastera sedikit sebanyak telah dilaksanakan sama ada di peringkat sekolah menengah mahupun pada peringkat pengajian tinggi oleh pihak-pihak tertentu untuk memastikan bidang sastera berkembang seiring dengan perkembangan teknologi seperti yang dinyatakan oleh informan 5 yang menyatakan bahawa:

*“Pendidikan era IR4.0 memanfaatkan teknologi digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Peranti dan perisian ICT berjaya mendorong pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dengan hanya mengakses bahan secara dalam talian. Inilah “peluang” yang saya sebut tadi. “Peluang” ini perlu diambil oleh para pendidik untuk “memasarkan” bidang sastera. Pada era ini, sastera tidak lagi relevan disampaikan secara tradisional atau alamiah.”*

(I5, Pengarah DBP)

Pernyataan ini turut disokong oleh pandangan daripada informan3 dan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Kita melihat inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah, apabila sastera itu sendiri, kalau dulu subjek sastera ini dipanggil Kesusasteraan Melayu, tapi dalam tempoh ini, sastera Melayu ini diinovasikan supaya relevan dengan keadaan, KPM telah memperkenalkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK). Jadi, maknanya, dalam KMK itu, sastera itu sendiri dijadikan sebahagian kepada proses komunikasi anak-anak kita di sekolah”*

(I3, Pegawai PPD 1)

*“Inisiatif penggiat sastera sama ada dalam NGO kumpulan sastera macam badan bahasa dan sastera. Mereka ini terus-terusan, tidak terhenti begitu sahaja. Selain daripada mengadakan kolokium, seminar ataupun bedah karya dan seumpamanya, memang berterusan melakukan inisiatif itu. Misalnya, yang baru saya terlibat dalam Persidangan Seminar Sastera Peringkat Antarabangsa. Jadi, ini adalah usaha, inisiatif dalam bidang sastera. Malah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai badan yang diberikan autoriti ataupun diberikan mandat untuk menguruskannya,*

*pelaksanaan kegiatan sastra ini subur ataupun memberi penekanan terhadap inisiatif-inisiatif itu.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

Menerusi temu bual tersebut, pihak kerajaan khususnya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah untuk memastikan bidang sastra seiring dengan perkembangan teknologi dengan memanfaatkan perkembangan modenisasi semasa melalui pembaharuan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah menengah. Hal ini demikian, selaras dengan perkembangan teknologi, pihak kerajaan dan tenaga pengajar perlu untuk memastikan PdP untuk Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) dilaksanakan bersesuaian dengan perubahan teknologi semasa. KMK adalah satu cabang bidang sastra yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu, Apresiasi Sastra, Pembangunan Insan dan Pengkaryaan (Masturah Abdul Razak et al., 2021). Tambahan lagi, aktiviti PdP atau kelas kuliah perlu menggunakan kaedah dan pendekatan yang baharu atau memanfaatkan aplikasi-aplikasi media dan teknologi sekali gus memberikan penekanan dan pendekatan yang bersesuaian serta mampu menarik minat pelajar (Ghazali Din, 2016). Perkara ini turut disokong oleh informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Bagaimana cara untuk memanfaatkan perkembangan teknologi adalah harus menggunakan platform itu sebagai alternatif kepada medium yang sedia ada seperti buku ataupun media cetak. Pengkarya haru memaparkan atau mengetengahkan idea mereka dalam media sosial. Misalnya, di Facebook, TikTok dan Instagram supaya nanti boleh dicapai oleh pelajar kita. Jadi saya ingat, cabaran modenisasi ini harus di ‘catch-up’ oleh pengkarya menerusi alternatif itulah. Maknanya, pengkarya ini harus mempunyai pengetahuan, keupayaan menggunakan kemudahan, prasarana, media sosial seumpamanya. Apa sahaja yang dekat di hati masyarakat misalnya, di hati anak-anak muda kita, remaja kita, seharusnya pengkarya ambil ruang dan peluang itu.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

Menyedari akan keperluan graduan yang dilihat lebih cenderung ke atas pengaplikasian teknologi moden sama ada dalam rutin harian mahupun pembelajaran khususnya dalam bidang sastera dan kerjaya, maka strategi untuk mengangkat bidang sastera telah digarap dengan memanfaatkan perkembangan teknologi. Menurut Mohamed Amin Embi (2016), pada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) mengorak beberapa langkah dan usaha dengan menggabungkan beberapa kursus yang melibatkan beberapa capaian disiplin ilmu seperti pendidikan, pengurusan, teknologi pengkomputeran dengan mempertimbangkan animasi dan digital. Dengan demikian, pendidikan sastera khususnya maju dan memenuhi keperluan masa hadapan seiring dengan perkembangan teknologi semasa dengan memanfaatkan perkembangan teknologi ini dalam pembelajaran. Hal ini juga membuka ruang dan peluang kerjaya yang memenuhi keperluan industri pada masa akan datang khususnya kepada graduan sastera.

Tambahan lagi, rata-rata IPT di Malaysia telah mengaplikasikan pembelajaran secara teradun (*blended learning*). Kaedah pembelajaran teradun ini adalah pembelajaran secara bersemuka disertai dengan penyampaian kuliah secara atas talian atau melalui *e-learning* atau kaedah pembelajaran secara digital. Hampir 50 peratus penawaran kursus secara atas talian telah diaplikasikan di IPT di Malaysia sekali gus membuktikan bahawa pembelajaran teradun dan mudah alih tersebut menitik beratkan tentang penggunaan teknologi digital dengan memanfaatkan aplikasi pengkomputeran dan teknologi internet seperti *Facebook*, *Instagram* dan *TikTok* yang secara tidak langsung akan menempatkan bidang sastera selari dengan perkembangan teknologi semasa (Norazah et al., 2011).

Dengan menilai terhadap pencapaian graduan khususnya dalam bidang sastera terhadap pengaplikasian teknologi dalam cabaran modenisasi, pembelajaran secara digital membentuk bentangan yang luas, inovatif serta kreatif yang menjadikan pelajar lebih rasa diraikan dengan memanfaatkan perkembangan teknologi masa kini. Kepelbagaian melalui pembelajaran ini mampu menonjolkan kepada masyarakat umum khususnya yang sering beranggapan bahawa bidang sastera adalah satu bidang yang jumud, langka atau purba sifatnya perlahan-lahan akan dikikis daripada pemikiran masyarakat sekali gus menjadikan bidang sastera sebagai bidang yang hidup dan praktis selaras dengan bidang sains tulen ataupun kejuruteraan (Mawar Safei, 2010).

Seterusnya, menerusi rajah analisis tematik di rajah 4.1 menunjukkan perkaitan di antara nasib bidang sastera pada masa akan datang dengan pemanfaatan perkembangan teknologi seperti yang dinyatakan oleh informan 3 dan 5 iaitu:

*“Sastera tetap relevan dalam sepanjang zaman. Baik pada tempoh terdahulu mahupun tempoh yang akan datang. Oleh itu, dalam proses modenisasi negara kita, ataupun proses modenisasi dunia sekalipun, sastera itu sangat diperlukan sebab sastera itu mengandungi dan sarat dengan nilai, adab, budaya, kelembutan apatah lagi kita yang dari sebelah timur ini, negara-negara timur, pantai timur terkenal dengan adab, nilai dan kelembutan itu. Jadi, dalam sastera itulah terkandungnya perkara-perkara tersebut.”*

(I3, Pegawai PPD 1)

*“Isu ini berkait dengan dasar kerajaan. Saya positif tentang IR4.0 dan kepentingan bidang sains dan teknologi dalam pembangunan negara. Jika mahu sastera terus hidup sebagai alat pembangunan sahsiah masyarakat,*

*penggunalah yang perlu bijak dan mengambil inisiatif untuk mengangkat sastera agar terus relevan.”*

(I5, Pengarah DBP)

Bidang sastera adalah relevan sepanjang zaman kerana ianya merangkumi aspek-aspek yang diperlukan oleh manusia untuk membentuk sahsiah dan peribadi yang unggul. Tambahan lagi, pada zaman milenium ini, lonjakan bidang kerjaya sememangnya meningkat sama ada dari bidang sains dan teknologi mahupun bidang sastera. Tenaga kerja yang kaya dengan nilai-nilai sahsiah dan jati diri yang tinggi sememangnya dipupuk melalui pendidikan sastera. Hal ini demikian, matlamat pendidikan negara adalah untuk meningkatkan potensi individu khususnya dalam kalangan graduan sastera yang bakal menceburkan diri dalam dunia kerjaya masa hadapan apatah lagi dengan perkembangan teknologi masa kini yang memungkinkan kurangnya penawaran kerjaya jika dibandingkan dengan graduan dari bidang sains dan teknologi (Ani Omar, 2014). Sinonim dengan kenyataan Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) yang menyatakan bahawa, pendidikan sastera merupakan satu bidang yang penting selaras dengan bidang yang lain bagi memupuk sahsiah seorang pelajar sekali gus menaiktaraf kemajuan negara sama ada dari aspek ekonomi, politik mahupun sosial. Tambahan lagi, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendidikan sastera mampu untuk melahirkan pelajar yang berani untuk menyahut cabaran dengan berbekalkan nilai dan ketatasusilaan dalam perkembangan modenisasi dunia sekali gus membentuk sebuah generasi yang mencintai bidang sastera.

#### 4.5.2 Sastera Pelengkap kepada Era Modenisasi

Modenisasi adalah perkembangan teknologi yang berlaku menerusi fasa-fasa perubahan dari semasa ke semasa sejajar dengan peredaran masa. Bermula daripada era purba kepada era literasi, era pencetakan yang kemudiannya dievolusikan lagi kepada era elektronik yang seterusnya mempengaruhi individu, masyarakat mahupun aspek sosial dan pendidikan keseluruhannya. Menurut Brody (1990) dan Poster (1995), perkembangan teknologi ini bukan sahaja mengubah corak komunikasi manusia malah ianya turut mempengaruhi hampir keseluruhan kehidupan manusia yang bergantung kepada teknologi berasaskan internet dan pengkomputeran serta menyaksikan media baharu atau era media kedua yang mula mengambil tempat seperti kebergantungan bidang pendidikan terhadap teknologi yang secara tidak langsung turut memberi kesan kepada bidang kerjaya.

Tambahan lagi, Hasyuda Abadi (2005) menyatakan bahawa, perkembangan modenisasi dan pengaplikasian internet membawa para pelajar khususnya pada tahap perkembangan baharu sekali gus mencipta satu suasana dan corak yang berbeza dalam penghasilan karya-karya sastera. Hal ini demikian, karya sastera seperti penulisan, puisi mahupun cerpen dapat disalurkan menerusi media baru seperti di aplikasi *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* atau *X* dan *TikTok* yang sememangnya menjadi pilihan utama oleh masyarakat masa kini. Perkara ini memungkinkan situasi para penggiat atau penulis sedia ada dikuasai oleh para penulis baharu yang lebih mahir mengendalikan aplikasi media-media baru namun dalam masa yang sama, pendidikan sastera mampu menyesuaikan perubahan seiring dengan perkembangan modenisasi sekali gus menjadikan



pendidikan sastera lebih bersifat interaktif. Hal ini dinyatakan oleh informan 2 iaitu:

*“Pendidikan sastera ni sebenarnya sangat menarik. Banyak bidangnya kan. Kita lebih kepada sajak, puisi, sebenarnya semua benda-benda tu menarik. Jadi sebenarnya untuk pendidikan sastera pada masa akan datang, in shaa Allah kita mempunyai masa depan yang cerah sebab sekarang ni pun yang kita nampak kan di masukkan dalam mata pelajaran sekolah menengah, di universiti pun ada kan cuma mungkin kita memerlukan langkah-langkah yang drastiklah supaya lagi bersinar bidang sastera ni.”*

(I2, Penulis)

Karya-karya sastera seperti penulisan mahupun puisi boleh dimuat naik melalui media baharu dalam pemanfaatan perkembangan modenisasi dan secara tidak langsung mampu untuk meningkatkan lagi peratus pembaca karya sastera sama ada dalam kalangan masyarakat di Malaysia mahupun di luar batas politik atau geografi pembaca. Hal ini sekali gus menarik minat golongan muda khususnya para pelajar untuk menghasilkan karya-karya sastera tanah air, memanfaatkan perkembangan teknologi semasa, membina daya fikir yang kreatif dengan penuh kebitaraan sekali gus mencipta satu daya saing, strategi dan ketahanan seni sastera sehingga ke peringkat antarabangsa.

Jika dilihat dari sudut yang lain, pendidikan sastera berperanan penting untuk memastikan kebudayaan masyarakat khususnya di Malaysia untuk sentiasa selari dengan kebudayaan Melayu tanpa mengetepikan kebudayaan kaum lain. Menerusi Perlembagaan Negara, bangsa Melayu merupakan bangsa yang utama di Malaysia. Oleh itu, karya-karya sastera perlu untuk mengutamakan kebudayaan dan nilai-nilai insaniah dalam penulisan sekali gus membentuk sebuah bangsa yang bertamadun dan menjadi pelengkap kepada era modenisasi kini termasuklah dalam aspek pembangunan ekonomi, politik, sosial dan

pengaruh globalisasi masa kini turut menjadikan pendidikan sastera menjadi satu tembok yang penting bagi memastikan pembentukan sahsiah masyarakat moden.

Perkara ini disokong oleh pendapat informan 1 yang menyatakan bahawa:

*“Sastera banyak menyumbang kepada tamadun bangsa dan dalam tamadun bangsa itu diceritakan melalui sastera. Kalau kita belajar dulu kan bagaimana Hikayat Hang Tuah, bagaimana sejarah Melayu, bagaimana kisah-kisah Tanah Melayu dulu, kan dikisahkan melalui cerita-cerita sastera. Kalau kita baca Hikayat Hang Tuah bagaimana kerajaan Melayu itu berkembang daripada Melaka sampai pengakhirannya. Jadi, yang itu akhirnya dijadikan sebagai satu kandungan tamadun bangsa Melayu khususnya di Malaysia yang dijadikan bahan pendidikan. Jadi, melalui itu, akhirnya dapat memberi kesedaran kepada anak-anak didik bangsa.”*

(I1, Guru Besar)

Informan 1 menjelaskan bahawa, karya-karya sastera kaya dengan adab dan kesusilaan yang menjadikan pendidikan sastera sebagai sebuah bidang yang perlu diketengahkan terutamanya dalam perkembangan modenisasi. Menerusi Sukatan Pelajaran Kesusasteraan (2003) menjelaskan tentang pendidikan sastera di Malaysia sememangnya mampu untuk mengukuhkan jati diri dalam pembentukan sebuah budaya bangsa. Kenyataan ini diperkuatkan lagi melalui hasil analisis temu bual informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Sangat penting sastera, dia merupakan pelengkap kepada modenisasi itu. Kerana, sastera ini mempunyai kepentingan, mempunyai nilai-nilai tertentu yang berperanan untuk membina sahsiah, membina jati diri pelajar. Sebab, di dalam sastera itu terkandung unsur-unsur, norma-norma, budi masyarakat, pendidikan. Jadi memang penting lah. Dalam pendidikan modenisasi, sebetulnya dia menjadi pelengkap kepada modenisasi itu. Kerana, kalau kita terus-menerus dalam modenisasi itu misalnya, ICT. ICT yang dibangunkan itu, supaya dia lebih menarik harusnya mempunyai elemen-elemen misalnya yang indah. Yang mempunyai nilai estetika, kan? Oleh itu, dia memang menjadi pelengkaplah kepada modenisasi dan pendidikan sastera itu wajar diberi perhatian, diberi penekanan kerana, di dalam pendidikan sastera itu, dia membangunkan emosi, rohani, intelek, kepada pelajar. Emosi dibangunkan menerusi misalnya, karya-karya yang*

*menekankan tentang nilai, akhlak dan budi. Akhirnya, bila ada nilai-nilai yang baik, nilai-nilai murni, akan selaraslah dengan keperluan modenisasi.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

Berdasarkan informan 4, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi iaitu ICT membuka lebih banyak peluang kepada penggiat sastera menerusi bahan-bahan sedia ada yang boleh diakses secara langsung dan pantas dengan memanfaatkan sokongan daripada aplikasi pengkomputeran dan internet. Hal ini demikian, perkembangan bukanlah menjadi satu cabaran yang mengetepikan bidang sastera malah, modenisasi semasa lebih memberi banyak peluang terhadap pengajaran dan pembelajaran sekali gus perkembangan yang berterusan dalam bidang sastera. Pendidikan sastera telah melalui pelbagai evolusi sepanjang perkembangan sains dan teknologi seperti sastera lisan yang diinovasikan kepada sastera penulisan yang kemudiannya terus berkembang seiring dengan kepesatan teknologi menerusi pengaplikasian media massa dan internet tanpa batas yang sekali gus mewujudkan sastera siber (Halimah Mohamed Ali et al., 2014). Malah, aktiviti pengajaran dan pembelajaran di antara guru dan pelajar menjadi lebih mudah dan pantas dengan mengaplikasikan sains dan teknologi terkini seperti pembelajaran secara kolaboratif dengan sokongan sistem Learning Management System sekali gus memberi manfaat dan memupuk rasa minat di dalam diri pelajar khususnya dalam mempelajari bidang sastera (Siti Salwa Atan et al., 2016). Dengan demikian, ledakan teknologi adalah seiring dengan perkembangan dunia pendidikan pada masa kini yang perlu dimanfaatkan dengan bijak melalui pengaplikasian platform sains dan teknologi khususnya dalam penyampaian dan pemupukan bidang sastera dalam diri para pelajar.

Tambahan lagi, kemudahan ICT seperti yang dinyatakan oleh informan 4 merupakan faktor penting yang meneraju perkembangan pendidikan sastera dan begitu juga sebaliknya. Pendidikan sastera dan perkembangan sains dan teknologi saling bergantung antara satu sama lain tambahan lagi dengan kepesatan data serta maklumat yang boleh digapai di hujung jari (Nurul Ulfa et al., 2011). Dalam erti kata lain, pendidikan sastera amat penting dalam perkembangan modenisasi semasa yang akan melahirkan sebuah generasi dalam kalangan pelajar khususnya yang lebih kreatif, inovatif dan berkualiti serta mampu menyesuaikan diri dengan arus globalisasi moden (Najihuddin, 2022). Para pendidik perlu mengambil langkah yang drastik dalam mendalami serta melengkapkan diri dengan kemahiran sains dan teknologi ini agar mampu menjalankan aktiviti PdP dengan lebih mudah untuk pelajar.

#### **4.5.3 Tawaran Kerjaya dalam Bidang Pendidikan Sastera**

Kerjaya merupakan satu perkara penting yang akan difikirkan oleh semua individu pada masa hadapan mereka. Pemilihan kerjaya adalah satu proses yang berterusan bermula daripada persepsi kanak-kanak, fasa remaja sehinggalah ke alam dewasa (Tolbert, 1974). Dengan demikian, aspirasi, pendidikan serta minat yang tinggi menjadi faktor terpenting dalam mempengaruhi kecenderungan seseorang individu terhadap bidang kerjaya yang diinginkan. Menurut Norfadhilah Nasharudin et al., (2010), Malaysia sedang mencuba untuk mengubah masyarakat daripada bergantung kepada kerajaan kepada masyarakat yang kreatif dalam mencipta kerjaya sendiri. Dari erti kata lain, setiap individu tidak terikat dengan satu skop kerjaya, malah mampu untuk membina kerjaya sendiri sekiranya gagal mendapat penawaran kerjaya selepas tamat pengajian.

Menerusi analisis tematik pada rajah 4.1, tawaran kerjaya dalam bidang pendidikan sastera saling berhubungkait dengan isu pengangguran dalam kalangan graduan sastera. Hal ini demikian, masyarakat dimomokkan dengan isu kesukaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan selepas tamat pengajian khususnya kepada graduan dalam bidang sastera. Kajian yang dilakukan oleh Rohana (2001) terhadap semua fakulti di Universiti Malaya (UM) mendapati, graduan daripada Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS) menunjukkan tahap pengangguran yang paling tinggi iaitu 30 peratus berbanding fakulti-fakulti lain yang berteraskan sains dan teknologi. Kajian tersebut mendapati sebanyak 49 peratus siswazah Sarjana Muda Sastera telah bekerja iaitu 38 peratus daripada mereka bekerja di sektor swasta, 26 peratus bekerja secara tetap dan 14 peratus lagi bekerja secara sementara. Isu pengangguran ini bukanlah suatu isu yang baharu dalam kalangan graduan malah peningkatan pelajar yang dalam institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang semakin meningkat telah mempengaruhi peningkatan persaingan di antara graduan dalam mendapatkan pekerjaan dalam pasaran (Noorah Yusof et al., 2013). Walau bagaimanapun, graduan dari bidang sastera khususnya perlu kreatif untuk mencipta peluang pekerjaan sendiri untuk meluaskan lagi bidang sastera sekali gus mengatasi isu pengangguran dalam kalangan graduan seperti yang dinyatakan oleh informan 1 iaitu:

*“Macam mana orang sastera ini mendapatkan pekerjaan, seperti yang saya katakan tadi, kena ada variasi-variasi sastera itu yang boleh dicampur dengan teknologi dan akhirnya dia terkenal dan dia boleh mendominasi ruang-ruang pekerjaan. Sastera itu sepatutnya dia hidup dalam apa-apa sahaja pekerjaan. Contohnya, kalau dia tu dalam industri pelancongan, bagaimana sastera itu boleh hidup adalah dengan mengadakan sesi teater 30 minit kepada pelancong-pelancong. Mengadakan tulisan-tulisan puisi di dinding-dinding, penyediaan buku-buku, penceritaan untuk pelancong.”*

(I1, Guru Besar)

Informan 1 menyatakan bahawa penggiat sastera perlu kreatif untuk mencipta peluang pekerjaan yang mampu memberikan manfaat kepada individu, masyarakat mahupun negara seperti mengambil peluang untuk mengadakan aktiviti-aktiviti kesusasteraan kepada para pelancong asing sekali gus memartabatkan bidang bahasa dan sastera di Malaysia. Menurut Mohd Fadil Mohd Yusof (2010), industri pelancongan merupakan salah satu industri yang terpenting yang menyumbangkan pendapatan tukaran asing kedua terbesar di negara di samping menyediakan banyak peluang pekerjaan di dalam sektor-sektor perhotelan dan perkhidmatan penyediaan makanan. Dengan demikian, peningkatan pelancong asing yang berkunjung di negara kita sememangnya agak meningkat dari tahun ke tahun (*World Travel and Tourism Council*, 2010). kerajaan turut mengiktiraf sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi negara dan berhasrat untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai salah satu industri yang terpenting kepada pembangunan ekonomi negara.

Justeru, seperti yang dinyatakan oleh informan 1, graduan ataupun penggiat sastera perlu mengambil peluang ini untuk mencipta satu kerjaya dalam bidang sastera seperti mengadakan persembahan teater kepada pelancong yang berkunjung. Hal ini sekali gus turut meluaskan seni sastera dan bahasa Melayu kepada pelancong asing. Merujuk kepada data Kadar Caj Perkhidmatan Kumpulan Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), jumlah caj bayaran untuk persembahan teater adalah sebanyak RM2,600 sekali persembahan. Dengan demikian, graduan khususnya dari bidang

sastera perlu untuk mengambil peluang pekerjaan atau mencipta peluang pekerjaan sekali gus memartabatkan lagi bidang sastera dan berdiri setanding dengan bidang sains dan teknologi. Perkara ini turut disokong oleh informan 3 yang menyatakan bahawa:

*“Seperti yang saya katakan tadi, untuk keperluan industri di Malaysia ini bila kita sebut industri dengan sastera itu agak jauh, bidang itu agak berasingan, tapi sebenarnya tidak seperti itu sebab dalam sastera itu sendiri, seperti yang saya katakan tadi dia sarat dengan nilai, dengan disiplin, jadi, keperluan untuk itu, industri itu sangat perlu sebab industri itu sendiri ada organisasi, ada sumber manusia yang menggerakkan industri itu. Jadi, bila ada manusia, di mana ada sumber manusia, sudah tentu sastera itu berada bersama. Jadi, saya melihat KPM tetap tidak meninggalkan ataupun tetap menerapkan nilai-nilai sastera itu dalam teknologi, untuk keperluan industri di negara kita.”*

(I3, Pegawai PPD 1)

Menurut Norhaslina et al., (2005), persaingan di antara graduan institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada dari sektor awam mahupun swasta adalah tinggi dengan menilai terhadap kecekapan, keupayaan dan kemahiran graduan yang perlu diterapkan dalam dunia kerjaya. Faktor pendidikan yang berkualiti turut menyumbang terhadap peluang kerjaya kepada graduan yang sekali gus mencipta seorang tenaga buruh yang cemerlang untuk membangunkan generasi alaf baharu. Justeru, informan 3 menyatakan bahawa, graduan sastera adalah graduan yang mempunyai nilai-nilai moral dan disiplin yang telah diterapkan melalui pendidikan sastera. Tambahan lagi, dalam pergolakan ruang-ruang kerjaya yang telah dipenuhi, graduan sastera perlu untuk bersaing dengan lebih drastik untuk menempatkan diri dalam dunia kerjaya dengan mempraktikkan nilai-nilai sastera di dalam diri sebagai seorang bekerjaya walaupun mungkin telah bekerja luar daripada bidang sastera.

Seterusnya, menerusi analisis tematik pada rajah 4.1 menunjukkan hubungan di antara tawaran kerjaya dan minat pelajar terhadap bidang sastera. Minat terhadap sesuatu bidang atau mata pelajaran perlu dipupuk sejak di bangku sekolah menerusi pelbagai aktiviti. Sebagai contoh, pembacaan teks-teks sastera dalam kalangan pelajar di sekolah menengah diterapkan menerusi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) (Sylvester Jua et al., 2023). Menerusi penerapan minat terhadap bidang sastera dalam kalangan pelajar mampu untuk meningkatkan peluang pekerjaan yang selaras dengan bidang ataupun graduan sendiri yang mencipta peluang kerjaya dengan mengekalkan dirinya dalam lingkungan bidang sastera. Hal ini sekali gus akan mengekalkan dan meluaskan lagi bidang sastera kepada masyarakat dan negara. Tambahan lagi, dengan kewujudan isu bidang sastera yang semakin tenggelam dek kepesatan teknologi masa kini, penggiat-penggiat atau graduan sastera perlu berusaha untuk menghidupkan kembali bidang ini agar tidak lapuk di telan zaman (Mawar Safei, 2010). Hal ini disokong oleh informan 2 yang menyatakan bahawa:

*“Pihak kerajaan sendiri yang penting untuk memainkan peranan dalam mempengaruhi pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang sastera ini antaranya dengan menawarkan banyak kursus pengajian yang menjurus ke arah bidang sastera. Dan, satu lagi, yang dapat saya tambah di sini ialah peranan pihak NGO seperti syarikat penerbitan yang menerbitkan lebih banyak karya-karya sastera agar lebih mudah didapati dan memberi galakan kepada para penulis-penulis yang baru menceburi bidang penulisan serta melindungi hasil karya mereka.”*

(I2, Penulis)

Menerusi informan 2 boleh dihuraikan bahawa, perubahan dalam peringkat sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi melibatkan perubahan masifikasi



dan pendemokrasian. Perubahan ini telah menjadikan pendidikan sebagai satu komoditi berdasarkan mobiliti pelajar dan ahli akademik yang sekali gus mendesak pihak-pihak yang terlibat seperti Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, PSPTN, Fasa 2, 2011-2015 untuk menyediakan program atau kursus yang relevan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Hal ini turut mempengaruhi minat pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang tertentu sekali gus mampu menempatkan graduan dalam dunia kerjaya yang cerah pada masa hadapan.

Tambahan lagi, Dasar Pendidikan Negara telah mengambil langkah yang progresif dalam memastikan bidang sastera berada dalam kelas yang sama dengan bidang sains dan teknologi. Menerusi akhbar *Wawancara Sofa Putih ITBM* (2013), Abu Hassan Morad yang merupakan seorang novelis menyatakan bahawa, terdapat pelbagai agensi yang bertanggungjawab untuk memartabatkan bidang sastera selain daripada pihak kerajaan, namun langkah yang drastik daripada pihak kerajaan adalah langkah yang lebih progresif untuk mempengaruhi agensi-agensi yang lain dalam memartabatkan bidang sastera. Sebagai contoh, dasar kerajaan yang telah memperkenalkan Komponen Sastera Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS) sedikit sebanyak memberi impak terhadap perkembangan sastera Melayu kerana setidak-tidaknya, pelajar sekolah dapat mengenali dan menghayati karya-karya sastera menerusi subjek KOMSAS.

Secara kesinambungannya, Mawar Safei yang merupakan seorang profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyokong pernyataan oleh Abu

Hassan Morad berhubung perkara tersebut. Beliau menyatakan bahawa, untuk memartabatkan bidang sastera, pihak kerajaan perlu menambah baik terhadap kurikulum sastera di peringkat sekolah dan universiti manakala pelajar juga perlu mengambil langkah untuk merancang masa hadapan. Sebagai contoh, pelajar perlu memanfaatkan perkembangan teknologi dengan mendalami bidang produksi animasi untuk memperluaskan lagi bidang sastera dan kerjaya pada masa hadapan. Hal ini demikian, menurut Mawar Safei (2013), produksi animasi yang menerbitkan sastera rakyat memerlukan seseorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang sastera seperti kemahiran penterjemahan yang membolehkan graduan yang berkelulusan sastera berkhidmat sebagai penterjemah sekali gus meningkatkan pasaran kerjaya graduan dan menghidupkan semangat para pelajar yang amat meminati bidang sastera untuk terus mendalami dan mempelajari bidang ini sama ada di peringkat sekolah mahupun pada peringkat pengajian tinggi. Perkara ini turut disokong oleh informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Kecenderungan pelajar itu, minat dia. Minat ini kalau kita di sekolah, kita ada disebut sebagai Ujian Psikometrik. Menerusi ujian itu, kita boleh mengenal pasti pelajar itu cenderung ke mana. Sama ada dia cenderung sastera, cenderung sains. Menerusi ujian psikometrik tadi. Kemudian yang ketiga, menerusi bakat yang ada dalam pelajar itu, minat pelajar itu sendiri. Ini yang kuatlah.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

Berdasarkan informan 4, minat seorang pelajar untuk menceburkan diri dalam suatu bidang atau mata pelajaran boleh dinilai menerusi Ujian Psikometrik. Menurut Gregory (2011), ujian psikometrik berfungsi sebagai kayu ukur terhadap ciri-ciri personaliti atau tingkah laku, kebolehan, kecerdasan, masalah

atau gangguan yang berkaitan dengan sifat manusia. Dalam konteks penilaian terhadap minat pelajar, ujian psikometrik digunakan untuk menilai kecenderungan pelajar terhadap subjek yang akan ditawarkan sekali gus memastikan para pelajar ditempatkan dalam bidang yang diminati sama ada di sekolah menengah mahupun pada peringkat pengajian tinggi. Ujian psikometrik ini turut berfungsi kepada pelajar khususnya pelajar universiti untuk memilih bidang di universiti berdasarkan kecenderungan dan minat serta kebolehan yang ada di dalam diri pelajar (Semah et al., 2008; Madlan et al., 2018). Jika dilihat dari aspek yang berbeza, kesinambungan di antara minat pelajar terhadap suatu bidang yang diceburi di universiti akan memberi impak terhadap peluang-peluang kerjaya masa hadapan. Sebagai contoh, graduan dari bidang sastera akan mencuba mencari peluang pekerjaan yang selaras dengan bidang. Hal ini disokong oleh informan 2 yang menyatakan bahawa:

*“Tawaran kerjaya yang selaras dengan bidang sastera ni sebenarnya luas. Cuma, bila orang sebut sastera, ‘mindset’ kita lebih kepada penulisan, sasterawan. Tapi sebenarnya dia lebih luas. Dia berkaitan dengan bidang penerbitan, televisyen dan filem, kewartawanan, perhubungan awam, undang-undang pun dalam bidang sastera pun boleh dikaitkan, pemasaran dan pendidikan, pengkeranian dan pentadbiran. Contohnya, pegawai tadbir, setiausaha, pegawai sumber manusia, kerani, pengurus logistik, dan banyak lagi.”*

(I2, Penulis)

Informan 3 turut menyokong dengan pernyataan iaitu:

*“Saya ambil satu contoh iaitu bidang perubatan. Begitu juga dengan bidang-bidang lain, bidang perkilangan, industri contohnya. Tidak semuanya memerlukan kemahiran yang pandai bertukang, pandai berkereta, pandai buat ‘air-cond’ dan sebagainya. Tetapi, ada bahagian-bahagian dalam industri dalam organisasi itu yang memerlukan kemahiran sastera, pendekatan manusiawi yang hanya ada pada orang sastera. Jadi, saya kira, untuk tawaran kerjaya ini, untuk sastera ini kalau dapat difahami akar umbi*

*dan yang paling penting kalau difahami oleh pihak atasan, peringkat kementerian kita sebenarnya terbuka luas kepada semua bidang.”*

(I3, Pegawai PPD 1)

Perkara ini turut disokong oleh informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Golongan profesional ini ialah golongan yang mempunyai keupayaan berfikir yang tinggi. Bukan sahaja dia belajar, bila mana dia belajar sastera, dia tahu sastera sahaja, namun dia sudah meluas. Sebab dalam sastera itu sudah diajarkan kandungan tentang misalnya, metafizik, tentang biologi dan seumpunya kan. Jadi, tentang pengurusan, tentang keterampilan di sastera itu ada. Jadi, maknanya, kalau dia ada graduan sastera, kalau dia kompeten, kalau dia keterampilan dirinya, dia sudah menjadi golongan yang profesional, dia bekerja di mana sahaja yang ditempatkan dia boleh.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

Menerusi dapatan kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa, graduan sastera yang bekerja dalam ataupun luar bidang sastera perlu mengaplikasikan nilai-nilai yang telah dipelajari dalam dunia kerjaya. Menurut Siti Khairiah Mohd Zubir (2011), bidang sastera berperanan untuk membina insaniah dan modal insan dalam kehidupan manusia sekali gus melahirkan tenaga kerja yang mampu untuk memimpin dan diharap-harapkan oleh pemimpin negara. Kepesatan teknologi masa kini amat memerlukan insan yang berkaliber, tinggi nilai-nilai moral, empati dan kefahaman terhadap situasi serta kemahiran berkomunikasi dalam kalangan masyarakat. Keperluan terhadap industri kerjaya amat mementingkan nilai-nilai yang terkandung dalam bidang sastera dan telah dibentuk dalam diri setiap individu. Dalam erti kata lain, negara tidak memerlukan seorang tenaga buruh yang bersifat robot semata-mata, tetapi keperluan terhadap individu yang berperikemanusiaan dan berjiwa adalah menjadi keutamaan sekali gus mengekalkan dan meluaskan bidang sastera dalam kepesatan modenisasi. Tambahan lagi, dalam kepesatan teknologi kini yang

memerlukan peningkatan yang drastik terhadap ekonomi, sosial dan politik negara memungkinan graduan sastera terpaksa bekerja luar dari bidang sastera yang telah mereka ceburi, namun nilai-nilai sastera itu mampu diperluaskan dan dipraktikkan di dalam diri sebagai seorang pekerja pada masa akan datang.

#### **4.5.4 Peranan Pihak Berkepentingan Terhadap Bidang Pendidikan Sastera dan Kerjaya**

Berdasarkan analisis tematik pada rajah 4.2 menunjukkan perkaitan di antara tema peranan kerajaan terhadap bidang sastera dan kerjaya dengan beberapa aspek iaitu aspek minat pelajar. Pada analisis ini membincangkan tentang analisis data temu bual dari informan yang menyatakan bahawa minat pelajar terhadap bidang sastera perlu dipupuk sejak awal lagi. Menurut Salmah Ayob et al., (1981), sastera perlu dipupuk dalam diri setiap individu sejak kanak-kanak lagi. Hal ini demikian, sastera kaya dengan pengetahuan moral, estetika, sistem nilai dan kebudayaan yang ditonjolkan dalam kesusasteraan Melayu khususnya melalui sastera kanak-kanak. Dalam erti kata lain, sastera merupakan kesempurnaan dari segala aspek yang bertujuan untuk meminta, mendorong, merangsang serta menggerakkan manusia agar berperikemanusiaan dan bertanggungjawab. Waima dalam perkembangan modenisasi kini, bidang sastera perlu diterapkan dalam diri setiap individu khususnya graduan sekali gus melahirkan seorang insan yang berketerampilan unggul. Dengan demikian, pihak kerajaan perlu mengambil langkah untuk memartabatkan bidang sastera dan memupuk minat di dalam diri masyarakat. Hal ini disokong oleh pernyataan daripada informan 2 yang menyatakan bahawa:

*“Dunia sekarang kita memang tidak boleh menafikan peranan gajet yang lebih mendominasi sehingga menyebabkan pembacaan ni kan kurang diminati. Sedangkan, kalau menjurus ke arah bidang sastera ni, kita lebih berfokus kepada pembacaan terlebih dahulu. Macam yang tadi tu sudah dinyatakan sejak peringkat awal. Jadi, yang dapat saya bagi di sini, adalah peranan pusat sumber sama ada di peringkat sekolah rendah, kita sekarang ni kan di pusat sumber ada banyak kan bahan bacaan di peringkat sekolah rendah, peringkat sekolah menengah, universiti, malahan di kampung-kampung tu ada juga kalau tidak silap saya perpustakaan bergerak kan. Jadi, dengan adanya sumber yang boleh mendekatkan masyarakat terutamanya pelajar ni, ada bahan bacaan, pelbagai yang menarik minat mereka ke arah mendekatkan diri dengan bidang sastera, boleh memupuk minat pelajar itu sendiri agar menceburi bidang sastera.”*

(I2, Penulis)

Menerusi pernyataan informan 2, bidang sastera mampu dipupuk dalam diri setiap individu sedari kecil lagi yang dipraktikkan melalui peranan Pusat Sumber di sekolah yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Hal ini demikian, pemupukan nilai-nilai moral kepada kanak-kanak adalah lebih berkesan jika dibandingkan dengan pendidikan yang baru mula dipraktikkan kepada golongan remaja mahupun dewasa. Perkara ini turut disokong oleh pandangan daripada informan 3 dan informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Untuk minat ini, dia perlu bermula dari awal. Jadi, kita tidak boleh memaksa pelajar itu di pertengahan atau di akhir persekolahannya untuk minat sastera. Jadi, di sini, satu dia faktor semula jadi. Ada manusia yang dia minat bersyair, membaca novel, menulis novel, itu secara semula jadi lah. Tapi persoalannya sekarang untuk memupuk minat ini perlu dari awal. Dari peringkat rendah lagi ke sekolah menengah perlu dipupuk.”*

(I3, Pegawai PPD 1)

*“Selain daripada buku, dia gunakan media sosial, teknologi, dia gunakan akses tertentu, kepada aplikasi-aplikasi tertentu. Ini pun menimbulkan rasa minat dalam kalangan pelajar-pelajar. Pengajaran didik hiburan yang*

*menyeronokkan. Maknanya, kalau dia baca buku, ada muzik dan dia akan lebih tertarik.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

Menurut Nijhar (1984), sastera kanak-kanak merangkumi semua jenis penulisan kreatif, imaginatif yang merangkumi bidang fiksyen dan bukan fiksyen dikhususkan untuk bacaan, hiburan dan penilaian kanak-kanak. Sastera kanak-kanak adalah amat penting diterapkan sejak awal apatah lagi dalam perubahan dan kemajuan hidup manusia moden yang menjadikan sastera kanak-kanak begitu penting terutamanya dalam sistem pendidikan. Seperti yang dinyatakan oleh informan 2, 3 dan 4 yang menegaskan tentang aspek pembacaan mampu untuk memupuk minat dalam kalangan pelajar sekali gus menceburi bidang sastera dan kerjaya masa hadapan, pembacaan sememangnya mempunyai pengaruh yang tidak asing lagi untuk membentuk minat terhadap bidang sastera. Menerusi pembacaan pembentukan terhadap pemikiran, emosi, imaginasi dan keperibadian seorang pembaca terutamanya pembaca kanak-kanak dapat dibentuk yang secara tidak langsung memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak pada tahap-tahap selanjutnya (Atan Long, 1984). Dengan demikian, pengkaji merumuskan bahawa, minat pelajar terhadap bidang sastera adalah perlu dipupuk sejak awal lagi malah, pihak kerajaan perlu cakna dalam memastikan bidang sastera terus berkembang selaras dengan perkembangan modenisasi semasa dengan mengambil inisiatif yang progresif bagi terus memastikan masih wujud golongan-golongan individu khususnya graduan yang meminati dan memperjuangkan bidang sastera.

Seterusnya, berdasarkan analisis tematik pada rajah 4.1 pengkaji mendapati bahawa isu pengangguran dalam kalangan graduan berkesinambungan dengan inisiatif yang perlu diambil oleh pihak kerajaan sama ada untuk memperbaiki sudut kelompangan dalam isu ini mahupun mengambil langkah-langkah yang baharu untuk memastikan graduan berpeluang dalam mengisi ruang kerjaya selepas menamatkan pengajian. Peningkatan terhadap pembangunan modal manusia dalam kalangan pelajar di universiti menunjukkan angka yang positif kerana ia menunjukkan bahawa masyarakat khususnya pelajar di institusi pengajian tinggi masih mendapat peluang terhadap pendidikan tertiar dan seterusnya meningkatkan akumulasi modal insan negara. Namun, kebimbangan terhadap peratus graduan yang menganggur pada masa akan datang turut membimbangkan malah isu terhadap graduan yang tidak disertai dengan peluang pekerjaan akan menimbulkan kebimbangan kepada pelajar seterusnya membuka tanggapan-tanggapan negatif mengenai kegagalan sesebuah pendidikan tersebut kepada negara dalam memastikan modal insan yang dibentuk pada peringkat pengajian tinggi kurang berbaloi (Nooriah Yusof et al., 2013). Hal ini menjadi kebimbangan kepada semua negara yang sedang membangun termasuklah di Malaysia apabila bilangan pelajar pada peringkat universiti menunjukkan kadar peningkatan namun sebaliknya pula yang berlaku kepada bilangan penawaran kerjaya yang secara tidak langsung graduan mula mempersoalkan berkenaan peranan institusi pengajian tinggi, penawaran program di universiti serta peranan pihak kerajaan untuk memastikan graduan bekerja selaras dengan bidang ataupun setidak-tidaknya isu pengangguran bukanlah menjadi buah fikiran graduan selepas tamat pengajian. Hal ini disokong oleh informan 3 yang menyatakan bahawa:



*“Untuk memastikan graduan sastera khususnya berpeluang bekerja selaras dengan bidang, bukan sahaja sastera, bidang sains pun sama, teknologi pun sama, ianya memerlukan satu langkah daripada kerajaan yang lebih drastik, yang lebih sistematik untuk memastikan bahawa, peluang pekerjaan selari dengan apa yang anak-anak kita di universiti sekarang ini. Sekarang ini, universiti memikir dia buat program, dia buat fakulti, macam saya dulu di UKM dia panggil fakulti. Kalau di fakulti, dia macam-macam fakulti ada tetapi fakulti ini tidak difikirkan adakah selari dengan keperluan di luar. Jadi, di situ berlaku kelompangan. Jadi, apa yang berlaku diluar tidak sama dengan apa yang ada di universiti. Apa yang di universiti sediakan, tidak sama dengan keperluan di luar. Jadi, ini memerlukan satu perubahan besar yang melibatkan pengurusan negara ini. Maksudnya, kerajaan perlu menyediakan bidang kerjaya selari dengan bidang apa yang ada di universiti. Sudah sampai masanya untuk menyelaraskan masalah ini. Jadi, maksudnya, universiti kalau dapat menawarkan yang selari dengan apa yang ada di luar. Jadi, pertama ialah, peluang pekerjaan perlu ada dulu barulah sumber manusia disediakan di universiti. Jadi, untuk sastera, kerajaan perlu untuk mewujudkan beberapa pekerjaan yang berkaitan dengan bidang sastera barulah graduan sastera ini tidak menganggur.”*

(I3, Pegawai PPD 1)

Perkara ini turut disokong oleh informan 2 yang menyatakan bahawa:

*“Di sini saya dapat tiga peranan yang boleh memastikan yang graduan sastera ini selaras dengan bidang yang diceburi, yang dipelajari di universiti. Yang pertama sekali, kita tidak boleh menafikan peranan kerajaan. Seperti yang kita sedia maklum, dari peringkat awal, dari peringkat sekolah, kerajaan memang sudah menyediakan pembelajaran yang berkaitan dengan bidang sastera. Jadi, bagi memastikan graduan ni sentiasa mendapat kerja yang berkaitan dengan apa yang dipelajari di universiti, kerajaan ni perlulah mewujudkan silibus ataupun sukatan pelajaran yang kebolehpasaran. Maksudnya, yang dipelajari di universiti tu nanti berguna nanti untuk pekerjaan yang akan dipohon. Itu boleh menjadi pendorong kepada pelajar yang belajar bidang sastera ni berada bekerja di dalam bidang yang berkaitan dengan yang dipelajari di universiti tu. Yang keduanya, peranan universiti juga penting dalam memastikan graduan yang dilahirkan ni berkualiti dan setanding dengan kelulusan masing-masing. Sekiranya mereka mempunyai nilai tambah, maka erm kelebihan untuk mendapatkan jawatan dalam bidang sastera itu lebih tinggi. Seterusnya, sikap graduan itu sendiri, kena ubah sikap sebab kebanyakannya, bukan Cik Haziqah saja, macam saya pun, saya mengharapkan saya dapat kerja dalam bidang yang saya belajar di universiti. Kita tidak boleh terlalu mengharap kerja dengan sektor*

*kerajaan ataupun sektor swasta. Mungkin boleh juga, walaupun peratusannya ni tidaklah sangat membantu menjadikan pelajar ini berada dalam bidang yang dipelajari. Tetapi, boleh dijadikan landasan juga, pelajar boleh mengaplikasikan apa yang dipelajari di universiti untuk dijadikan ilmu. Maksudnya dia boleh jadikan kerjaya sendiri. Contohnya, dia jadi penulis.”*

(I2, Penulis)

Berdasarkan pernyataan daripada informan 2 dan informan 3 boleh dihuraikan bahawa, pihak kerajaan dan pihak institusi pengajian tinggi perlu mengambil langkah yang proaktif dalam memastikan graduan berpeluang untuk ditempatkan dalam ruang-ruang dunia kerjaya. Dalam bidang sastera, pelajar telah diterapkan dengan pengaplikasian sains dan pengkomputeran seperti bidang animasi dan keusahawanan bagi memastikan pelajar mempunyai kemahiran yang pelbagai bagi memenuhi kehendak pasaran kerjaya pada masa akan datang. Pelajar tidak terikat dengan hanya satu program di universiti malah ilmu yang telah diterapkan kepada pelajar perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya. Seperti yang informan 2 nyatakan, pelajar perlu mencipta peluang pekerjaan sendiri tanpa mengharapkan peluang kerjaya yang disediakan dalam pasaran secara keseluruhannya. Hal ini demikian, persaingan di antara graduan dalam memenuhi peluang kerjaya selepas tamat pengajian adalah tinggi. Namun, sesetengah pelajar mungkin berpendirian untuk meneruskan bidang yang telah diceburi pada peringkat pengajian tinggi ke dalam dunia kerjaya yang mereka pilih untuk meneruskan legasi bidang tersebut agar memberi manfaat yang lebih kepada diri mereka sendiri mahupun kepada masyarakat dan negara. Walau bagaimanapun, penciptaan peluang pekerjaan secara peribadi sebagai langkah kedua dalam mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan graduan juga banyak memberikan manfaat kepada graduan. Sebagai contoh, penerapan bidang

sains dan pengkomputeran dalam kalangan pelajar daripada bidang kesusasteraan membantu graduan untuk memperluaskan lagi bidang sastera selari dengan perkembangan teknologi dan internet dengan memanfaatkan bidang tersebut menerusi animasi sastera, penulisan daripada e-book atau e-sastera, pendigitalan sastera, penerbitan karya-karya sastera menerusi platform media sosial dan persembahan karya-karya sastera kepada masyarakat sejagat tanpa batasan masa dan tempat.

Dengan demikian, menerusi perubahan teknologi masa kini, graduan perlu pihak kerajaan mahupun pihak institusi pengajian tinggi dan graduan perlu memanfaatkan dan membudayakan perubahan modenisasi kini bagi memastikan kecemerlangan terhadap bidang pendidikan sastera dan kerjaya dapat dikekalkan serta diperluaskan lagi selari dengan peredaran masa (Norhani Bakri 2008). Graduan khususnya perlu menguasai tentang perkara-perkara yang melibatkan tentang teknologi sekali gus membudayakannya dalam kehidupan bagi memajukan sesebuah bangsa dan negara dengan lebih drastik dan efisien sekali gus menghakis sedikit demi sedikit tentang stigma sesetengah masyarakat yang beranggapan bahawa bidang sastera merupakan bidang yang sukar untuk ditempatkan dalam dunia pekerjaan masa hadapan.

#### **4.5.5 Perubahan dalam Bidang Pendidikan Sastera Menerusi Cabaran**

##### **Modenisasi**

Perkembangan teknologi menjadi batu asas utama dalam rutin kehidupan manusia. Teknologi memainkan peranan dalam perubahan zaman atau lebih

dikenali sebagai Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang dirangkumkan kepada segala unsur teknologi, pengendalian maklumat dan informasi sama ada dalam bentuk teks, audio, video mahupun imej. IR4.0 dipacu oleh tiga aspek teknologi utama iaitu aspek fizikal, digital dan biologikal yang secara tidak langsung memberi gambaran awal terhadap keperluan bidang sastera dalam perkembangan teknologi kurang diperlukan. Tambahan lagi, kecanggihan dan kepesatan teknologi ini mampu mengubah kehidupan manusia menjadi lebih mudah dan pantas dengan memanfaatkan platform sedia ada seperti dalam pengaplikasian bidang pendidikan, kesihatan, perniagaan, pengurusan mahupun keselamatan negara. Manakala, pendidikan di Malaysia mementingkan perkembangan sahsiah pelajar dan masyarakat secara keseluruhannya untuk mencapai sebuah negara bangsa yang berakhlak, maju dan moden sekali gus melahirkan insan-insan yang berpotensi secara menyeluruh dan mencapai matlamat negara, pendidikan negara bertanggungjawab untuk mewujudkan keharmonian dan kemakmuran tersebut dengan merangka strategi yang berkesan khususnya melalui pendidikan sastera.

Dengan demikian, kepesatan teknologi sedikit-sebanyak membantu para pengkaji atau pendidik dalam tugas harian dengan memanfaatkan teknologi digital yang membolehkan manusia mencapai keperluan, ilmu mahupun meningkatkan kemahiran menerusi maklumat yang diperoleh di hujung jari. Walau bagaimanapun, perkembangan modenisasi sedikit sebanyak memberi kesan kepada perkembangan bidang sastera di Malaysia terutamanya dari segi fungsi mental akibat keterikatan manusia kepada teknologi (Ali et al., 2017). Hal ini disokong daripada hasil data temu bual bersama informan 3 yang menyatakan bahawa:

*“Sesungguhnya, sastera agak sedikit terancam apabila berlaku, orang kata, proses modenisasi, lonjakan ataupun peningkatan keperluan dan desakan terhadap keperluan teknologi. Apatah lagi dalam yang kita panggil sebagai Industrial Revolution 4.0 (IR4.0), dia sedikit menenggelamkan kepentingan sastera itu dari sudut keperluan ataupun kehendak bidang kerjaya di luar sana. Tetapi, saya kira itu semua boleh diatasi sekiranya setiap pihak itu tahu kepentingan sastera itu.”*

(I3, Pegawai PPD 1)

Hal ini juga dipersetujui oleh informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Anak-anak muda sekarang ni lebih suka memegang ‘gadget’, kan telefon, ‘android’ dan seumpamanya. Dan ini merupakan cabaran lah, cabaran kepada kita dalam usaha menyemai sikap suka membaca, mencintai buku, mencintai karya-karya ini.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

Menerusi temu bual tersebut, kebergantungan masyarakat khususnya pelajar terhadap media amat tinggi yang menjadikan situasi tersebut sebagai satu cabaran modenisasi dalam perkembangan pendidikan sastera di Malaysia khususnya di Sabah. Walau bagaimanapun, informan 1 berpendapat sebaliknya dan menyatakan bahawa kepesatan modenisasi merupakan satu peluang emas untuk meluaskan lagi bidang sastera di mata masyarakat. informan 1 menyatakan bahawa:

*“Baiklah, kalau cabaran kalau sekarang ni dia, ekonomi lah kan. Sudah tentu peluang pekerjaan dikaitkan dengan kemajuan industri 4.0. Dan bila semua ini menyebabkan sastera itu tenggelam. Tapi, sebenarnya sastera itu perlu dimodenkan seiring dengan teknologi yang ada. Contohnya kan, kalau kita, dari segi ekonomi melibatkan pasaran, menjual makanan contohnya. Makanan seperti McD yang dari luar lah atau kita nak ‘upgrade’ makanan-makanan Malaysia, kita boleh menggunakan sastera, kita boleh menggunakan penceritaan dalam bentuk pantun, kita boleh lakukan dalam bentuk puisi kan? Sajak. Kita boleh jadikan melalui satu cerpen. Contohnya, bagaimana kejayaan seorang usahawan itu daripada menceburi bidang*

*industri makanan dan akhirnya menjadi jutawan. Tapi tidak ada penulisan dibuat pun tentang itu contohnya. Jadi, bila begitu, moden itu, modenisasi itu yang sekarang ini, bila dituliskan dia menjadi satu inspirasi. Dan penulisan itu adalah sastera.”*

(I1, Guru Besar)

Menerusi temu bual bersama informan 1, digambarkan bahawa bidang sastera atau pendidikan sastera mempunyai kedudukan dan peluang yang luas seiring dengan perkembangan teknologi. Namun, segelintir masyarakat kurang melihat peluang dalam pendidikan sastera. Menurut Muhammad Haji Salleh (2000), sastera dari aspek penulisan tentang biografi seseorang ilmunan atau tokoh di Malaysia agak kurang dihasilkan berbanding dengan penghasilan penulisan tentang ‘orang berjaya’ oleh bangsa lain seperti Britain, Jerman, Perancis dan Rusia. Penulisan atau penghasilan karya menerusi bidang sastera bukan sahaja memberikan pulangan kepada penulis, malah proses sepanjang menjalankan penyelidikan tersebut memakan masa dan penggunaan daya fikir untuk membentuk sebuah penulisan ilmiah sekali gus melahirkan sebuah masyarakat khususnya pelajar dari bidang sastera yang kreatif dan inovatif. Perkara ini turut disokong oleh informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Kalau kita melihat anak-anak muda sekarang gemar ber-TikTok kan? Apa salahnya pengkarya juga harus melontarkan karya-karya mereka itu di media sosial.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

Menerusi pernyataan informan 4, perkembangan teknologi telah perlahan-lahan mengubah corak pembelajaran dan penyampaian kepada pelajar. Gaya hidup manusia yang serba canggih dan memasuki fasa gaya hidup baharu menyebabkan manusia sering bergantung kepada penggunaan aplikasi elektronik

dan media teknologi dalam aplikasi-aplikasi alam maya seperti *TikTok*, *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Kecanggihan ini telah melibatkan perubahan besar kepada dunia sama ada dari aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan politik secara keseluruhannya (Dewi Wahyuni, 2020). Dengan demikian, kepesatan teknologi memberikan impak yang positif kepada pelajar dan graduan dalam bidang sastera khususnya dalam mengakses suatu informasi, pengetahuan atau penyampaian maklumat kepada dunia luar dengan memanfaatkan kepelbagaian platform yang dicipta dengan bebas dan efisien. Namun begitu, walaupun penyampaian dalam bidang sastera ini mendominasi rangkaian teknologi moden, terdapat juga cabaran dan isu yang timbul dalam usaha mengangkat bidang sastera selari dengan bidang sains dan teknologi.

Menerusi analisis tematik pada rajah 4.1, stigma masyarakat merupakan salah satu isu yang wajar dikikis secara drastik. Hal ini demikian, kepesatan teknologi ini bukan sahaja menjadi satu peluang kepada penyampaian dan pembelajaran pelajar, namun juga menjadi satu cabaran apabila terdapat sekelompok masyarakat yang berpandangan bahawa bidang sastera pada zaman modenisasi kini kurang relevan jika dibandingkan dengan bidang sains dan teknologi yang banyak membantu dalam pembentukan sebuah negara maju dan membangun (Mawar Safei, 2010). Dengan demikian, perkembangan teknologi dalam bidang pendidikan sastera bukan sahaja menjadi peluang keemasan untuk bidang ini terus berkembang selaras dengan bidang sains dan teknologi malah ia turut menjadi satu cabaran yang besar terhadap generasi muda khususnya para pelajar sama ada di sekolah menengah mahupun pada peringkat pengajian tinggi untuk menceburi bidang sastera.

#### 4.5.6 Stigma Masyarakat Terhadap Bidang Pendidikan Sastera dan Kerjaya

Berdasarkan analisis tematik pada rajah 4.1 menunjukkan tentang stigma masyarakat terhadap bidang pendidikan sastera dan kerjaya yang dibincangkan melalui isu graduan sastera bekerja dalam bidang, kesamarataan bidang sains dan teknologi dengan bidang sastera serta nasib bidang sastera pada masa akan datang. Perkara ini dibincangkan oleh pengkaji secara keseluruhan melalui tema stigma masyarakat ini. Hal ini demikian, persepsi daripada masyarakat dan graduan itu sendiri akan memberi implikasi terhadap penawaran dan kerjaya bidang sastera pada masa akan datang. Menurut Ahmad Khalilul (2023), pendidikan sastera yang ditawarkan pada masa kini adalah selari dengan kemajuan teknologi yang lebih menitikberatkan tentang pengeluaran modal insan yang berpengetahuan, berkaliber serta berpotensi untuk memenuhi peluang kerjaya bertepatan dengan kehendak ekonomi semasa.

Justeru, persoalan tentang peluang kerjaya kepada graduan selepas tamat pengajian telah menjadi stereotaip utama yang telah membentuk persepsi-persepsi negatif daripada kumpulan masyarakat terhadap graduan dalam bidang sastera. Hal ini menjejaskan jumlah pelajar yang mengikuti kursus kesusasteraan pada peringkat pengajian tinggi yang dilihat kian menurun saban tahun akibat keraguan pelajar tentang peluang kerjaya dalam bidang ini pada masa akan datang. Malah terdapat juga mentaliti masyarakat yang memandang rendah terhadap pelajar yang memilih bidang sastera dengan beranggapan bahawa pelajar tersebut adalah pelajar yang lemah dan kelas keterbelakang (Razak Adam, 2013).



Lanjutan daripada itu, bidang sastera pada hari ini setanding dengan bidang lain namun, stigma daripada sekumpulan kecil masyarakat yang telah menimbulkan isu-isu berkenaan pengangguran sekali gus menimbulkan pemikiran negatif kepada graduan. Oleh itu, menerusi perkembangan teknologi kini, selain daripada memanfaatkan pengaplikasian teknologi dalam pembelajaran mahupun kerjaya, pihak kerajaan dan pihak yang terlibat perlu berusaha untuk membersihkan imej negatif terhadap bidang sastera dan kebolehpasaran graduan. Hal ini dipersetujui oleh informan 2 yang menyatakan bahawa:

*“Dan tidak dapat dinafikan masih lagi peranan media masa ni untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya sastera ni boleh dipandang setanding, berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan bidang sains. Sebab, tidak dapat dinafikan kalau kita lihat pandangan masyarakat pun, macam memandang rendah bah bidang sastera ni. Jadi, kalau peranan itu boleh diambil oleh pihak media massa supaya memberi kesedaran kepada masyarakat amnya. Jadi, tidak mustahil pendapat yang selama ini berakar umbi dalam pemikiran masyarakat itu bahawa bidang sastera ini sebagai ‘low-class’, boleh kita kikis perlahan-lahan.”*

(I2, Penulis)

*“Kalau lah kita boleh menghakis perasaan rasa ‘low-class’ bidang sastera tu dalam diri masyarakat, maka tidak mustahil di universiti, di mana-mana institusi pengajian kita akan dapat nampak mana-mana pelajar ni lebih ramai, lebih teruja untuk memasuki bidang sastera tu.”*

(I2, Penulis)

Perkara ini turut disokong oleh pandangan daripada informan 3 yang menyatakan bahawa

*“Untuk mengangkat bidang sastera dalam kalangan universiti ini sebenarnya berkait juga dengan keperluan diluar. Contoh, sebagai perbandingan kita ambil sains teknologi, ‘demand’ nya di luar itu tinggi sebab kerajaan negara kita memerlukan tenaga pakar, perubatan dan*

*teknologi. Tapi, apa 'demand' untuk sastera itu di luar? Kita tidak nampak sekarang ini. Jadi, ini yang perlu difikirkan oleh kerajaan. Jadi, untuk mengangkat martabat sastera itu supaya ia dilihat penting, perlu diwujudkan dulu keperluan di luar tentang bidang sastera itu barulah ia dilihat penting. Manfaatnya ialah, satu graduan sastera itu tidak akan menganggur dan graduan sastera itu merasakan dia setanding dengan yang lain. Sekarang ini dia ada stigma dalam kalangan mahasiswa, bila bidang perubatan, kejuruteraan dia rasa lebih tinggi. Bila kita sains sosial macam sastera kita rasa kita rendah. Padahal, sebenarnya dari sudut kemahiran, pengetahuan itu sama. Kalau kita tengok SPM kamu lebih bagus dari 'science stream'. Tetapi, rasa kebanggaan pada diri itu tidak berapa dan rasa rendah pada diri."*

(I3, Pegawai PPD 1)

Berdasarkan pernyataan informan, pihak kerajaan perlu mengambil langkah untuk memastikan tanggapan negatif oleh sebahagian kelompok masyarakat dihakis melalui peranan media massa. Peranan media massa ini tidak terhad kepada kesedaran umum yang sering dilaksanakan melalui kempen atau ceramah tentang bidang sastera yang sering dilaksanakan namun, pihak media massa perlu memanfaatkan teknologi dengan mengadakan beberapa aktiviti yang menarik secara dalam talian dengan kerjasama pihak kerajaan persekutuan, pihak berkuasa tempatan dan badan bukan kerajaan (NGO) dengan mengadakan program Kuala Lumpur World Book Capital (KLWBC) pada tahun 2020 yang diadakan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perpustakaan Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Negara Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan Persatuan Buku Malaysia (MABOPA). Melalui aktiviti tersebut, KLWBC telah mencapai gelombang baharu dalam pelaksanaan program secara dalam talian seperti pembangunan pelbagai kandungan digital dalam perkembangan modenisasi sekali gus memupuk semangat kecintaan akan kesusasteraan kepada semua lapisan masyarakat khususnya masyarakat generasi Z pada masa kini yang

banyak meluangkan masa dan keperluan mereka terhadap teknologi (Berita Harian, 2021). Justeru, bidang sastera perlu bijak menempatkan dirinya sesuai dengan perkembangan teknologi tanpa sempadan sekali gus memberikan peluang yang luas kepada bidang sastera untuk terus berkembang dengan lebih proaktif seterusnya mencakupi pelantar media teknologi masa kini (Malaysia Kini, 2020). Perkara ini disokong oleh pernyataan daripada informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Walaupun begitu, sebaiknya bidang sastera ini harus pandai menempatkan dirinya supaya dia tidak terasing.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

Jika dilihat dari sisi yang lain, generasi akan datang merupakan pemacu negara untuk mengambil bahagian dalam kepimpinan. Oleh itu, apakah nasib kesusasteraan pada masa akan datang sekiranya golongan ini khususnya graduan dalam bidang sastera lebih memilih untuk terus diselubungi dunia alam maya tanpa meneroka dunia luar yang penuh inspirasi? Hal ini demikian, karya-karya dalam bidang sastera tidak dihasilkan melalui ruang kosong dan terbiar sebaliknya ia memerlukan inspirasi yang luas termasuklah pengalaman hidup seorang pengkarya yang membicarakan tentang sesuatu perkara yang melingkari kehidupan manusia sejagat. Maka, seorang pengkarya kekurangan idea dan inspirasi, tidak mustahil pada masa akan datang arus modenisasi akan menenggelamkan bidang sastera. Dalam masa yang sama, mungkin berlaku banyak salah faham dan ketegangan dalam kalangan masyarakat yang kurang membaca kerana sastera secara umumnya memainkan peranan tersendiri dalam memberi pengajaran sejarah melalui lakaran karya kreatif seperti gambaran

keadaan masyarakat untuk dijadikan pengajaran dan pengetahuan. Justeru, informan 4 menegaskan bahawa, bidang sastera perlu bijak menempatkan dirinya dalam arus modenisasi dengan memanfaatkan teknologi masa kini.

#### **4.5.7 Pandangan Pihak Majikan Terpilih**

Berdasarkan analisis tematik pada rajah 4.1 menunjukkan hubung kait di antara pandangan pihak majikan dengan tawaran kerjaya dalam bidang sastera. Hal ini demikian, pihak majikan turut bertanggungjawab dalam memastikan graduan khususnya dalam bidang sastera untuk mendapat tempat dalam dunia kerjaya selepas menamatkan pengajian. Walau bagaimanapun, bidang kuasa pihak majikan adalah terbatas jika dibandingkan dengan dasar negara yang telah dilaksanakan. Menerusi analisis tematik, stigma masyarakat turut memberi impak terhadap kerjaya masa hadapan graduan. Seperti yang dibincangkan pada tema-tema sebelumnya, pengkaji merumuskan bahawa pandangan negatif daripada segelintir masyarakat memberi impak terhadap pelajar yang ingin menceburi bidang sastera sekali gus turut memberi kesan kepada penawaran kerjaya kepada graduan. Dengan demikian, solusinya adalah tidak terhad kepada peranan pihak kerajaan sahaja, namun graduan bidang sastera perlu mengambil langkah yang progresif untuk sentiasa menempatkan diri mereka dalam dunia kerjaya yang selaras dengan bidang yang secara tidak langsung menjadikan cabaran modenisasi bukanlah suatu penghalang terhadap pendidikan sastera dan kerjaya graduan. Hal ini disokong oleh beberapa pernyataan daripada informan 1 yang menyatakan bahawa:

*“Kalau masyarakat di Sabah lah kan, kalau di sini kan dia tidak dapat melihat pulangan sastera itu dalam bentuk nilai duit. Sedangkan dia ada royalti. Kemudian, sepatutnya negara kita juga perlu mengadakan satu dasar bagaimana untuk mencintai sastera dan sastera itu adalah dalam bentuk pulangan ekonomi dan pekerjaan, kan? Jadi, jika ada dasar seperti itu, ini akan memudahkan penulisan ini berkembang. Sebab sekarang ini kalau kita menulis, hasil-hasil sastera ini kita memerlukan satu produksi untuk pengeluar. Kita perlukan pencetak, kita kena bayar. Kita perlukan juga ‘marketing’ bagaimana untuk menjual. Jadi, kalau ada satu plan daripada pihak kerajaan untuk membantu menjayakan sastera ini dikembangkan sebagai satu peruntukan, saya ingat dia akan menjadi suatu yang menjadi faktor lah macam mana sastera itu akhirnya maju seiring dengan perkembangan teknologi akan datang.”*

*“Di sini ni kan, satu yang saya nampak kan adalah kurikulum. Satu, kalau dia belajar di universiti, dia belajar pasal ini sahaja. Ada satu kreativiti yang dia kurang adalah bagaimana sastera itu adalah satu pekerjaan. Sepatutnya orang-orang sastera ini bila dia keluar dia boleh mencipta pekerjaan. Dia jangan mengharap untuk dibagi pekerjaan. Agak mustahil satu kilang, satu industri binaan membina, memberi pekerjaan kepada orang sastera. Tapi sepatutnya orang sastera mencipta pekerjaannya mengikut perkembangan yang ada di luar ini.”*

*“Kalau dasar negara, memang begitulah. Sebab, kalau dalam negara kita memang begitu sebab ada keperluan lain dalam konteks ekonomi lah. Contohnya, kalau kita tengok orang-orang sains tu mencipta biji benih dan banyak pulangan. Tapi bagaimana pula orang-orang sastera itu boleh hidup dengan kemunculan teknologi seperti itu. Itulah saya katakan tadi, kena ada kreativiti, kena ada seiring. Maju kita disitu, ikut disitu dengan apa yang ada.”*

(I1, Guru Besar)

Berdasarkan pernyataan daripada informan 1, graduan sastera seharusnya perlu memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran yang mereka miliki terutamanya dalam perkembangan teknologi kini. Graduan pada masa kini juga tidak dinafikan lahir sebagai generasi Z iaitu satu generasi yang sudah terbiasa dengan penggunaan teknologi dalam rutin harian. Maka, sudah tentu graduan khususnya dari bidang sastera lebih berfikiran jauh dan teknikal dengan matlamat yang lebih jitu untuk meluaskan bidang sastera dan kerjaya dalam perkembangan modenisasi. Menurut Postman (1993), budaya masyarakat

dipengaruhi oleh kawalan teknologi sama ada teknologi yang tidak dapat dilihat seperti kecerdasan seseorang (IQ), dan juga teknologi yang dapat dilihat seperti pengkomputeran, automobil dan sebagainya. Teknologi dianggap sebagai sebuah cabaran yang mampu mengubah segala-galanya sekali gus menjadikan manusia berkeyakinan penuh kepada sains dan teknologi. Walau bagaimanapun, Postman bertegas bahawa keburukan akibat penciptaan teknologi berlaku akibat corak amalan yang dilakukan oleh masyarakat itu sendiri.

Dengan demikian, pengkaji berpendapat bahawa, kepesatan teknologi adalah menjadi titik tolak terhadap sesebuah perkembangan dalam sistem pendidikan dan peluang kerjaya kepada graduan. Graduan juga perlu bertindak dan bersedia dengan perancangan masa hadapan sama ada bersaing untuk mendapatkan peluang pekerjaan sedia ada mahupun mencuba untuk mencipta kerjaya sendiri yang selaras dengan bidang dalam era modenisasi kini. Bidang kerjaya yang akan ditonjolkan oleh graduan pada masa akan datang turut mempengaruhi pelajar yang baru mencuba melangkah dalam bidang sastera. Hal ini kerana, pelajar semestinya menuntut ilmu untuk memiliki kerjaya selepas menamatkan pengajian. Oleh itu, peluang kerjaya yang secara langsung atau tidak langsung akan mempengaruhi minat pelajar dalam menceburi bidang sastera sekali gus memastikan bahawa bidang ini kekal hidup dalam masyarakat selari dengan perkembangan modenisasi. Perkara ini disokong oleh pernyataan daripada informan 3 yang menyatakan bahawa:

*“Untuk pelajar ini tertarik dengan bidang sastera, dia berkait dengan peluang pekerjaan, kerjaya mereka pada masa akan datang. Sekarang ini banyak dimomokkan kepada pelajar-pelajar kita, kalau ambil sastera tidak*

*akan ke mana-mana. Kalau di tanya di universiti belajar apa? Bidang apa? Kalau sains sosial, tidak akan ada kerja lah tu, akan menganggur. Jadi, perkataan-perkataan seperti inilah yang menyebabkan semakin rendah ataupun motivasi pelajar untuk belajar bidang sastera itu semakin berkurangan. Tapi, saya rasa untuk mempengaruhi lebih ramai pelajar untuk menceburi bidang sastera ini apabila bidang sastera itu sendiri dikaitkan dengan kerjaya yang lebih cerah dan lebih banyak di lapangan. Maksudnya, ada bidang-bidang pekerjaan di dalam bidang sastera itu yang disediakan, yang terbuka luas selari dengan bidang-bidang sains dan teknologi.”*

(I3, Pegawai PPD 1)

Menurut Norsimah Dasan (2022) iaitu seorang Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) berpendapat bahawa, kehidupan graduan atau mahasiswa adalah satu fasa yang sukar dan memerlukan graduan untuk belajar berdikari dalam hampir semua situasi termasuklah dalam aspek mendapatkan bidang kerjaya yang sesuai dengan skop pembelajaran di universiti. Tambahan lagi, pada masa kini pelajar dari bidang kesusasteraan kurang diberi perhatian dalam bidang kerjaya dan secara tidak langsung perlahan-lahan akan menenggelamkan bidang sastera. Dengan demikian, graduan perlu bergiat aktif dalam bidang yang mereka ceburi untuk memenuhi kehendak majikan atau bekerja sendiri. Berdasarkan kajian kebolehpasaran siswazah mendapati bahawa, siswazah kebanyakannya kurang memenuhi kemahiran insaniah dan kebolehkerjaan yang diperlukan oleh pihak majikan. Tambahan lagi, menurut MPEN (2010), sebahagian besar siswazah kurang berkemahiran dan kreativiti yang menjadi rintangan kepada siswazah untuk memenuhi pasaran kerjaya. Dengan demikian, bidang sastera merupakan satu bidang yang berfungsi sebagai pemupukan nilai-nilai moral dan insaniah dalam kalangan pelajar (Shahnon Ahmad, 1997). Hal ini sekali gus menjadikan bidang sastera sebagai bidang yang penting untuk melahirkan modal insan yang berkaliber dalam dunia kerjaya.

#### 4.5.8 Sastera dan Teknologi Saling Berhubung

Berdasarkan analisis tematik di rajah 4.1, sastera dan teknologi mempunyai hubungan yang saling memerlukan antara satu sama lain. Hal ini demikian, kepesatan dunia modenisasi memberi impak terhadap perubahan dunia sejagat dan khususnya terhadap bidang pendidikan sastera pada masa kini (Abdullah Fadli, 2016). Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kepesatan teknologi menjadi batu loncatan terhadap bidang sastera dalam aspek pemanfaatan teknologi masa kini yang banyak memberikan dorongan untuk memperluaskan lagi bidang sastera. Hubungan di antara bidang sastera dan teknologi boleh dibuktikan melalui pemanfaatan perkembangan teknologi masa kini yang sekali gus menjadikan bidang sastera sebagai pelengkap kepada modenisasi. Dalam erti kata lain, sastera memerlukan teknologi dan begitu juga sebaliknya. Hal ini disokong oleh informan 1 yang menyatakan bahawa:

*“Melalui teknologi yang ada ni, contohnya kita ada Facebook. Dalam Facebook itu kita boleh berkarya di dalam. Menyampaikan karya-karya kita di dalam begitu juga dengan TikTok, penggunaan TikTok kita boleh membuat pantun, kita boleh melakukan aktiviti-aktiviti yang ada sastera di dalamnya. Melalui YouTube. Maknanya, sastera ini boleh merentas zaman yang moden juga. Cuma terpulang kepada kita bagaimana sasterawan itu menggunakan platform yang ada hasil daripada teknologi itu.”*

(I1, Guru Besar)

*“Sebab dalam contohnya lah kan, dulu dia menghasilkan penulisan dia menaip pakai ‘typewriting’ la atau menulis, tapi sekarang ni dia menggunakan komputer, lepastu dia boleh edit penulisan, dia boleh menggunakan pencetak yang moden kan. Kemudian, dia boleh email. Jadi, semua kerja-kerja ini memudahkan. Begitu juga dengan adanya pencetakan. Kalau dulu, mencetak pakai manual, tapi sekarang ni dia boleh cetak beribu-ribu naskah. Dan satu lagi, dengan penyediaan kemudahan teknologi, buku itu boleh disimpan dalam bentuk contohnya ‘Anyflip’, dia boleh buka bacaan dalam bentuk bahan digital.”*

(I1, Guru Besar)



Berdasarkan pernyataan daripada informan 1, perkembangan modenisasi adalah seiring dengan perkembangan bidang sastera dan kerjaya dalam bidang ini. Selari dengan pernyataan yang pengkaji bincangkan pada huraian tema sebelumnya, bidang sastera semakin berkembang malah mampu memanfaatkan pengaplikasian teknologi sama ada dalam pengajaran dan pembelajaran sastera mahupun peluang-peluang kerjaya yang disediakan oleh pihak kerajaan dan kerjaya yang dicipta oleh graduan itu sendiri melalui pengetahuan dan kemahiran yang mereka miliki. Dengan demikian, perkembangan teknologi dan hubungkaitnya dengan bidang sastera boleh dinilai menerusi pernyataan informan 1 yang menyatakan bahawa aktiviti pembelajaran boleh dilaksanakan melalui pengaplikasian media sosial seperti aplikasi *YouTube*, *Facebook* mahupun *TikTok*. Malah, perkembangan teknologi turut memberikan kesan yang positif terhadap industri penerbitan buku di Malaysia. Menurut Hesmondhalgh (2013), perkembangan teknologi yang berlaku sejak beberapa dekad yang lalu telah banyak mengubah persekitaran dan rutin manusia termasuklah perubahan dalam industri penerbitan buku yang melibatkan proses penyuntingan, perekaan, pencetakan dan pengedaran yang hampir keseluruhannya berubah kepada pengaplikasian pengkomputeran dan digital.

Tambahan lagi, kewujudan e-buku turut memberi kesan kepada pembacaan khalayak sama ada dari aspek pembelian buku atau penyimpanan buku yang dilakukan dengan lebih mudah. Selaras dengan pernyataan informan 1, penciptaan e-buku seperti melalui aplikasi *Anyflip* membantu memudahkan aktiviti pembelajaran malah memberi peluang pekerjaan kepada graduan sastera. Hal ini demikian, penggunaan teknologi kini perlu dikuasai oleh sebilangan

besar graduan bagi memenuhi pasaran kerjaya. Bagi bidang sastera, penggunaan teknologi moden dapat dinilai melalui syarikat-syarikat penerbitan buku yang banyak menggunakan aplikasi animasi, pencetakan, penyuntingan dan pemrosesan jualan buku yang sememangnya membuka peluang kerjaya dalam bidang sastera kepada graduan. Menurut Song (2012), perkembangan teknologi digital telah mengubah operasi pemasaran buku yang melibatkan buku bercetak mahupun buku dalam bentuk digital yang merupakan satu alternatif untuk menarik minat pembaca di dalam pasaran. Secara kesinambungannya, sastera dilihat sebagai pelengkap kepada modenisasi seperti pada analisis tematik di rajah 4.1, pengkaji mendapati bahawa, pemanfaatan dalam bidang teknologi dalam bidang sastera telah membuktikan pernyataan ini. Hal ini turut disokong oleh informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Saya ingat IR4.0 ni merupakan peluang. Maknanya, anak-anak muda kita ataupun murid-murid kita, mereka boleh akses banyak maklumat karya sastera pelbagai genre menerusi teknologi yang ada yang membantu mereka. Apatah lagi melalui aplikasi-aplikasi tertentu yang ada di teknologi IR4.0 itu. Misalnya, boleh akses dalam Scholar, boleh akses di Google ataupun di Google Yahoo dan seumpamanya itu. Jadi, ini bukan merupakan cabaran tapi merupakan peluang. Hatta, sekarang ini ada sudah e-book, ada sudah diapungkan kandungan-kandungan sastera itu melalui telegram. Jadi saya ingat IR4.0 merupakan peluang.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

Berdasarkan kepada pernyataan daripada informan 4, kepesatan teknologi merupakan pelengkap kepada bidang sastera yang sekali gus mampu mencipta peluang kerjaya seperti kerjaya sebagai seorang penulis penerbitan karya indie sebagai permulaan langkah dalam memenuhi ruang kerjaya dan mengecilkan jurang di antara bidang sains dan teknologi dengan bidang sastera. Di Malaysia, penulis karya indie mula dikenali sekitar tahun 2010 dan 2011 dengan

kemunculan beberapa penulis kecil dalam dunia industri seperti *Dubook Press* dan *Fixi* (Tan, 2015). Penulis-penulis ini mampu menarik minat pembaca dan masyarakat pada ketika itu dengan menerbitkan karya-karya yang lebih ilmiah dan bukanlah topik keseronokan semata-mata. Karya yang diterbitkan lebih menyentuh kepada isu-isu semasa, permasalahan dan cara mengatasi masalah, isu agama, hak asasi dan sosial. Dengan demikian, kewujudan penerbit-penerbit ini telah memfokuskan pasaran khusus kepada 'mass product' dengan memanfaatkan perkembangan pembangunan dan kemajuan dalam teknologi yang mendorong penulis untuk kekal kompetitif di dalam industri. Tambahan lagi, menilai terhadap perkembangan teknologi kini, penerbit atau penulis perlu memikirkan pendekatan model perniagaan yang sesuai untuk mengekalkan kedudukan mereka dalam pasaran dan industri dengan mengambil kira perancangan yang strategik seperti memanfaatkan perkembangan teknologi (Kung, 2008).

#### **4.6 Faktor Pemilihan Kerjaya Menerusi Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973)**

Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) merupakan satu skop yang memfokuskan terhadap personaliti seseorang individu yang dinilai melalui kecederungan, minat mahupun persekitaran, budaya dan corak kehidupan dalam mempengaruhi pembuatan suatu keputusan dalam bidang kerjaya (Sidek Mohd Noah, 2002). Teori ini mengkategorikan individu kepada enam kategori personaliti berdasarkan pemerhatian terhadap sikap dan budaya masyarakat. Walau bagaimanapun, pengkaji mengaplikasikan empat daripada enam pengkategorian personaliti dalam teori tersebut iaitu personaliti artistik, sosial, daya usaha dan konvensional.

Keempat-empat kategori personaliti ini dikaji dan dibincangkan dengan menghuraikan perkaitan di antara Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) dengan analisis dapatan kajian yang dibincangkan pada 4.5.

#### **4.6.1 Personaliti Artistik**

Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) menjelaskan mengenai lingkungan hidup manusia yang menjadi mempengaruhi terhadap pemilihan kerjaya serta penyesuaian terhadap pekerjaan yang akan dipilih. Teori ini memfokuskan terhadap personaliti individu dengan kerjaya yang diceburi selain beranggapan bahawa, pemilihan kerjaya oleh seseorang individu tersebut dipengaruhi oleh faktor keturunan, budaya, rakan sebaya, ibu bapa atau orang dewasa. Teori ini menegaskan bahawa, seseorang individu mempunyai beberapa personaliti yang menjadi dorongan untuk memilih bidang kerjaya (Eny Usdawati, 2019). Dengan demikian, personaliti artistik merupakan salah satu daripada personaliti yang terkandung dalam teori ini yang menggambarkan tentang kecenderungan seorang individu terhadap bidang seni yang bebas dan tidak sistematik serta kemampuan seorang individu tersebut untuk memanipulasikan perkataan seperti penciptaan karya-karya sastera. Individu yang terangkum dalam personaliti artistik ini cenderung untuk memiliki sifat kreatif, imaginatif dan pembentukan gambaran fantasi yang subjektif.

Menurut Eny Usdawati (2019), individu dalam tret personaliti artistik lebih memilih ke arah bidang seni seperti bidang muzik, drama, sastera dan kegiatan yang berkaitan dengan alam. Menerusi analisis kajian di 4.5, informan 1 menyatakan bahawa graduan dari bidang sastera tidak semestinya terikat dengan

peluang-peluang kerjaya yang tersedia di luar, malah graduan dari bidang sastera perlu bersifat kreatif dan inovatif untuk mencipta peluang pekerjaan dengan memanfaatkan kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh sepanjang pengajian pada peringkat pengajian tinggi. Seperti yang dinyatakan oleh informan 1 pada tema 4.5.3 iaitu tawaran kerjaya dalam bidang pendidikan sastera yang menjelaskan mengenai penciptaan peluang kerjaya seperti mengadakan persembahan teater, penulisan bebas dan persembahan dalam bidang sastera kepada masyarakat umum, pengkaji mendapati bahawa individu yang cenderung untuk menjayakan dan pencipta peluang pekerjaan ini adalah individu yang mempunyai tret personaliti artistik. Tambahan lagi, dalam kepesatan teknologi masa kini, peluang kerjaya yang selaras dengan bidang khususnya bidang sastera agak sukar untuk digapai dek keperluan dan penawaran industri kerjaya yang sedia ada sedikit berasingan. Namun, graduan terpaksa untuk menceburkan diri dalam bidang kerjaya yang bercanggah dengan bidang yang telah diceburi di universiti demi kelangsungan hidup. Hal ini dinyatakan oleh informan 1 iaitu:

*“Sepatutnya negara kita juga perlu mengadakan satu dasar bagaimana untuk mencintai sastera dan sastera itu ada dalam bentuk pulangan ekonomi”*

(I1, Guru Besar)

Pernyataan ini turut disokong oleh informan 2 yang menyatakan bahawa:

*“Fenomena graduan bekerja di luar bidang hari ini semakin menjadi norma. Ramai graduan yang menghadapi masalah ini sebabnya mereka memilih untuk mendapatkan pekerjaan walaupun bukan dalam bidang mereka sebab mereka memerlukan pendapatan untuk meneruskan hidup. Daripada itu, kalau mereka berterusan juga, bertegas memilih bidang dengan apa yang*

*dipelajari di universiti, kemungkinan peluang itu dapat kemungkinan juga tidak. Jadi terpaksa mengambil pekerjaan luar dari bidang.”*

(I2, Penulis)

Menerusi pernyataan informan 1 dan 2 tersebut, bidang kerjaya yang selaras dengan bidang sastera agak sukar untuk diceburi akibat desakan daripada perkembangan teknologi yang sekali gus mencipta beberapa cabaran dan peluang kepada graduan. Namun begitu, Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) menyatakan bahawa, graduan yang berjaya merupakan graduan yang memilih bidang kerjaya yang sesuai dengan personalitinya. Pemilihan kerjaya ini turut menempatkan graduan dalam lingkungan yang sama dengan tret personaliti yang dimiliki dengan tret personaliti individu lain dalam satu ruang skop kerjaya dalam bidang sastera. Faktor pemilihan kerjaya ini turut dipengaruhi oleh minat pelajar sepanjang menelaah bidang sastera dalam pengajian. Graduan sastera yang mempunyai rasa minat yang tinggi dan berusaha untuk memperjuangkan bidang sastera cenderung untuk memilih skop kerjaya atau mencipta kerjayanya sendiri dalam bidang yang sama. Perkara ini disokong oleh informan 3 yang menyatakan bahawa:

*“Untuk pelajar tertarik dengan bidang sastera, dia berkaitan dengan peluang pekerjaan, kerjaya mereka pada masa akan datang. Saya rasa, untuk mempengaruhi lebih ramai pelajar untuk menceburi bidang sastera ini apabila sastera itu dikaitkan dengan kerjaya yang lebih cerah dan lebih banyak di lapangan. Maksudnya, ada bidang-bidang pekerjaan di dalam bidang sastera itu yang disediakan, yang terbuka luas selari dengan bidang-bidang sains dan teknologi”*

(I3, Pegawai PPD 1)

Dengan demikian, menerusi Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) yang menegaskan tentang aspek minat graduan terhadap suatu bidang tersebut

memberi impak terhadap kerjaya yang mereka ceburi pada masa akan datang. Namun, dalam isu yang diketengahkan oleh pengkaji iaitu isu graduan dalam bidang sastera yang sukar memenuhi peluang kerjaya yang selaras dengan bidang sekali gus mencampakkan graduan ke dalam isu pengangguran siswazah selepas menamatkan pengajian, maka graduan perlu mencari solusi dengan memanfaatkan bidang sastera menerusi kemahiran, ilmu pengetahuan dan kreativiti sedia ada. Tambahan lagi, menerusi aspek personaliti artistik dalam teori, pengkaji dapat menghuraikan bahawa, seorang graduan yang amat mencintai sastera mampu untuk mengekalkan, meluaskan kemudian memperkenalkan bidang ini menerusi bidang kerjaya yang bakal mereka cipta dan ceburi pada masa akan datang walaupun melibatkan kerjaya bidang-bidang lain seperti bidang sains. Perkara ini disokong hebat oleh informan 1 yang menyatakan bahawa:

*“Contohnya cari gali minyak. Malam itu, akan ada satu pasukan daripada Petronas cawangan dalam Petronas, ada dia punya team untuk membuat teater dan mereka dibayar dengan nilai yang tinggi. Kalau kita tengok sebenarnya kita pelik, kenapa Petronas cari gali, apa hubungannya dengan sastera? Sebenarnya, macam yang saya katakan tadi, you sudah kerja penat, cari gali minyak memikir pasal ini kan, you perlukan sesuatu yang memberikan ketenangan. Jadi, di mana itu, sastera itu digunakan, di buat teater untuk malam itu dan mereka ini dibayar berjuta-juta, ratus ribu gaji, puluh ribu. Jadi di situ sebenarnya peluang pekerjaan itu wujud”*

(I1, Guru Besar)

Pernyataan ini turut dipersetujui oleh informan 3 dan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Contoh lah kita ambil seorang engineer, seni bina, ataupun doktor, tetapi dalam sudut itu, walaupun mereka itu dalam bidang sains tetapi perlu ada*

*unsur-unsur kesusasteraan itu di dalam. Jadi mungkin ada persoalan, bagaimana pula sains itu boleh masuk dengan sastera.”*

(I3, Pegawai PPD 1)

*“Pegiat sastera harus kuat. Maknanya, jika sains dan teknologi itu sudah maju ke hadapan, bidang sastera ni sebagai sains sosial, harus seiring dengan itu. Sebab itu, kalau kita melihat dari segi pengkaryaan, harus karya-karya sastera itu menggunakan alat bantu untuk penciptaan karyanya. Sebagai contoh, kalau dia menghasilkan puisi, puisi itu boleh dia kaitkan dengan digital, puisi-puisi digital atau perubatan, ataupun komunikasi. Jadi, maknanya, kepesatan sains dan teknologi itu diadun dan digunakan oleh pengkarya sebagai alat bantu mereka untuk menghasilkan karya yang berkualiti dan bermanfaat.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

#### **4.6.2 Personaliti Sosial**

Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) menjelaskan bahawa, personaliti sosial merangkumi terhadap pola persekitaran seseorang individu yang mempengaruhi minat dan keputusan terhadap dirinya. Persekitaran tersebut pula merupakan satu interaksi dan hubungan di antara seorang individu dengan individu lain yang secara tidak langsung mempengaruhi corak pemilihan dan pembuatan suatu keputusan sama ada dalam pemilihan pendidikan, kerjaya atau aktiviti yang melibatkan pembuatan keputusan. Dengan demikian, pengkaji memfokuskan personaliti sosial dalam teori ini menerusi mempengaruhi pelajar untuk menceburi bidang sastera mahupun faktor-faktor yang menjadikan graduan memilih kerjaya dalam bidang ini. Maka, menerusi analisis dapatan kajian, pengkaji dapat melihat personaliti sosial yang jelas diuraikan pada perkaitan di antara minat pelajar terhadap bidang sastera adalah dipengaruhi oleh kumpulan keluarga, guru-guru serta peranan pihak kerajaan dan bukan kerajaan yang turut sama memberikan impak positif kepada graduan. Hal ini dapat dibuktikan melalui pernyataan daripada informan 2 yang menyatakan bahawa:



*“Mungkin peranan pihak media massa juga untuk mengambil pendekatan dengan mempromosikan pelbagai bidang yang berkaitan dengan sastera melalui media sosial, televisyen, radio, surat khabar dan sebagainya. Jadi, bila promosi ini dilaksanakan akan mendekati peringkat akar umbi, semua orang boleh mendapat maklumat yang betul. Boleh juga mengakibatkan erm mempengaruhi pelajar tu untuk menceburi bidang sastera. Selain itu, tentulah pihak kerajaan sendiri yang penting untuk memainkan peranan dalam mempengaruhi pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang sastera ini antaranya dengan menawarkan banyak kursus pengajian yang menjurus ke arah bidang sastera. Dan, satu lagi, yang dapat saya tambah di sini ialah peranan pihak NGO seperti syarikat penerbitan yang menerbitkan lebih banyak karya-karya sastera agar lebih mudah didapati dan memberi galakan kepada para penulis-penulis yang baru menceburi bidang penulisan serta melindungi hasil karya mereka.”*

(I2, Penulis)

Berdasarkan pernyataan daripada informan 2 dapat diklasifikasikan sebagai pengaruh daripada pihak kerajaan yang bertindak untuk memartabatkan bidang sastera menjadi salah satu faktor untuk memupuk rasa minat dalam diri pelajar terhadap bidang sastera. Perkara ini turut disokong oleh informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Dalam sastera itu ada unsur-unsur yang menarik, yang bermanfaat, yang sudah dibina sejak sekian lama, dari peringkat sekolah rendah misalnya dia sudah ditanamkan dengan minat membaca buku sejak kecil sehingga bila dia dewasa, ke peringkat tinggi lagi, dia sudah menjadi habit dan rutin kepada pelajar itu. Jadi ini juga merupakan faktor lah, kadangkala dia lihat perkembangan dan kesuburan sastera itu. Misalnya, dalam festival-festival ataupun karnival-karnival bahasa dan sastera di sekolah. Pertandingan seperti pertandingan sayembara puisi misalnya, pertandingan teater yang bila mana mereka nampak, dia rasa teruja.”*

(I4, Pegawai PPD 2)

Menyentuh kepada teori, personaliti sosial yang dibentuk melalui mempengaruhi luar yang telah menjadi tunjang kepada suatu pembuatan

keputusan pelajar dalam pendidikan mahupun dunia kerjaya, personaliti sosial ini turut memfokuskan terhadap jenis-jenis kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti sosial iaitu kerjaya sebagai pengarah filem dan drama, seni muzik dan aktiviti yang melibatkan kepada kemasyarakatan. Dari aspek pandangan majikan pula, pihak majikan lebih mengutamakan kreativiti dan kemahiran yang sedia ada dalam kalangan graduan untuk memenuhi syarat kebolehpasaran graduan (Nooriah Yusof et al., 2013). Dalam pada itu, graduan perlu memanfaatkan kemahiran dan pengetahuan yang telah diceburi pada peringkat pengajian tinggi bagi memudahkan graduan memperoleh peluang kerjaya malah, graduan juga mudah untuk menyesuaikan diri dengan bidang kerjaya sekali gus memenuhi persepsi pihak majikan. Tegasnya di sini bahawa, graduan perlu memilih bidang kerjaya yang selaras dengan program yang telah diceburi di universiti agar ilmu yang dipelajari dapat diamalkan dengan sebaiknya. Namun, sekiranya penawaran kerjaya adalah terbatas, graduan masih mampu untuk mencipta kerjaya sendiri dengan memanfaatkan ilmu pengetahuan yang sedia ada. Pernyataan ini disokong oleh informan 1 yang menyatakan bahawa:

*“Dalam konteks negara kita ni kan, memang sains itu, teknologi itu kita tidak boleh pisahkan. Cuma kita mahu, bagaimana sastera ini boleh di ‘mix’ dengan kemajuan teknologi. Macam saya katakan tadi, kalau pelajar itu dia sedar yang dia belajar sastera dia tidak minat, tapi sebenarnya ada gunanya. Contohnya, bila dia berkawan dengan seorang pereka cipta yang mencipta pasal basikal, jadi pencipta ni dia tidak dapat menjual sebab dia tiada kemahiran menjual itu, dia tiada kemahiran berkata-kata. Jadi, kalau ada yang ‘package’ begini, gabung. Jadi dia menjadi.”*

(I1, Guru Besar)

Informan 1 menyatakan bahawa, sekiranya graduan sastera gagal untuk menceburkan diri dalam kerjaya yang selaras dengan bidang, graduan masih

mampu untuk mencipta kerjaya dengan memanfaatkan peluang yang ada. Sebagai contoh, graduan sastera memanfaatkan pengetahuan dan kreativiti yang dimiliki dengan menjadi seorang penulis buku yang menulis tentang topik sains dan teknologi mahupun penulisan tentang pemasaran. Penulisan adalah salah satu bidang yang besar dalam sastera maka, graduan perlu bersikap kreatif dan berfikiran luas untuk mengambil peluang tersebut. Dengan demikian, menerusi Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973), bidang kerjaya sememangnya perlu diceburi selaras dengan personaliti graduan agar kerjaya yang diceburi mampu dimanfaatkan serta memberikan nilai yang positif kepada graduan. Dalam teori ini juga menegaskan bahawa untuk menjadi seorang modal insan yang berjaya dan mencintai kerjayanya, graduan perlu memilih kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti seseorang. Kesesuaian ini merupakan salah satu faktor untuk melahirkan modal insan yang memiliki karakteristik yang sesuai dengan ruang bidang kerjaya yang diceburi. Walau bagaimanapun, masih ditegaskan bahawa graduan memerlukan perancangan kedua seperti mencari peluang kerjaya sendiri sekiranya peluang kerjaya sedia ada adalah nipis sekali gus memanfaatkan personaliti yang dimiliki oleh graduan dalam kerjaya yang diceburi.

#### **4.6.3 Personaliti Daya Usaha**

Berdasarkan Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973), personaliti daya usaha atau '*enterprising*' merangkumi personaliti seseorang yang memerlukan keterampilan secara langsung dalam mengarah atau memberi keyakinan kepada orang lain. Pekerjaan dalam personaliti daya usaha ini adalah seperti pengarah, pengendalian atau perancangan aktiviti yang memerlukan komunikasi secara verbal. Menerusi analisis kajian, bidang sastera agak sinonim dengan kerja-kerja sosial dalam kumpulan individu dengan mengaplikasikan nilai-nilai moral,

insaniah dan jati diri yang tinggi dalam suatu kerjaya. Malah, kerjaya sebagai pengarah perfileman drama atau teater merupakan suatu kerjaya yang amat dekat dengan bidang sastera. Melalui pengamatan personaliti daya usaha dalam teori ini, graduan berupaya untuk mengidentifikasikan bidang kerjaya akan diceburi ataupun membuka peluang kerjaya tersebut secara peribadi. Hal ini demikian, dengan isu pengangguran dan daya saing yang tinggi dalam kalangan graduan, teori ini sedikit sebanyak membantu graduan untuk berusaha keluar dari lingkungan zon selesa yang kemudiannya memanfaatkan bidang kemahiran, keterampilan dan kemampuan individu untuk diaplikasikan dalam mencipta peluang kerjaya sekali gus memartabatkan bidang sastera serta mengatasi isu pengangguran dalam kalangan graduan. Perkara ini disokong oleh pandangan daripada informan 1 yang menyatakan bahawa:

*“Sastera itu banyak bidang dia boleh masuk. Tapi macam mana dia diguna, macam tadi, dalam ketenteraan, kita perlukan perang psikologi. Siapa yang menyediakan penulisan semua tu? Mesti orang sastera. Mana ada orang sains mencipta ini kan, tapi orang sastera dia boleh kisahkan macam mana ciptaan baharu ini boleh menggugat negara lain itu melalui penulisan. Untuk menjadi dalam bidang ‘promoter’, dia perlukan penulisan dan orang yang boleh berkata-kata. Jadi itu adalah sastera.”*

(I1, Guru Besar)

Berdasarkan analisis kajian pada tema 4.5.6 iaitu stigma masyarakat terhadap bidang pendidikan sastera dan kerjaya memfokuskan terhadap isu pandangan sekumpulan kecil masyarakat yang beranggapan bahawa bidang sastera adalah bidang yang sukar untuk menyediakan peluang kerjaya kepada graduan. Dengan demikian, pandangan daripada masyarakat ini memberi impak dan pengaruh terhadap pelajar dan graduan dalam bidang sastera. Hal ini demikian, bertepatan dengan teori ini, personaliti daya usaha merupakan satu

corak yang merangkumi pembuatan keputusan oleh seseorang individu yang dilakukan melalui persetujuan sosial ataupun untuk memuaskan persepsi masyarakat. Kesenambungannya dengan analisis kajian, pengkaji mendapati bahawa persepsi masyarakat mempengaruhi graduan untuk menceburkan diri dalam bidang sastera dan tidak ketinggalan juga persepsi majikan untuk turut serta memberikan kesan yang positif kepada graduan. Bertepatan dengan pandangan daripada informan 2 dalam analisis kajian, sikap rasa rendah diri dalam kalangan graduan mampu untuk di hakis sekiranya masyarakat dan yang paling penting pihak majikan berusaha untuk memberi sokongan dan memberi peluang kepada graduan sastera untuk memartabatkan bidang sastera dalam cabaran modenisasi.

#### **4.6.4 Personaliti Konvensional**

Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) mendefinisikan personaliti konvensional sebagai individu yang memiliki minat, kecekapan, persepsi diri dan lebih peka terhadap sesuatu yang mereka lakukan atau melibatkan pembuatan sesuatu keputusan. Individu yang memiliki personaliti konvensional dilihat sebagai seseorang yang bijak mengambil keputusan, peka terhadap sesuatu tindakan mahupun mampu mencipta solusi untuk permasalahan. Menerusi analisis kajian, pengkaji ada menyatakan mengenai isu pengangguran yang agak membimbangkan dalam kalangan graduan dalam bidang sastera. Hal ini dijelaskan bahawa, graduan sastera merupakan graduan yang paling ramai menganggur selepas tamat pengajian akibat penawaran peluang kerjaya yang lebih didominasi oleh bidang sains dan teknologi malah, dalam masa yang sama, kadar bilangan graduan daripada bidang sastera yang tinggi menyebabkan berlaku persaingan dalam bidang kerjaya. Walau bagaimanapun, graduan sastera dikategorikan sebagai graduan yang memiliki personaliti konvensional. Hal ini

demikian, berdasarkan analisis kajian, graduan sastera adalah graduan yang memiliki kreativiti yang tinggi dan mampu untuk mencipta kerjaya selaras dengan bidang. Personaliti konvensional yang agak sinonim dengan sikap seseorang individu yang mampu untuk menyahut cabaran serta berfikiran positif adalah selaras dengan sikap graduan dalam bidang sastera. Sebagai contoh, seperti yang dinyatakan oleh informan 1 iaitu:

*“Secara harapiah lah kan, kadang-kadang kalau kita buat benda itu yang kita belajar bila kita keluar lain sudah. Tapi, pertama sekali dia mesti ada kesedaranlah. Macam mana pun, dia seorang sastera akhirnya dia bawa Grab, lain betul kan. Tapi macam mana sastera tu boleh hidup sebagai dia seorang Grab, boleh buat penulisan. Duit dari dia buat Grab boleh menghasilkan sebuah penulisan, itu pun jikalau dia ‘solid’ lah, pencinta sastera. Dalam sastera, kalau dia belajar dulu di universiti ilmu-ilmu yang dia belajar itu sebenarnya boleh digunakan untuk kehidupannya. Banyak kan kisah-kisah yang dia belajar, yang dia tulis, dia boleh ‘apply’. Tapi kebanyakannya yang saya tengoklah, orang-orang sastera ni bila dia keluar, dia boleh gunakan kemahiran-kemahiran sasteranya itu untuk dibidang lain.”*

(I1, Guru Besar)

Menerusi pandangan majikan terpilih daripada informan 1, personaliti konvensional dalam teori kajian ini menekankan terhadap sikap graduan yang perlu memanfaatkan kreativiti mereka dalam mencipta ruang kerjaya. Seperti yang dinyatakan menerusi analisis kajian pada tema memanfaatkan perkembangan teknologi dalam bidang pendidikan sastera dan kerjaya yang berkesinambungan dengan isu pengangguran dalam kalangan graduan sastera. Menerusi analisis kajian tersebut menekankan terhadap persepsi majikan mengenai peluang kerjaya yang perlu diketengahkan oleh beberapa pihak yang bertanggungjawab serta peranan oleh graduan itu sendiri untuk memastikan graduan berpeluang untuk bekerja selaras dengan bidang ataupun graduan

bekerja dengan memanfaatkan pengetahuan dan kreativiti yang mereka peroleh selepas tamat pengajian di universiti. Pelajar yang benar-benar memiliki minat yang mendalam terhadap bidang sastera tidak akan mudah berputus asa untuk memartabatkan bidang sastera walaupun persaingan dunia kerjaya sedikit sebanyak memberi kesan kepada pemartaban bidang ini untuk terus berkembang dalam cabaran modenisasi. Sebagai contoh, menerusi analisis kajian tersebut, pengkaji menghuraikan tentang peluang kerjaya yang dicipta oleh graduan secara peribadi akibat persaingan yang sengit di antara graduan untuk memenuhi relung kerjaya. Graduan dalam bidang sastera memanfaatkan pengetahuan sedia ada dengan bekerja sebagai penulis khususnya yang amat sinonim dengan bidang sastera. Dengan demikian, kreativiti yang dimiliki oleh graduan dan turut serta menjadi ilham kepada mereka untuk mencipta kerjaya adalah dipengaruhi oleh faktor personaliti konvensional dalam teori pengkaji. Ditegaskan lagi bahawa, personaliti konvensional merupakan satu aspek yang menekankan terhadap kreativiti dan pemikiran yang meluas terhadap seseorang individu untuk mengatasi sesuatu cabaran atau pembuatan keputusan. Oleh itu, graduan sastera yang kurang memperoleh tuah untuk bekerja dalam kerjaya sedia ada akan bijak mengorak langkah seterusnya sekali gus tidak menjadikan isu pengangguran sebagai dinding penghalang mereka untuk terus memartabatkan bidang sastera dalam cabaran modenisasi.

## 4.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji menganalisis data berdasarkan dapatan kajian temu bual yang melibatkan lima orang informan yang terdiri daripada dua orang pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Semporna, seorang penulis, guru besar dan pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini merupakan kajian yang mengetengahkan tentang perkembangan teknologi masa kini termasuklah dalam bidang sains dan teknologi yang dilihat secara kasarnya sebagai cabaran kepada bidang pendidikan sastera dan kerjaya secara langsung. Kajian ini juga memfokuskan kepada persepsi majikan khususnya majikan di Sabah untuk membincangkan terhadap isu-isu dan persoalan yang dikemukakan bagi mencapai kedua-dua objektif kajian. Dengan demikian, dapat dirumuskan bahawa, perkembangan modenisasi merupakan satu cabaran kepada bidang pendidikan sastera dan kerjaya graduan apabila isu pengangguran timbul akibat keperluan bidang sains dan teknologi yang lebih diutamakan untuk kepentingan dan kemajuan negara sama ada dari aspek ekonomi, politik, mahupun sosial. Namun demikian, dalam analisis kajian ini juga dapat membuktikan bahawa perkembangan teknologi semasa turut menjadi peluang keemasan terhadap bidang pendidikan sastera dan kerjaya. Hal ini dapat dibuktikan melalui pemanfaatan dan pengaplikasian teknologi masa kini yang telah memudahkan para penggiat-penggiat sastera serta para pendidikan dan pelajar dalam mendalami dan menghayati bidang ini. Graduan turut serta memperoleh manfaat daripada perkembangan teknologi ini sekiranya graduan mengambil langkah yang bijak dan proaktif untuk memperkembangkan bidang sastera sama ada dalam aspek pendidikan mahupun kerjaya. Hal ini selari dengan pengaplikasian Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) yang diaplikasikan dalam kajian dan memfokuskan kepada tret sikap dan personaliti graduan yang menjadi tunjang utama



dalam pembuatan keputusan kerjaya. Oleh hal yang demikian, kajian oleh pengkaji ini diharapkan mencapai kedua-dua objektif kajian sekali gus memberikan manfaat kepada penyelidikan pada masa akan datang serta membuka minda dan pemikiran individu dan masyarakat secara khususnya mengenai betapa pentingnya bidang sastera untuk membentuk seorang manusia yang berperikemanusiaan dan kaya dengan nilai-nilai moral serta mampu untuk memartabatkan bidang pendidikan sastera dalam cabaran modenisasi. Diharapkan juga bahawa bidang pendidikan sastera untuk terus berkembang sama dengan bidang-bidang yang lain kerana bidang pendidikan sastera merupakan satu bidang yang sentiasa diperlukan selagi manusia itu wujud dan ditegaskan lagi bahawa, bidang sastera bukanlah bidang yang mudah tenggelam dalam arus modenisasi malah bidang ini merupakan sebuah pelengkap kepada arus kemodenan.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini adalah penutup kepada kajian pengkaji yang memfokuskan terhadap keseluruhan kajian yang merangkumi penghuraian kepada cabaran modenisasi, pendidikan sastera, kerjaya dalam bidang sastera dan persepsi majikan di Sabah. Pengkaji juga mengetengahkan rumusan mengenai kedua-dua objektif kajian. Pada bab ini juga, pengkaji menghuraikan tentang implikasi dan cadangan dalam kajian sekali gus menjadi bahan rujukan serta membuka peluang baharu untuk kajian penyelidikan yang lebih luas kepada pengkaji-pengkaji lain pada masa akan datang.

#### **5.2 Rumusan Kajian**

Kajian oleh pengkaji memberi fokus terhadap cabaran modenisasi yang memberi impak kepada pendidikan sastera dan kerjaya yang dinilai melalui persepsi lima orang majikan terpilih di Sabah. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, modenisasi merupakan satu perubahan yang berlaku secara perlahan-lahan di seluruh dunia yang merangkumi kepada perubahan rutin kehidupan manusia. Jika dilihat dengan lebih mendalam, perkara yang melibatkan perubahan dalam rutin ataupun kebiasaan yang berlaku dalam kehidupan manusia merupakan suatu aspek yang melibatkan hampir kesemua perkara sama ada dari aspek sosial, ekonomi mahupun politik. Perubahan ini adalah disebabkan keperluan dan kehendak manusia yang semakin meningkat sekali gus mencipta beberapa konsep baharu untuk kehidupan

yang lebih baik. Justeru, perubahan ini melibatkan kepakaran dan penggunaan teknologi yang semakin meluas di serata dunia malah, masyarakat turut berlumba-lumba untuk memanfaatkan penggunaan teknologi dalam dunia modenisasi kini. Namun demikian, kepesatan dan kemudahan prasarana serta infrastruktur yang telah diciptakan sememangnya memiliki kelebihan dan kekurangannya. Hal ini demikian, penggunaan teknologi yang semakin berleluasa dalam dunia modenisasi kini sedikit sebanyak memberikan cabaran terhadap pendidikan sastera dan kerjaya khususnya kepada graduan yang menceburi bidang sastera. Pengkaji turut menekankan kepada persepsi majikan di Sabah untuk mengumpul dan memperoleh data untuk menjawab kedua-dua objektif kajian sekali gus menjadikan kajian oleh pengkaji mampu untuk dijadikan bahan rujukan kepada pengkaji lain pada masa akan datang. Kajian ini juga diharapkan mampu untuk mengisi kelompangan sama ada dari aspek pemikiran negatif masyarakat mengenai bidang pendidikan sastera mahupun kegusaran mengenai peluang-peluang kerjaya yang menghantui pemikiran graduan khususnya yang menceburi bidang ini. Dengan demikian, pengkaji mengaplikasikan Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) yang menyentuh kepada empat aspek utama yang terkandung dalam teori untuk memastikan golongan graduan dan masyarakat lebih arif dalam menilai peluang kerjaya dalam bidang ini sekali gus mampu membangun dan memartabatkan bidang sastera selaras dengan perkembangan modenisasi.

Sastera merupakan suatu bidang yang kaya dengan nilai-nilai moral serta ketatasusilaan yang terkandung di dalam penulisan ataupun lisan. Bidang ini mampu untuk membentuk seseorang individu dalam kelompok masyarakat yang berjati diri, berintegriti, bersopan santun dan kaya dengan budi bahasa. Dalam erti kata lain,

keperibadian seseorang adalah amat penting untuk melahirkan seorang sumber manusia yang cemerlang sekali gus meningkatkan keharmonian serta kemajuan negara terutamanya dalam perkembangan teknologi kini. Hal ini demikian, perkembangan modenisasi dikatakan telah menjadi suatu cabaran yang besar kepada bidang sastera akibat sesetengah pendapat masyarakat yang berpandangan bahawa, bidang sains dan teknologi lebih diperlukan berbanding dengan bidang sastera yang dilihat agak kurang memberikan sokongan kepada perkembangan modenisasi. Oleh itu, bidang sastera mula diketepikan seterusnya memberi impak terhadap pemilihan bidang oleh pelajar sekolah serta pelajar di institusi pengajian tinggi sekali gus mencipta fikiran-fikiran negatif dalam kalangan masyarakat terhadap pengkhurusan kerjaya dalam bidang sastera selepas menamatkan pengajian. Dengan demikian, kajian oleh pengkaji merungkaikan beberapa kekusutan serta kesalahfahaman terhadap pendapat-pendapat tersebut. Bidang sastera merupakan satu bidang yang berkembang selaras dengan kemajuan modenisasi kini. Hal ini demikian, di saat dunia dilihat lebih mengutamakan dan memerlukan bidang sains dan teknologi moden untuk meraih kemajuan masing-masing, bidang sastera dilihat tidak dianaktirikan. Bidang pendidikan sastera sentiasa berusaha untuk mengecapi kesamarataan dengan bidang sains dan teknologi dengan mengaplikasikan pelbagai kaedah serta inisiatif untuk terus berkembang dan dimartabatkan oleh masyarakat khususnya pelajar dan graduan.

Menurut pendapat informan yang dipilih juga majoritinya memberikan maklum balas bahawa bidang sastera berkembang selaras dengan kemajuan modenisasi. Hal ini demikian, di saat bidang sains dan teknologi diutamakan untuk kemajuan negara, bidang sastera amat diperlukan untuk memastikan pembentukan modal insan yang

berdisiplin, berbudi bahasa dan berintegriti terutamanya untuk memenuhi keperluan dan kehendak pasaran kerjaya oleh pihak majikan. Tambahan lagi, kepesatan modenisasi kini yang sedikit sebanyak mencuri perhatian golongan masyarakat khususnya para remaja agak membimbangkan akibat pengaruh teknologi moden seperti penggunaan media massa, aplikasi baharu seperti *TikTok* serta aplikasi yang berkaitan. Pempengaruhian oleh teknologi moden ini bukan sahaja memberi impak yang positif terhadap kemajuan negara malah, ia turut memberikan kesan yang negatif terutamanya kepada perkembangan sahsiah insani. Oleh hal yang demikian, bidang sastera yang sedia diketahui umum kaya dengan nilai-nilai murni mampu menjadi sandaran utama terhadap pembentukan keperibadian yang unggul dalam kalangan masyarakat.

Kesinambungan itu, dunia kerjaya masa kini turut menitik beratkan nilai kesopanan dan budi bahasa yang diaplikasikan oleh modal insan sama ada bekerja dalam bidang sastera mahupun bidang lain. Keperibadian yang unggul ini mampu dibentuk melalui pendidikan sastera yang dipelajari pada peringkat sekolah atau di institusi pengajian tinggi. Tambahan lagi, menerusi perkembangan modenisasi kini yang banyak menerima pempengaruh dari dunia luar sekali gus menjadikan pendidikan sastera perlu dititikberatkan untuk memastikan kemenjadian peribadi yang unggul dalam kalangan masyarakat khususnya graduan yang bakal menceburkan diri dalam dunia kerjaya pada masa akan datang.

Jika dilihat dari sudut yang berbeza, pengkhususan kerjaya dalam bidang sastera ini dilihat agak kurang dalam pasaran kerjaya. Hal ini demikian, kerjaya yang ditawarkan atau diiklankan oleh pihak majikan sedikit terikat dengan kumpulan kerja

tertentu seperti profesion sebagai guru, penulis, pensyarah atau penerbit karya-karya seni. Hal ini telah menjadi satu punca utama yang menjadikan pemikiran negatif masyarakat terhadap kerjaya dalam bidang sastera yang agak merisaukan. Perkara ini turut dipengaruhi oleh keperluan ekonomi negara yang memaksa graduan untuk mencari ruang-ruang kerjaya demi meneruskan kelangsungan hidup. Oleh hal yang demikian, kajian ini menghuraikan beberapa inisiatif yang dibincangkan bersama informan iaitu graduan daripada bidang sastera perlu untuk bertindak dengan lebih proaktif dalam mencipta peluang kerjaya sendiri dan dalam masa yang sama, graduan masih mengetengahkan bidang sastera dalam kerjaya yang dikecapi. Hal ini demikian, peluang kerjaya yang dilihat memiliki tahap persaingan yang tinggi terutamanya dalam dunia modenisasi kini sekali gus memberi impak terhadap peratusan pengangguran dalam kalangan graduan khususnya daripada bidang sains sosial dan sastera. Walau bagaimanapun, peluang kerjaya mampu untuk dicipta oleh graduan khususnya dalam bidang sastera seperti menghasilkan penulisan dalam memanfaatkan kepelbagaian teknologi atau menghidupkan karya-karya sastera seperti mengadakan seni teater berbayar kepada syarikat-syarikat besar terutamanya syarikat yang memfokuskan terhadap sains dan teknologi seterusnya mengatasi isu pengangguran. Situasi ini sekali gus mampu mencipta peluang kerjaya graduan yang selaras dengan bidang yang telah diceburi pada peringkat universiti sekali gus mampu untuk memartabatkan bidang sastera dalam perkembangan modenisasi.

Di samping itu, untuk merealisasikan bidang sastera agar tidak tenggelam dalam perkembangan modenisasi kini, pengkaji juga memfokuskan terhadap pemupukan sikap minat dalam kalangan pelajar seterusnya memartabatkan bidang sastera menerusi kerjaya pada masa akan datang. Oleh hal yang demikian, kajian oleh

pengkaji mendapati bahawa, untuk memupuk sikap minat dalam kalangan pelajar mengenai bidang sastera ini adalah perlunya penanaman dan pendedahan awal sedari kecil kepada mereka seterusnya melahirkan pelajar yang yakin dan minat terhadap bidang sastera. Perkara ini turut memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan bidang sastera pada masa akan datang.

Lanjutan itu, untuk memastikan pelajar mampu untuk memartabatkan bidang sastera dalam cabaran modenisasi serta mampu untuk bersaing dalam pasaran kerjaya, pelajar perlu untuk memilih bidang yang sesuai dengan kehendak dan minat dalam diri. Dalam konteks pemilihan terhadap bidang pendidikan sastera, sudah tentu pelajar itu perlu untuk memiliki rasa cinta yang mendalam terhadap bidang sastera. Dengan hal yang demikian, Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) bukan sahaja menekankan terhadap prospek pemilihan kerjaya terhadap graduan, malah ia turut mengetengahkan terhadap sikap minat dan kecenderungan pelajar yang mempengaruhi terhadap pemilihan bidang atau jurusan di sekolah dan pada peringkat institusi pengajian tinggi seterusnya membantu graduan untuk mencari atau memenuhi peluang kerjaya. Hal ini diketengahkan dalam kajian oleh pengkaji iaitu rasa minat mempengaruhi pilihan pelajar untuk menceburi bidang-bidang tertentu seterusnya menjadi batu loncatan kepada mereka dalam memilih prospek kerjaya pada masa akan datang. Menerusi dunia milenium pada masa kini, pemilihan terhadap jurusan pada peringkat universiti amat penting kepada pelajar agar kerjaya yang mereka akan ceburi dapat mempraktikkan dan kemahiran yang sedia ada. Pelajar juga mampu untuk meluaskan pengetahuan tersebut seperti memperkenalkan dan meluaskan bidang sastera dalam cabaran modenisasi kini. Oleh itu, Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) menjadi salah satu inisiatif yang penting dan perlu

diambil cakna oleh pihak yang bertanggungjawab sama ada pihak kerajaan, pihak sekolah, dan pihak universiti untuk memastikan bidang sastera terus hidup dengan subur dalam diri pelajar.

Seterusnya, Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) mempunyai enam aspek personaliti yang terangkum dalam teori. Walau bagaimanapun, pengkaji mengaplikasikan empat daripada enam aspek personaliti tersebut yang terdiri daripada aspek personaliti artistik, sosial, daya usaha dan konvensional. Hal ini kerana, keempat-empat aspek tersebut sangat berhubungkait dengan kajian oleh pengkaji yang menjadikannya sesuai dan relevan untuk menghuraikan analisis data dalam kajian. Secara ringkasnya, aspek personaliti artistik merupakan konsep yang menentengahkan terhadap kemahiran dan kreativiti seorang individu dalam penciptaan karya-karya seni yang sekali gus memperlihatkan hubungkait antara personaliti seseorang dan faktor pemilihan bidang serta kerjaya. Aspek personaliti sosial pula memfokuskan terhadap tahap sosial seseorang akan mempengaruhi corak pemikiran, pembuatan keputusan serta minat khususnya untuk memilih bidang yang diceburi. Manakala, personaliti daya usaha pula menyentuh kepada personaliti seseorang individu yang mahir untuk berkomunikasi, berbicara ataupun memanipulasikan individu lain. Personaliti daya usaha ini sangat berkait rapat dengan bidang sastera iaitu amat memerlukan seseorang yang mahir berkata-kata. Aspek personaliti yang terakhir adalah konvensional iaitu seseorang yang gemar untuk bersosial dan mencipta sesuatu yang sistematik dengan disiplin yang tinggi. Perkara ini merupakan pengaruh yang mampu untuk menilai personaliti seseorang dalam pemilihan bidang dan kerjaya. Menerusi kajian oleh pengkaji, keempat-empat aspek tersebut berjaya dihubungkan dengan kajian sekali gus mencapai suatu solusi



dalam kajian. Pengkaji mendapati bahawa, pembuatan keputusan dalam pemilihan bidang di universiti dan kerjaya selepas menamatkan pengajian oleh graduan dipengaruhi oleh sikap minat, usaha, persepsi masyarakat atau sekeliling serta kecenderungan yang tinggi terhadap bidang yang dipilih sekali gus melahirkan seorang modal insan yang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang pekerja yang berintegriti.

### **5.3 Implikasi Kajian**

Pandangan masyarakat terhadap bidang pendidikan sastera dan kerjaya yang ditawarkan kepada graduan amat membimbangkan kerana pemikiran negatif sering dilontarkan dan dibincangkan berbanding menilai terhadap kepentingan atau peranan bidang ini dalam membentuk sebuah masyarakat yang harmoni. Telah diketahui umum bahawa, bidang sastera merupakan salah satu bidang yang mampu untuk melahirkan sebuah modal insan yang berdisiplin dan berkaliber terutamanya graduan yang bakal menjadi seorang bekerjaya pada masa akan datang. Tambahan lagi, bidang sastera ini perlu untuk dikembang luaskan melalui kesinambungan yang dibentuk oleh graduan universiti khususnya, melalui bidang kerjaya yang mereka ceburi. Dalam erti kata yang lain, graduan daripada bidang sastera perlu berusaha untuk mengekalkan dan menghidupkan bidang sastera dalam dunia modenisasi kini. Malah, bidang sastera turut menyumbang kepada pemartaban identiti bangsa Melayu di mata dunia. Oleh itu, melalui kajian ini, isu-isu berkaitan mampu untuk dirungkaikan walaupun dalam gelombang yang kecil sahaja. Hal ini demikian, penilaian negatif daripada segelintir kumpulan masyarakat mampu untuk diubah kepada pemikiran yang positif terhadap bidang sastera dan kerjaya.

Kajian ini mengetengahkan kepada kepentingan dan nilai bidang sastera kepada negara sekali gus memberi keyakinan terhadap kebolehpasaran graduan daripada bidang ini untuk memenuhi ruang-ruang kerjaya selepas tamat pengajian. Sememangnya persaingan dalam dunia kerjaya masa kini adalah sangat sengit dalam kalangan graduan, malah isu pengangguran juga ibarat masih segar untuk dibahaskan. Walau bagaimanapun, graduan perlu bijak mengorak langkah dan mengambil inisiatif yang cakna terhadap isu semasa untuk mengatasinya dengan lebih bersedia. Sebagai contoh, graduan daripada bidang sastera yang kurang bertuah untuk mendapatkan peluang kerjaya yang selaras dengan bidang perlu untuk mencuba bidang kerjaya yang lain namun masih mampu untuk mempraktikkan nilai-nilai sastera dan kreativiti dalam pekerjaan. Ataupun, graduan perlu mencipta peluang kerjaya sendiri yang selaras dengan bidang. Hal ini bukan sahaja mampu untuk memartabatkan bidang sastera malah persepsi negatif yang dilontarkan oleh sebahagian kecil kumpulan masyarakat dapat dibersihkan dengan langkah yang positif.

Selain itu, kajian ini turut membuka mata masyarakat umum untuk tidak mengetepikan bidang sastera dan menganggap bidang ini adalah bidang yang membosankan dan lapuk dalam dunia modenisasi kini. Hal ini demikian, selaras dengan perkembangan teknologi, bidang sastera tidak ketinggalan untuk sama-sama maju ke hadapan dengan bidang-bidang yang lain. Perkara ini dapat dilihat melalui beberapa inisiatif yang telah diambil oleh pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan bidang sastera masih berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bidang lain khususnya bidang sains dan teknologi. Pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah atau pada peringkat universiti turut

membuktikan bahawa bidang sastera mampu untuk berkembang selaras dengan perkembangan modenisasi tanpa mengubah atau mencemarkan keunikan dan keasliannya. Tambahan lagi, walaupun perkembangan modenisasi kini banyak menyumbang cabaran terhadap bidang sastera, tidak dinafikan sisi positif juga turut menyumbang terhadap kesinambungan bidang ini kepada generasi akan datang. Namun, pihak yang bertanggungjawab perlu cakna dan memastikan bidang sastera kekal relevan pada masa akan datang dengan memberi tumpuan kepada generasi muda untuk dididik dan dipupuk sedari awal mengenai sastera. Hal ini juga perlu diambil berat oleh sesetengah pihak untuk memastikan generasi masa kini mendalami nilai-nilai moral dan kesopanan melalui pendidikan sastera sekali gus melahirkan generasi yang cukup cakna dan tidak memandang sebelah mata terhadap bidang sastera.

Seterusnya, faktor pemilihan terhadap prospek kerjaya dipengaruhi oleh sikap seseorang individu yang cenderung dan meminati sesebuah bidang tersebut. Malah, pembuatan keputusan terhadap pemilihan kerjaya adalah amat penting untuk memastikan pekerja menghayati bidang kerjayanya. Oleh itu, semua pihak khususnya pihak kerajaan perlu untuk menyediakan banyak lagi dasar bagi memastikan graduan universiti berpeluang untuk bekerja selaras dengan bidang. Pihak majikan juga perlu cakna untuk memastikan ruang kerjaya dipenuhi oleh kelayakan graduan. Tambahan lagi, graduan juga perlu untuk bijak mencipta peluang kerjaya sebagai langkah tambahan sekiranya tidak mendapat peluang untuk bekerja dalam kerjaya yang sedia ada. Dengan demikian, perkara yang perlu diberi keutamaan adalah untuk memastikan tanggapan negatif oleh sesetengah kumpulan masyarakat terhadap bidang sastera dapat dibersihkan melalui inisiatif yang telah diambil atau bakal

dilaksanakan untuk memastikan bidang sastera kekal relevan pada masa akan datang sekali gus menghidupkan bidang ini dalam aspek kerjaya graduan.

#### **5.4 Cadangan Daripada Hasil Kajian**

Berdasarkan analisis dan hasil perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini, pengkaji cenderung untuk menengahkan empat cadangan yang difikirkan agak relevan untuk diaplikasikan kepada kumpulan-kumpulan tertentu pada masa akan datang. Hal ini demikian, bidang pendidikan sastera adalah amat penting kepada kemajuan negara yang dipupuk melalui bidang kerjaya yang diceburi oleh graduan. Malah, pembentukan peribadi yang unggul juga ditanamkan dalam diri pelajar melalui pendidikan sastera yang dipilih untuk diceburi melalui kaedah pengamatan terhadap kecenderungan dan minat yang ditonjolkan oleh pelajar seterusnya menjadi tunjang utama dalam memastikan bidang sastera berkembang selaras dengan modenisasi. Oleh hal yang demikian, empat cadangan yang bertepatan dan sesuai untuk dihuraikan melalui kajian ini adalah seperti yang berikut.

##### **5.4.1 Bidang Pendidikan Sastera Sebagai Pembentukan Nilai-nilai Moral dalam Kalangan Masyarakat**

Bidang sastera telah diketahui umum kaya dengan nilai-nilai murni yang dicerminkan melalui karya-karya sastera sama ada dalam penulisan ataupun lisan. Dengan demikian, pembentukan modal insan yang berbudi dan memiliki sikap yang positif mampu dibentuk melalui penghayatan terhadap bidang pendidikan sastera daripada kalangan pelajar di sekolah mahupun pada peringkat universiti. Masyarakat yang memiliki sikap positif secara langsung akan memberikan kesan yang sama terhadap kehidupannya. Kita turut sedia maklum bahawa negara Malaysia merupakan negara yang berbilang kaum dengan kepelbagaian latar

belakang budaya, adat resam, kepercayaan dan agama. Perbezaan yang wujud ini sering kali menimbulkan beberapa kesalahfahaman di antara kaum akibat segelintir kumpulan masyarakat yang kurang memupuk nilai-nilai moral dalam diri. Justeru, pendidikan sastera merupakan salah satu cabang yang mampu untuk membentuk seseorang individu atau kumpulan masyarakat yang mempraktikkan nilai-nilai moral dan hormat-menghormati di antara satu sama lain sekali gus membentuk sebuah negara yang harmoni.

Jika dilihat dengan lebih mendalam, pembentukan modal insan yang berintegriti juga dapat dibentuk melalui pendidikan sastera. Keperluan tenaga buruh atau pekerja dalam negara yang semakin mendesak turut memberi impak terhadap sumber tenaga buruh yang mempunyai nilai-nilai integriti dan berkaliber. Dengan demikian, untuk membentuk sebuah modal insan ini, pendidikan sastera dijadikan platform utama sebagai langkah awal yang perlu dipraktikkan kepada seseorang individu sejak kanak-kanak. Pembentukan yang lebih awal mudah untuk mencorakkan personaliti individu untuk menjadi yang lebih baik atau sebaliknya. Pendidikan sastera perlu ditanam di dalam diri setiap individu melalui pembelajaran di sekolah rendah ataupun menekankan terhadap subjek sastera di sekolah menengah mahupun pada peringkat institusi pengajian tinggi.

#### **5.4.2 Program yang Berfungsi untuk Memartabatkan Bidang Pendidikan Sastera dan Kerjaya**

Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa bidang pendidikan sastera agak kurang mendapat perhatian daripada masyarakat akibat kedangkalan ilmu

terhadap kepentingan bidang ini kepada sejagat. Hal ini demikian, bidang sains dan teknologi sering mencuri tumpuan masyarakat kerana sering kali dipromosikan atau diiklankan melalui media sosial. Malah, bidang sains dan teknologi juga hampir memenuhi keperluan terkini manusia berbanding dengan bidang sastera yang dianggap hanya sebagai sebuah mata pelajaran yang dipelajari di sekolah. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan dan pihak yang terlibat telah berusaha sehabis baik untuk memastikan bidang sastera terus memenuhi keperluan serta selaras dengan perkembangan modenisasi. Namun hal yang demikian, pihak kerajaan perlu untuk mencipta pelbagai lagi program untuk menarik tumpuan golongan masyarakat terutamanya generasi muda untuk mencintai seterusnya memartabatkan bidang sastera. Sebagai contoh, menerusi kajian oleh pengkaji ada menyatakan bahawa bidang sastera merupakan bidang yang terus maju dalam ledakan teknologi namun, sesetengah pihak kurang memberikan tumpuan terhadap bidang ini untuk diuar-uarkan kepada kumpulan masyarakat. Sememangnya beberapa pihak telah mengambil langkah yang proaktif untuk memastikan bidang sastera kekal relevan namun, dikhuatiri bahawa pendedahan terhadap bidang sains dan teknologi diberikan tumpuan lebih yang secara tidak langsung menyebabkan bidang sastera agak sedikit ketinggalan di belakang.

Selain itu, masyarakat perlu bergiat aktif untuk menyertai program-program sastera yang ditawarkan oleh pihak kerajaan atau bukan kerajaan. Hal ini demikian, pihak yang berwajib telah banyak mengadakan program berkaitan dengan bidang sastera seperti program penulisan kreatif, penulisan karya prosa tradisional dan prosa moden. Penglibatan yang aktif oleh kumpulan masyarakat

akan memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan bidang sastera terutamanya pendedahan yang lebih meluas kepada kanak-kanak. Hal ini demikian, golongan masyarakat yang terdiri daripada kumpulan keluarga yang bergiat aktif untuk melibatkan diri dalam program sastera secara tidak langsung akan memberi pendedahan serta galakan kepada anak-anak untuk mendalami bidang ini. Justeru, situasi ini akan memupuk minat dan pengetahuan mengenai bidang sastera sekali gus meningkatkan kecenderungan pelajar untuk mempelajari dan memartabatkan bidang sastera dan kerjaya.

#### **5.4.3 Dasar untuk Memastikan Peluang Kerjaya Selaras dengan Bidang yang Diceburi oleh Pelajar**

Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa majoriti graduan yang menceburi sesuatu bidang di universiti telah bekerja luar daripada bidang. Hal ini turut dipengaruhi oleh faktor ekonomi negara yang memaksa setiap individu untuk bekerja dan menyara kehidupan masing-masing. Walau bagaimanapun, kerjaya di luar bidang pada masa kini telah menjadi fenomena yang biasa akibat tanggapan sesetengah individu yang beranggapan bahawa kerjaya dalam semua bidang perlu untuk diceburi walaupun ianya luar dari bidang. Sememangnya perkara ini mempunyai kesan yang positif dan negatif terhadap semua aspek. Pengalaman bekerja dalam beberapa bidang akan membentuk seseorang untuk lebih matang, berfikiran rasional dan lebih terbuka serta meningkatkan sifat empati di dalam diri. Namun, perkara ini akan memberi kesan terhadap bidang sastera khususnya yang dilihat agak tenggelam dalam dunia kerjaya. Graduan daripada bidang sastera yang bekerja luar daripada bidang akan mencetuskan isu-isu kekurangan peluang kerjaya dalam bidang ini malah turut memberikan tanggapan yang sama kepada masyarakat. Perkara ini turut memberi kesan

terhadap kemartabatan bidang sastera pada masa akan datang. Hal ini demikian, sekiranya bidang sastera tidak dimartabatkan, diperluaskan dan diteruskan oleh graduan yang telah menceburi bidang ini, maka agak sukarlah untuk mencapai status negara yang maju dalam semua aspek. Oleh hal yang demikian, pihak industri atau majikan perlu untuk bertindak menyediakan inisiatif bagi memastikan graduan bekerja selaras dengan bidang khususnya bidang sastera. Perkara ini perlu disokong oleh pihak kerajaan untuk mencipta dasar atau rancangan jangka panjang yang berkaitan dengan penempatan graduan yang bekerja dalam bidang. Selain itu, pihak kerajaan juga perlu menyediakan jurusan atau bidang di universiti yang menjamin kerjaya di luar dengan kerjasama pihak majikan untuk menyediakan pula peluang-peluang kerjaya pada masa akan datang.

Kesinambungan itu, faktor pemilihan jurusan di universiti adalah turut dipengaruhi peluang kerjaya yang ditawarkan di luar selepas pelajar berjaya menamatkan pengajian. Sememangnya ilmu yang dipupuk dan dihayati sepanjang pengajian akan memberikan manfaat dalam kehidupan seseorang, namun demikian, pemilihan kerjaya yang selaras dengan bidang juga amat penting demi memperluaskan lagi pengetahuan dan kemahiran yang dipraktikkan oleh pelajar yang bakal bekerja pada masa akan datang. Bidang sastera khususnya adalah bidang yang dilihat semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat akibat bidang kerjaya yang diceburi oleh graduan adalah tidak selaras yang sekali gus menimbulkan isu-isu negatif terhadap bidang ini. Oleh itu, pihak universiti dan pihak kerajaan perlu cakna untuk mengatasi situasi ini



seterusnya mengambil langkah yang proaktif dan drastik demi kebaikan semua pihak.

#### **5.4.4 Meluaskan Penyelidikan Akan Datang**

Menerusi kajian ini didapati bahawa, bidang pendidikan sastera merupakan satu bidang yang terus berkembang seiring dengan dunia modenisasi. Walaupun wujud beberapa persoalan terhadap bidang ini, sastera adalah tetap relevan dan kekal relevan untuk dipraktikkan dan didalami melalui pembelajaran oleh semua golongan masyarakat terutamanya pelajar pada peringkat institusi pengajian tinggi. Hal ini demikian, penghayatan yang menyeluruh terhadap bidang sastera mampu untuk meluaskan lagi penyelidikan mengenai bidang ini pada masa akan datang. Sebagai contoh, kajian oleh pengkaji yang mengetengahkan tentang isu cabaran modenisasi yang memberi impak terhadap bidang pendidikan sastera dan kerjaya dalam kalangan graduan. Kajian ini membuka simpul-simpul yang merangkul di dalam minda masyarakat khususnya para pelajar untuk sentiasa cakna dan mengambil langkah yang drastik dalam menangani perkembangan modenisasi semasa demi memartabatkan pendidikan sastera. Dengan demikian, melalui kajian ini mampu untuk membuka peluang kepada penyelidikan akan datang untuk melakukan pengkajian yang lebih mendalam terhadap isu-isu yang berkaitan.

Selain itu, bidang pendidikan sastera dilihat tidaklah ketinggalan dalam dunia modenisasi kini. Namun demikian, pemikiran daripada sesetengah kumpulan masyarakat agak sukar untuk dikawal dan dibendung. Walau bagaimanapun, melalui pengkajian yang lebih meluas pada masa akan datang

mengenai isu-isu yang berkaitan dengan bidang sastera, sudah tentu akan membantu membuka minda sesetengah kumpulan individu walaupun dalam skala yang kecil. Melalui pengkajian yang lebih mendalam dan berkualiti, pemikiran dan tanggapan oleh seseorang individu mampu untuk diubah ke arah yang lebih positif sekali gus melahirkan golongan-golongan yang profesional dan sentiasa berjuang untuk memartabatkan bidang pendidikan sastera dan kerjaya pada masa akan datang.

## **5.5 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dunia modenisasi kini sememangnya berkembang akibat kebijaksanaan manusia untuk sentiasa memastikan keperluan dan kehendak dapat dicapai dengan lebih mudah dan pantas. Tidak ketinggalan terhadap bidang pendidikan sastera yang berkembang seiring dengan perkembangan modenisasi dalam memanfaatkan aplikasi-aplikasi terkini demi memastikan kemartabatan dan kerelevanan bidang ini terus mendapat tempat dalam hati masyarakat sejagat. Dengan demikian, untuk memastikan bidang ini terus berkembang, semua pihak perlu untuk memainkan peranan atau mencipta perancangan jangka panjang terutamanya daripada pelajar dan graduan sastera. Para pelajar perlu untuk menghayati dan mendalami bidang sastera seterusnya memperjuangkan bidang ini agar tidak lapuk dek zaman. Manakala, graduan pula perlu cakna dalam memenuhi peluang kerjaya yang selaras dengan bidang yang telah diceburi di universiti. Namun demikian, kita sudah sedia maklum bahawa bidang kerjaya merupakan suatu pilihan yang dibentuk oleh setiap graduan. Oleh itu, graduan perlu untuk sentiasa mempraktikkan dan meluaskan bidang yang telah diceburi di universiti walaupun bekerja di luar bidang pada masa akan datang. Pihak yang bertanggungjawab juga dititikberatkan untuk

mengambil langkah yang drastik demi memastikan bidang pendidikan sastera dan peluang kerjaya dalam bidang ini terus diketengahkan sekali gus membuang tanggapan negatif dalam kalangan masyarakat dan seterusnya memartabatkan bidang pendidikan sastera. Pengkaji juga berharap agar kajian ini mampu memberikan manfaat kepada pelajar, masyarakat, pihak berwajib dan penyelidikan akan datang khususnya agar lebih banyak lagi kajian mengenai bidang sastera pada masa akan datang.



## RUJUKAN

- Abdullah Fadli & Md Sidin Ahmad Ishak. (2016). Kesan perkembangan teknologi terhadap industri penerbitan buku di Malaysia: The impact of technology toward publishing industry in Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 18(2), 71-86.
- Ahmad Che Yaacob & Abdul Halim Ramli. (2004). Teori pemilihan kerjaya dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. *Jurnal Akademik UiTM Cawangan Johor*, 4(1), 37-54.
- Ahmad Rizal Madar, Malyia Afzan Abd Aziz, Abdul Rasid Abd. Razzaq, Mohd Zaid Mustafa & Yahya Buntat. (2008). Kemahiran *employability* bagi memenuhi keperluan industri. *Prosiding SKIKS*, 8, 385-392.
- Ahmad Shahrudin, Noraziah Ali & Mohd Fauzi Hamzah. (2011). Kebolehpasaran graduan UKM: Satu kajian perbandingan antara graduan disiplin sains dengan bukan sains. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14, 81-90.
- Alhabshi Syed Othman, Hasnan Hakim & Penolong Pengurus dan Hal Ehwal Korporat. (2001). *Dasar dan pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan*. Dibentangkan di Kongres Pendidikan Melayu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.
- Ani Haji Omar. (2014). Pendidikan sastera remaja di Malaysia dalam membina generasi unggul berasaskan Falsafah Pendidikan Negara: Youth literature education in Malaysia in building a generation of excellence based on Country Education Philosophy. *PENDETA: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 5, 1-22.
- Ashfiya Nabila Arrasuli. (2022). Teori Holland untuk membantu pemilihan jurusan pada siswa SMK. *Education & Learning*, 2(2), 88-91.
- Atan Long. (1984). *Pembentukan pemikiran kanak-kanak melalui pembacaan. Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brody, E. W. 1990. *Communication tomorrow: New audiences, new technologies, new media*. New York: Praeger.
- Callinicos, A. (2008). *Menolak postmodernisme*. Yogyakarta: Resist Book.
- Chew Fong Peng, Marzan Arshad, Zahari Ishak, Loh Sau Cheong & The Ying Wah. (2006). Pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak: Isu dan masalah. *Masalah Pendidikan*, 31(1), 77-89.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. (Thousand Oaks, Ed.) (3rd ed.). Sage Publications.

- Creswell, J., & Clark, P. (2011). *Designing and conducting mixed methods research* (2nd edition). Sage Publications, Inc.
- Dewan Bahasa dan pustaka. (1996). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dunphy, S. M., Herbig, P. (1994). Comparison of innovative capabilities among the Anglo-American countries: The case for structural influences on innovation. *Management Decision*. 32(8): 50-56.
- Erfan Ramadhani, Ana Tul Jannah & Ramtia Darma Putri. (2020). Analysis of Holland theory career guidance in student career planning. *Enlighten: Jurnal Bimbingan Konseling Islam*, 3(1), 19-25.
- Ermy Azziaty Rozali. (2010). Jalan keselamatan bagi orang-orang Melayu: Pemikiran Za'ba bagi memajukan pendidikan dan ekonomi pada tahun 1920-an. *Sejarah: Journal of the Department of History*, 18(18), 20-34.
- Fahmi Azril Rosli. (2021, September 21). *Peluang Kerja Terhadap Punca Graduan Menganggur*. Berita Harian Online.
- Farhan Farhan & Megaiswari Biran. (2022). Perspektif teori Holland dalam pemilihan karir siswa SMA di era teknologi informasi. *Jurnal Education: Jurnal Pendidikan Indonesia*, 8(1), 9-13.
- Gregory, J. R. (2011). *Psychological testing: History, principles and applications (6<sup>th</sup>Ed.)*. United States: Pearson Education.
- Halimah Mohamed Ali & Mohamad Luthfi Abdul Rahman. (2014). *Sastera dalam budaya dan media*. Penerbit USM.
- Hashim Awang. (1985). *Glosari mini kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hashim Ismail. (2017). Sastera Nasional: Antara Sastera Inggeris dan Sastera Melayu. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 2(2), 178-187.
- Hesmondhalgh, D. (2013). *The cultural industries (3rd ed)*. London: SAGE.
- Ijlal Saja, Maheram Ahmad & Suhaila Zailani. (2018). Tinjauan literatur penterjemahan karya Sastera Arab dan Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(1), 21-32.
- Ikhwanuddin Nasution. (2014). Modenisasi dan postmodenisasi dalam sastera Indonesia. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 2(1), 84-95.

- Indah Etika Putri, A Muri Yusuf & Afdal Afdal. (2021). Perspektif teori Holland dalam pemilihan karir siswa. *Edukatif: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 3(4), 1669-1675.
- Ishak Yussof & Rahmah Ismail. (2012). Analisis perbandingan persepsi majikan sektor awam dan swasta terhadap prestasi graduan UKM. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(2), 85-92.
- Ishak Yussof, Rahmah Ismail & Robiah Sidin. (2008). Graduan dan alam pekerjaan: Kes siswazah UKM. *Akademika*, 72(2008), 3-24.
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). Perspektif Wawasan 2020.
- Jasmani Asf & Syaiful Mustofa. (2013). *Supervisi pendidikan: Terobosan baru dalam peningkatan kinerja pengawas sekolah dan guru*. Jogjakarta: Ar-Ruzz Media.
- Jeneri Amir. (1988). *Strategi penggunaan bahan sastera Bahasa Malaysia KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamarudin, Tengku Intan Marlina Mohd Ali & Mawar Safei. (2016). *Takmilah, Semiotik dan Intertekstualiti dalam karya sastera Melayu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). *Huraian sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Küing, L. (2008). *Strategic management in the media: Theory to practice*. London: Sage Publications Ltd.
- Lailawati Madlan, Abdul Adib Asnawi, Bee Seok Chua, Ferlis Bullare, Jasmine Adela Mutang & Rosnah Ismail. (2018). Kecerdasan emosi sosial kemahiran penyesuaian diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah (The social emotional intelligence of adaptability skills among secondary school students). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(1), 47-57.
- Madiawati Mamat, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Nurhamizah Hashim & Nur Asyirah Hazari. (2021). Buku audio sastera sebagai alternatif pembacaan karya sastera dalam era digital. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(1), 15-28.
- Maharam Mamat, Dayana Daiman, Rahani Mohd Musa, Nur Athirah Irham, Wong Kok Mun & Yong Voon Yau. (2019). Kebolehpkerjaan graduan Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat, Selangor. Malim: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (Sea Journal of General Studies)*, 20, 46-63.
- Malaysia, K. P. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

- Mana Sikana. (2015). *Penulisan akademik sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manaf, A. (2020). Pemikiran Ibnu Khaldun tentang pendidikan dan relevansinya dengan pendidikan dunia. As-salam. *Jurnal Studi Hukum Islam & Pendidikan*, 9(1), 1-16.
- Manonmani Devi, M. A. R. Annamalai & Saravanan P. Veeramuthu. (2020). Literature education and Industrial Revolution 4.0. *Universal Journal of Educational Research*, 8(3), 1027-1036.
- Mastura Abdul Razak, Rozita Radhiah Said & Fathiyah Mohd Fakhrudin. (2021). Analisis penulisan objektif menggunakan konsep “smart” dalam Rancangan Pelajaran Harian Bakal Guru BPBM bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 7(2), 1-12.
- Mawar Safei. (nd). Kesusasteraan Melayu dalam era generasi Z: Suatu Wacana.
- Mohamad Rafizi Taha, Mimi Mohaffyzah Mohamad, Tee Tze Kiong, Yee Mei Heong & Adnan Ahmad. (2022). Tret personaliti dan faktor pemilihan kategori pekerjaan dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 7(1), 61-74.
- Mohamed Amin Embi. (2016). *Pemikiran dan reka bentuk semula pengajaran dan pembelajaran abad ke-21*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Mehedi Hassan. (2007). Penilai Ke Arah Memartabatkan Kembali Kertas Kesusasteraan Melayu STPM. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Kesusasteraan Melayu. Universiti Malaya.
- Mohammad Quayum. (2008). Interrogating Malaysian literature in English: Its glories, sorrows and thematic trends. *Kunapipi*, 30(1), 149-168.
- Mohd Fadil Mohd Yusof & Jasmine Zea Raziah Radha. (2010). Kerjaya dalam sektor hospitaliti: Sikap dan persepsi pelajar IPT.
- Mohd Izwan Mahmud, Peng Kee Chang, Zalinda Othman & Salleh Amat. (2020). Career self-efficacy among undergraduate student in a Public University. *Akademika*, 90(3), 167-175.
- Mohd Nazri Zainuddin. (2021). Sumbangan Bukhari Lubis dalam bidang Jawi dan Khat: Pedoman kepada pemimpin sekolah dan pendidik menjadi pemimpin berkualiti. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18(2), 74-91.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020). Sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan Sastera Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 111-130.

- Molina Nijhar. (1984). *Apakah sastera kanak-kanak buku bergambar. Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2003). Penulis Malaysia di Pentas Antarabangsa. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pengantarabangsaan Sastera Melayu, Pulau Pinang, Malaysia.
- Muhammad Harmidi Harahap. (2022). Ketokohan Syekh Jamaluddin Al-Qasimi (1282H-1332 H) dalam bidang pendidikan. *Khazanah: Journal of Islamic Studies*, 1(1), 55-65.
- Muhammad Hazrul Ismail. (2012). Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia: Tinjauan dari perspektif majikan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII*, 2, 906-903.
- Muzarina Juhari, Ku Suhaila Ku Johari & Mohd Izwan Mahmud. (2019). Kecerdasan pelbagai dan minat kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. In Simposium Antar Bangsa Seminar dan Workshop (SABSW). *Social Sciences, Education and Humanities (GCSSEH)*, 1, 133-141.
- Noor Ainulyakin Ishak. (2015, Disember 20). *Ciri-ciri sastera murni mesti dikekalkan*. Sinar Online.
- Nooraini Othman. (2011). Ciri-ciri pekerja cemerlang mengikut persepsi majikan dan berasaskan analisis perspektif Islam. *Journal of Edupress*, 1, 342-349.
- Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun. (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Education (0126-6020)*, 35(1).
- Norhani Bakri & Rugayah Mohamed. (2008). Keunggulan budaya teknologi dalam memacu kemajuan bangsa. *Jurnal Kemanusiaan*, 6(1), 181-195.
- Norhaslina Hassan, Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Mardiana Nordin. (2005). *Pengangguran dan kepasaran siswazah Fakulti Sastera dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.
- Norsimah Dasan, Norkiah Arsat & Mohd Mahadzir Rahimi Mohamed Nawi. (2022). The demographic analysis on self-regulation among Malaysian university students during the Covid-19 pandemic. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), 1-11.
- Norzaliza Ghazali & Fatinah Zainon. (2017). Gagasan Pendidikan Aminuddin Baki dalam perjuangan GPMS. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 841-848.



- Nursafira Ahmad Safian & Mohammad A. Quayum. (2019). Malaysian Literature and its future: An interview with Muhammad Haji Salleh. *Asiatic: IIUM Journal of English Language and Literature*, 13(1), 119-141.
- Nurshuhadah Zuhaidi & Firuz Akhtar Lubis. (2021). Hamka: Tokoh ulama Nusantara. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 74-82.
- Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (2011-2015).
- Poster, M. (1995). *The second media age*. Cambridge: Polity Press.
- Rahmah Ismail, Ishak Yussof & Lai Wei Sieng. (2011). Employers' perceptions on graduates in Malaysian services sector. *International Business Management*, 5(3), 184-193.
- Razali Hassan, Haliza Awang, Badaruddin Ibrahim & Siti Hajar Zakariah. (2013). Memacu pelan transformasi pendidikan: Peranan IPTA dalam membantu meningkatkan kuantiti dan kualiti Pendidikan Aliran Sains dan Teknikal di Malaysia. *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn*, 1-17.
- Robbi Asri, A Muri Yusuf & Afdal Afdal. (2021). Peningkatan kematangan karir siswa dengan Teori Holland. *Schouldid: Indonesian Journal of School Counseling*, 6(2), 121-132.
- Roslan Chin & Mohd Faiz Hilmi. (2022). Kemenjadian Abdullah Munsyi sebagai Tokoh Bahasa, Sasterawan dan Kewartawanan. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(2), 44-53.
- Saemah Rahman, Noriah Mohd Ishak, Zurria Mahmud & Ruslin Amir. (2008). Indeks dan profil kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah. *Jurnal Teknologi*, 48, 187-202.
- Salmah Ayob. (1981). Sastera untuk kanak-kanak: Fungsi dan implikasinya. *Pendidik dan Pendidikan*, 3(1), 73-82.
- SB, Uthaya Sankar & Krishanan Maniam. (2019). Sumbangan penulis kaum India Malaysia kepada Bahasa Kebangsaan dan Sastera Kebangsaan: Contribution of Malaysian Indian writers to the National Language and National Literature. *Sarjana*, 34(2), 35-45.
- Seniawati, K., Suarni, N. K., & Putri, D. A. W. M. (2014). Efektivitas teori karier Holland melalui layanan informasi untuk meningkatkan pemahaman diri terhadap kesiapan kerja siswa. *Jurnal Ilmiah Bimbingan Konseling Undiksha*, 2(1), 1-10.
- Shahnon Ahmad (1991). *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil & Ghazali Lateh. (2015). Pemikiran akal budi dan sosiobudaya Melayu dalam pendidikan Kesusasteraan Melayu. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1-10.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Perkembangan kerjaya: Teori dan praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. (2011). Media baharu yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia: New new media: Trends in the use of social networks among consumers in Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 93-110.
- Siti Hafsoh & A Muri Yusuf. (2021). Knowing students's personality types in the determination of career selection according to Holland's theory: Array. *Literasi Nusantara*, 1(3), 88-98.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2012). Penulisan kreatif dalam menjana minda dan sumber pendapatan belia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 157-167.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2011). Bahasa Melayu dan sastera mempunyai hubungan simbiosis dalam membina jati diri generasi moden. *PENDETA*, 2, 86-98.
- Siti Salwa Atan & Jamaludin Badusah. (2016). Aplikasi rangkaian sosial Google Plus dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 31-41.
- Song, S. (2012). The digital challenge for the book industry: A viewpoint of Frankfurt Book Fair. *New Library World*, 113(7/8), 343-350.
- Suryahadikusumah, A. R., Kurniasari, K., Ferdiansyah, M., Purnamasari, S., & Surtiyoni, E. (2019). Mempersiapkan karir siswa di era digital melalui pemahaman tipologi kepribadian dan dunia kerja. *Widya Laksana*, 8(2), 119-124.
- Sylvester Jua & Norazimah Zakaria. (2023). Keberkesanan strategi pengajaran timbal balik terhadap kemahiran dan minat membaca teks sastera di sekolah menengah: *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 34(2), 1-16.
- Tan Yao Sua. (2009). Perkembangan pendidikan di Malaysia: Peranan Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 1, 139-166.
- Tan, T. (2015). *Country spotlight: Malaysia: A flourishing alternative scene*. Publisher Weekly.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat @ Mustaffa. (2017). Program Kesusasteraan Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Pelaksanaan dan Cabaran. *Jurnal Melayu*, 16(1), 19-31.
- Tolbert. (1974). *Counseling for career development*. Boston: Houghton Mufflin Co.

- Uni, S. Q. A. Y. (2020). Analisis pemikiran pendidikan menurut Ibnu Sina dan kontribusinya bagi Pendidikan Islam di era modern. *Journal of Islamic Education Research*, 1(3), 225-238.
- Usmawati, E. (2019). Konsep Dasar Pilihan Karir Berdasarkan Teori Holland. Respiraotori Institusi Kemendikbud.
- Wahyu, N. E. S. (2014). *Teori Holland*. Penerbit: Universitas Negeri Malang Pascasarjana Program Studi Bimbingan dan Konseling.
- Wahyudi, I., Yusuf, A. M., & Afdal, A. (2021). Analisis terhadap *Holland theory* dan implikasinya dalam bimbingan karir pada siswa. *Edukatif: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 3(5), 1880-1890
- Wahyuni, D. (2020). Meningkatkan pembelajaran sastra melalui perkembangan era digital. *Jurnal Edukasi Kultura: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 7(1).
- Zafir Mohd Makhbul, Ishak Yussof & Abd Hair Awang. (2015). Antara realiti dan harapan: Kajian empirikal persepsi majikan terhadap prestasi graduan tempatan. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 11(10), 27-36.
- Zafir Mohd Makhbul, Ishak Yussof & Abd Hair Awang. (2012). Kriteria pengambilan dan pemilihan graduan dari perspektif pengurusan sumber manusia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 15(2012), 1-11.
- Zafir Mohd Makhbul, Ishak Yussof & Abd Hair Awang. (2011). Analisis Jurang Persepsi Majikan Terhadap Graduan Institusi Pengajian Tinggi. *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial: Pembangunan ke Arah Masa Depan yang Mapan*. CTFI Kampus Barat, Universiti Malaysia Sarawak.
- Zool Hilmi Mohamed Ashari, Mohamad Sattar Rasul & Norzaini Azman. (2014). Hubungan individu, persekitaran dan kebolehsesuaian terhadap pemilihan kerjaya pelajar Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM): Suatu Analisis Kandungan. *Sains Humanika*, 2(1), 135-144.
- Zunker, V. G. (1986). *Career counseling: Applied concepts of life planning*. Second Edition. California: Wadsworth, Inc.
- Zuraidah Ismail. (2010). The Differences of career self-efficacy in the selection of careers among Malay students at International Islamic University Malaysia. *International Journal of Educational Researchers*, 1(3), 17-30.

## LAMPIRAN

**Objektif 1:** Mengenal pasti perkembangan pendidikan sastera dan perkaitan bidang kerjaya di Sabah sekitar tahun 2010 sehingga tahun 2020.

**Soalan Temu bual:**

1. Boleh tuan terangkan serba sedikit tentang diri tuan?
  - A. Nama
  - B. Jawatan
  - C. Pengetahuan serba sedikit tentang bidang sastera dan kerjaya.
2. Apakah pandangan pihak tuan mengenai kepentingan pendidikan sastera kepada perkembangan modenisasi semasa?
3. Apakah cabaran modenisasi terhadap perkembangan bidang sastera di Malaysia?
4. Bagaimanakah untuk mengatasi cabaran tersebut?
5. Dalam tempoh 10 tahun (2010 sehingga 2020), apakah inisiatif yang telah dilaksanakan untuk meluaskan bidang sastera?
6. Apakah tindakan pihak majikan untuk memastikan pendidikan sastera terus memenuhi keperluan industri di Malaysia?
7. Adakah perkembangan teknologi (IR4.0) menjadi cabaran atau peluang kepada pendidikan sastera dan kerjaya?
8. Pada pandangan pihak tuan, adakah pendidikan sastera di Malaysia berkembang selaras perkembangan teknologi?
9. Apakah langkah-langkah untuk memanfaatkan perkembangan teknologi terhadap bidang sastera, sekaligus membuka peluang kerjaya yang lebih luas kepada graduan?
10. Apakah pandangan pihak tuan mengenai isu penawaran industri kerjaya di Malaysia yang lebih mementingkan bidang sains dan teknologi berbanding bidang sastera?

Lampiran 1: Soalan Temu Bual Objektif 1

**Objektif 2:** Menganalisis pandangan majikan terpilih terhadap graduan sastera.

Soalan temu bual:

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menceburi bidang sastera?
2. Bagaimanakah untuk memupuk minat pelajar dalam mempelajari bidang sastera?
3. Apakah tawaran kerjaya yang selaras dengan bidang sastera?
4. Adakah graduan sastera bekerja berbeza dengan bidang yang telah diceburi di universiti?
5. Bagaimanakah untuk memastikan graduan sastera berpeluang untuk bekerja selaras dengan bidang?
6. Pada pendapat pihak tuan, adakah nisbah peratus graduan sastera yang menganggur lebih tinggi berbanding graduan dari bidang sains?
7. Apakah peranan dan strategi daripada pihak tuan untuk mengangkat bidang sastera khususnya dalam kalangan pelajar universiti?
8. Apakah manfaat yang diperoleh daripada strategi tersebut khususnya kepada graduan universiti?
9. Adakah bidang sains dan teknologi lebih diberi keutamaan berbanding bidang sastera?
10. Apakah nasib bidang pendidikan sastera pada masa akan datang?

Lampiran 2: Soalan Temu Bual Objektif 2

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Lampiran 3: Sesi Temu Bual Informan 1




Lampiran 4: Sesi Temu Bual Informan 2



Lampiran 5: Sesi Temu Bual Informan 3



Lampiran 6: Sesi Temu Bual Informan 4



Lampiran 7: Sesi Temu Bual Informan 5